

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KESEJAHTERAAN WARGA EMAS YANG MENGIKUTI AKTIVITI DI
PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE), DI NEGERI SELANGOR**



NORAIDA BINTI IBRAHIM

**SARJANA SASTERA (KERJA SOSIAL)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2016**

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Program Sarjana Sastera (Kerja Sosial) di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti mempamerkan sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh *Graduate School of Arts and Sciences*. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis sarjana ini sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :



Dekan Awang Had Salleh *Graduate School of Arts and Sciences*

UUM Kolej Sastera dan Sains

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Transisi penambahan penduduk warga emas merupakan satu isu dan cabaran yang menjadi fokus utama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) demi menjamin kesejahteraan warga emas. Antara salah satu strategi JKM adalah dengan mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) selari dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Namun, tiada kajian empirikal tentang peranan dan keberkesanan PAWE sejak penubuhannya pada tahun 2001. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk; a) mengkaji tahap kesejahteraan warga emas yang menghadiri aktiviti di PAWE; b) mengkaji perbezaan kesejahteraan warga emas mengikut faktor demografi; c) mengkaji hubungan antara keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan hidup warga emas; dan d) mengkaji peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE bagi memastikan kesejahteraan warga emas. Kajian dijalankan di tiga buah lokasi PAWE dengan menggunakan kaedah mod campuran iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Seramai 78 orang warga emas telah dipilih berdasarkan teknik persampelan mudah untuk menjawab soal selidik *Older Persons Quality Of Life (OPQOL)*, manakala seramai enam orang pengurus PAWE telah ditemubual. Hasil analisis kuantitatif mendapati majoriti responden mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi, dan selebihnya pada tahap sederhana. Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara keberkesanan program dengan kesejahteraan warga emas. Hasil dapatan temubual mendapati peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan yang diamalkan adalah mengikut garis panduan PAWE yang disediakan oleh JKM. Hasil kajian ini menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PAWE berhubung kait dengan kesejahteraan warga emas di Malaysia. Sehubungan itu, dasar khusus dan penambahbaikan terhadap program PAWE amat diperlukan bagi memantapkan perkhidmatan kepada warga emas.

Kata Kunci: Penuaan, Dasar Warga Emas Negara, Warga emas, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Kesejahteraan warga emas.

Abstract

The transitional increase of the elderly population is an issue and pose a challenge to the Department of Social Welfare (DSW) in ensuring their well-being. One of the approaches undertaken by the DSW is the establishment of the 'Pusat Aktiviti Warga Emas' (PAWE) which is in accordance with the The National Policy For Older Persons and Plan of Action For Older Persons. However, there is no empirical studies conducted on the role and effectiveness of PAWE since its inception in 2001. Therefore, this study aims to; a) assess the level of well-being of the elderly who attend events conducted in PAWE; b) examine the differences of well-being of the elderly based on the demographic factors; c) study the relationship between the effectiveness of PAWE and the well-being of the elderly; and d) to examine the roles and responsibilities of PAWE management in order to ensure the elderly's well-being. The study was conducted at three locations and used both quantitative as well qualitative approaches. A total of 78 respondents were selected based on convenience sampling techniques to answer the Older Persons Quality Of Life (OPQOL) questionnaire and six of the centers' managers were interviewed. The results of the quantitative analysis found that the majority of the respondents have a high level of well-being while the rest said to have a moderate level. There is a significant difference of well-being which is based on the marital status. There is a positive relationship between the effectiveness of the program and the well-being of the respondents. The results also found that the roles and responsibilities of management practices are in line with the PAWE guidelines provided by the DSWM. The results of this study showed that the activities at PAWE were correlated to the well-being of the elderly in Malaysia. Accordingly, specific policies and improvement of PAWE program are needed to consolidate services for the elderly

Keywords: Aging, The National Policy For Older Persons, Elderly, "Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) , and Well-being of the elderly.

Penghargaan

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya akhirnya saya dapat menyempurnakan kajian sarjana ini yang berjudul *Kesejahteraan Warga Emas yang Mengikuti Aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Negeri Selangor* dalam tempoh yang ditentukan.

Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia pertama saya Dr. Zarina Binti Mat Saad dan Dr. Fatimah Zailly Binti Ahmad Ramli selaku penyelia kedua yang banyak membantu saya sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan amatlah dihargai dan disanjung.

Seterusnya ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam penyelidikan ini. Tidak dilupakan responden di Pusat Aktiviti Warga Emas yang terlibat terima kasih juga kepada pegawai dan kakitangan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia yang telah terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan penulisan kajian ini.

Ribuan terima kasih kepada ibu saya Puan Tariah Arshad dan yang suami tersayang, Encik Mohamad Hafize Bin Che Halim serta anak Mohamad Harish Irfan yang telah banyak berkorban masa dan tenaga, memahami serta memberi sokongan tanpa berbelah bahagi sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Allah s.w.t melimpahkan rahmat dan memberkati mereka.

Akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan, selamat maju jaya semua dan terima kasih di atas bantuan yang dihulurkan selama ini. Budi baik anda semua tetap saya kenang dalam ingatan.

Senarai Kandungan

Kebenaran	
Mengguna.....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi
Senarai Lampiran.....	xii
Penggunaan Singkatan	xiii
BAB SATU PENDAHULUAN.....	14
1.1 Latar Belakang	14
1.2 Pernyataan Masalah	21
1.3 Persoalan Kajian.....	26
1.4 Objektif Kajian.....	27
1.5 Hipotesis Kajian.....	27
1.6 Kepentingan Kajian.....	28
1.7 Limitasi Kajian.....	29
1.8 Kerangka Kajian.....	30
1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	31
1.9.1 Warga Emas	32
1.9.2 Kesejahteraan Warga Emas	32
1.9.3 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).....	33
1.9.4 Pihak Pengurusan.....	34
1.10 Penyusunan Bab Kajian	34
BAB DUA KAJIAN LITERATUR.....	37
2.1 Pengenalan	37
2.2 Fenomena Penuaan.....	37
2.3 Kesejahteraan Warga Emas.....	40
2.4 Penjagaan Warga Emas dalam Institusi dan Komuniti serta Kaitannya dengan Kesejahteraan Warga Emas.....	42

2.4.1 Keberkesanan Penjagaan dalam Komuniti/Pusat Aktiviti Warga Emas ke atas Kesejahteraan Warga Emas	46
2.5 Faktor Demografi dan Perkaitannya dengan Kesejahteraan Warga Emas.....	49
2.6 Dimensi Kesejahteraan yang Mempengaruhi Kesejahteraan Warga Emas	53
2.6.1 Kesihatan.....	53
2.6.2 Hubungan Sosial, Berdikari, Kebebasan dan kawalan ke atas Kehidupan dan Aktiviti Masa lapang.....	54
2.6.3 Kewangan	56
2.6.4 Persekitaran	57
2.6.5 Psikologi	58
2.6.6 Agama	59
2.7 Teori Aktiviti dan Kaitannya dengan Kesejahteraan Warga Emas.....	59
2.8 Rumusan.....	62
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	63
3.1 Pengenalan	63
3.2 Reka Bentuk Kajian	63
3.3 Pemilihan Kawasan Kajian	64
3.3.1 Justifikasi Pemilihan	67
3.4 Kaedah Kuantitatif	67
3.4.1 Populasi dan Persampelan.....	68
3.4.2 Pembentukan Instrumen Kajian.....	69
3.4.3 Kajian Rintis (<i>Pilot Test</i>).....	72
3.4.4 Pengumpulan Data.....	74
3.4.4.1 Data Primer.....	74
3.5 Kaedah Kualitatif	74
3.5.1 Populasi dan Persampelan.....	74
3.5.2 Temubual dan Soal Selidik	75
3.5.3 Pengumpulan Data.....	76
3.5.3.1 Data Primer.....	76
3.5.3.2 Temu Bual Separa Berstruktur	76
3.6 Prosedur Menjalankan Kajian	77
3.7 Pertimbangan Etika	77
3.8 Analisis Data	79

3.8.3 Analisis Data Kuantitatif	80
3.8.4 Analisis Data Kualitatif	80
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF	83
4.1 Pengenalan	83
4.2 Latar Belakang Responden	83
4.3 Tahap Kesejahteraan Responden	86
4.4 Persepsi Responden Secara Umum Terhadap Kesejahteraan Hidup Mereka.....	89
4.5 Perbezaan Di Antara Faktor-Faktor Demografi berdasarkan Kesejahteraan Warga Emas.	90
4.5.1 Faktor Umur	90
4.5.2 Faktor Jantina	91
4.5.3 Faktor Bangsa	91
4.5.4 Faktor Agama	92
4.5.5 Faktor Status Perkahwinan	92
4.5.6 Faktor Tahap Akademik	93
4.6 Hubungan Antara Keberkesanan Program PAWE dan Kesejahteraan Warga Emas.....	94
4.7 Rumusan	95
BAB LIMA DAPATAN KAJIAN KUALITATIF	97
5.1 Pengenalan	97
5.2 Peranan Dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan.....	97
5.2.1 Perancangan program PAWE	98
5.2.2 Pengurusan dan Pentadbiran PAWE.....	99
5.2.2.1 Pelaksanaan Aktiviti di PAWE.....	100
5.2.2.2 Pengurusan Kewangan di PAWE	101
5.2.3 Mempromosikan PAWE Sebagai Satu Tempat Menjalani Aktiviti Untuk Warga Emas	103
5.2.4 Pemantauan Ke Atas Pengurusan serta Aktiviti di PAWE	104
5.2.5 Pematuan Kepada Garis Panduan, Prosedur serta Peraturan PAWE.....	107
5.2.5.1 Aspek Keselamatan Warga Emas di PAWE	108
5.2.5.2 Penyediaan Makanan di PAWE	109
5.3 Pencapaian Objektif PAWE.....	109
5.3.1 PAWE Dapat Meluaskan Kemudahan untuk Kesejahteraan Warga	

Emas	110
5.3.2 PAWE Sebagai Kesenambungan Kepada Program Pembangunan Komuniti JKM 112	
5.3.3 PAWE Sebagai Satu Alternatif kepada Warga Emas	114
5.3.4 Peningkatan Kesejahteraan Hidup Selari dengan DWEN	116
5.3.5 Penambahbaikan Terhadap Program dan Aspek Pengurusan.....	117
5.4 Rumusan.....	120
BAB ENAM PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	122
6.1 Pendahuluan	122
6.2 Tahap Kesejahteraan Warga Emas Yang Hadir Ke PAWE.....	122
6.3 Perbezaan Berdasarkan Faktor-Faktor Demografi dan Tahap Kesejahteraan Responden	128
6.4 Hubungan Antara Keberkesanan Program PAWE dan Tahap Kesejahteraan Responden	129
6.5 Peranan dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan PAWE	130
6.6 Implikasi Kajian Terhadap Bidang Kerja Sosial.....	133
6.7 Cadangan Penambahbaikan Terhadap PAWE	135
6.8 Cadangan Kajian Akan Datang.....	136
6.9 Rumusan.....	137
RUJUKAN	139

Senarai Jadual

Jadual 1.1.1 Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.....	15
Jadual 1.1.2 Tren Jangkaan Penuaan Warga Emas di Malaysia	16
Jadual 1.8.2.1 Persamaan di antara Dimensi DWEN dan Dimensi WHO	33
Jadual 2.2.1 Penunjuk Demografi di Negara Asia Tenggara	38
Jadual 2.2.2 Taburan dan Peratusan Penduduk Berumur 60 dan 65 Tahun dan Lebih di Malaysia (1970 – 2020)	39
Jadual 3.3.1 Lokasi Kajian yang Dipilih.....	65
Jadual 3.3.2 Bilangan Kehadiran Warga Emas ke PAWE dari Tahun 2009 hingga Tahun 2014.	66
Jadual 3.4.1.1 Bilangan Responden Kajian.....	68
Jadual 3.4.2.1 Kandungan Borang Soal Selidik Kuantitatif.....	69
Jadual 3.4.2.2 Pecahan Kandungan Bahagian B	69
Jadual 3.4.2.3 Pecahan Kandungan Bahagian C	70
Jadual 3.4.2.4 Skor Jawapan bagi Mengukur Tahap Kesejahteraan Responden	70
Jadual 3.4.2.5 Skor Jawapan bagi Mengukur Tahap Kesejahteraan Responden Mengikut Dimensi Kesejahteraan	71
Jadual 3.4.2.6 Skor Jawapan bagi Mengukur Tahap Kesejahteraan Responden Mengikut Persepsi Keberkesanan Program.....	72
Jadual 3.4.3.1 Nilai Alpha Cronbach	73
Jadual 3.4.3.2 Nilai Alpha Cronbach Kajian	73
Jadual 3.5.1.1 Responden Bagi Kaedah Kualitatif.....	75
Jadual 3.5.2.1 Kandungan Borang Soal Selidik Kualitatif.....	76
Jadual 3.8.1 Ujian Statistik yang Digunakan	82
Jadual 4.2.1 Hasil Dapatan bagi Latar Belakang Responden.....	86
Jadual 4.3.1 Tahap Kesejahteraan Responden	87
Jadual 4.3.2 Dapatan Kajian bagi Setiap Dimensi Kesejahteraan.....	89
Jadual 4.4.1 Persepsi Responden Secara Umum Terhadap Kesejahteraan Hidup	90
Jadual 4.5.1.1 Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 1.	90
Jadual 4.5.2.1 Hasil Analisis Ujian-T bagi Hipotesis 2.	91
Jadual 4.5.3.1 Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 3.	92
Jadual 4.5.4.1 Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 4.	92
Jadual 4.5.5.1 Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 5.	93
Jadual 4.5.5.2 Ujian Post Hoc Scheffe.....	93

Jadual 4.5.6.1 Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 6.	94
Jadual 4.6.1 Hasil Analisis Korelasi Hipotesis 7.	95




Senarai Rajah

Rajah 1.8.1 : Carta alir kajian yang akan dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif	30
Rajah 1.8.2 : Kerangka kajian di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar.	31
Rajah 2.3.1: Elemen Kesejahteraan oleh Bowling dan Dieppe (2005).....	41
Rajah 5.2.1 Tema yang dibentuk daripada Peranan dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan berdasarkan Garis Panduan PAWE.....	98



Senarai Lampiran

LAMPIRAN A : Dasar Warga Emas Negara	151
LAMPIRAN B : Surat Permohonan Melalui Pusat Pengajian Kepada Pihak Jabatan Untuk Menjalankan Kajian	163
LAMPIRAN C : Surat Permohonan Daripada Pusat Pengajian Untuk Menjalankan Kajian Kepada Pihak Jabatan	165
LAMPIRAN D : Surat Kebenaran Serta Perakuan Menjalankan Kajian Daripada JKMM	166
LAMPIRAN E : Borang Soal Selidik	168
LAMPIRAN F : Analisis Kajian Rintis (<i>Reliability Analysis</i>)	179
LAMPIRAN G : Analisis Kajian (<i>Reliability Analysis</i>)	185
LAMPIRAN H : Analisis Frekuensi Demografi Responden	192
LAMPIRAN I : Analisis Tahap Kesejahteraan Responden dan Mengikut Dimensi Kesejahteraan	195
LAMPIRAN J : Analisis Persepsi Secara Umum Responden Terhadap Kesejahteraan Hidup	197
LAMPIRAN K : Analisis Ujian T Dan Anova Faktor Demografi Responden	198
LAMPIRAN L : Analisis Korelasi Keberkesanan Program Dan Kesejahteraan Responden	201



UUM
Universiti Utara Malaysia

Penggunaan Singkatan

DBD	Desa Bina Diri
DWEN	Dasar Warga Emas Negara
DWTN	Dasar Warga Tua Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPNPM	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
NGO	<i>Non Government Organization</i> (Badan Bukan Kerajaan)
OKU	Orang Kurang Upaya
OPQOL	<i>Older Person Quality Of Life</i>
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PJHWT	Pusat Jagaan Harian Warga Tua
PTDWTN	Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara
PTWEN	Pelan Tindakan Warga Emas Negara
RE	Rumah Ehsan
RSK	Rumah Seri Kenangan
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UUM	Universiti Utara Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i> (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Penuaan penduduk menyentuh setiap aspek hidup individu, masyarakat dan negara. Situasi kehidupan di peringkat tua bergantung kepada perjalanan dan perancangan hidup di peringkat awal lagi. Malaysia menggunakan istilah 60 tahun dan ke atas sebagai takrifan warga emas di Malaysia sejajar dengan takrifan oleh *United Nations World Assembly on Ageing* pada tahun 1982 di Vienna. Pertubuhan Kesihatan sedunia (WHO) telah menganggarkan akan terdapat lebih satu bilion warga emas di seluruh dunia menjelang tahun 2020 dan 700 juta bilangan warga emas tersebut adalah tinggal di negara membangun (Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini Haji Idris, Norlaila Abu Bakar, & Norlida Hanim Mohd Salleh, 2008). Menurut Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Zainab Ismail (2010a), dunia sekarang termasuk Malaysia sedang berhadapan dengan fenomena pertambahan warga emas yang merupakan satu kategori penduduk di peringkat akhir dalam kitaran hidup manusia.

Warga emas di Malaysia terdiri daripada golongan yang berumur 60 tahun dan ke atas yang telah meningkat ke 6.2 peratus atau 1.5 juta pada tahun 2000 dan dijangka akan mencapai 10 peratus atau 3.4 juta menjelang tahun 2020. Menerusi laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), terdapat seramai 2,251,216 orang warga emas di Malaysia iaitu sebanyak 8.0 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia dan angka ini dijangka meningkat dan akan terus meningkat. Kajian Nurizan Yahaya, Siti Suhailah Abdullah, Yadollah Abolfathi Momtaz, dan Tengku Aizan Hamid (2010) menunjukkan bahawa Malaysia

telah mencatatkan 7 peratus daripada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas pada tahun 2005, dan angka ini dijangka meningkat kepada 14 peratus pada 2028. Malaysia akan dikenali sebagai negara menua menjelang tahun 2035 apabila bilangan penduduk warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus. Situasi ini hanya mengambil masa selama 23 tahun lagi bagi Malaysia dikenali sebagai negara menua (Nurizan Yahaya et al., 2010). Jadual 1.1.1 menunjukkan jumlah penduduk di Malaysia serta bilangan warga emas mengikut negeri pada tahun 2010. Berdasarkan jadual di bawah, Negeri Perak menunjukkan peratusan warga emas paling tinggi iaitu sebanyak 11.9 peratus manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah paling rendah iaitu sebanyak 1.3 peratus.

Jadual 1.1.1

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Lokasi	Jumlah Penduduk	Jumlah Warga Emas	Peratusan
MALAYSIA	28,334,135	2,251,216	7.9
Perak	2,352,743	280,118	11.9
Perlis	231,541	24,499	10.5
Pulau Pinang	1,561,383	159,285	10.2
Melaka	821,110	79,422	9.6
Kedah	1,947,651	184,087	9.4
Negeri Sembilan	1,021,064	91,920	9.0
Kelantan	1,539,601	135,935	8.8
Sarawak	2,471,140	211,181	8.5
Johor	3,348,283	278,028	8.3
Pahang	1,500,817	122,719	7.9
Kuala Lumpur	1,674,521	127,825	7.6
Terengganu	1,035,977	78,058	7.5
Selangor	5,462,141	334,289	6.1
Sabah	3,206,742	138,386	4.3
Labuan	86,908	3483	4.0
Putrajaya	72,413	981	1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Tren jangkaan menunjukkan warga emas di Malaysia dijangka akan terus meningkat dari setahun ke setahun (Rujuk Jadual 1.1.2). Pada tahun 1970, jumlah penduduk di negara ini adalah sebanyak 10.8 juta orang dan 5.2 peratus daripadanya adalah warga emas. Namun begitu dijangkakan pada tahun 2030 jumlah warga emas adalah

sebanyak 15.0 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Jadual 1.1.2

Tren Jangkaan Penuaan Warga Emas di Malaysia

Tahun	Jumlah Penduduk	Jumlah Penduduk Warga Emas	Peratus Penduduk Warga Emas
1970	10.881	0.564	5.2
1980	13.879	0.745	5.4
1990	18.102	1.032	5.7
2000	23.494	1.45	6.2
2010	28.9	2.076	7.2
2020	33.7	3.209	9.5
2030	35.3	5.284	15.0

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Kerajaan Malaysia juga telah mengeluarkan Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum pada tahun 2012 dan rang undang-undang ini ada menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Sehubungan dengan itu, takrifan seorang pekerja berpcen pada umur 60 tahun ke atas telah juga mengambil kira takrifan warga emas di Malaysia. Ini bermakna, walaupun kumpulan umur ini dianggap telah memasuki usia warga emas, namun mereka juga boleh dikategorikan sebagai kumpulan yang masih aktif dan produktif serta mampu memberi sumbangan terhadap masyarakat dalam bidang masing-masing (Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2007).

Menyedari tren ini, kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Warga Tua Negara (DWTN) pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara (PTDWTN) pada tahun 1999. Dasar dan pelan ini kemudiannya telah ditambah baik pada tahun 2011 dan dinamakan semula sebagai Dasar Warga Emas Negara (Lampiran A) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Dasar Warga Emas Negara

(DWEN) merupakan hasrat serta komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati melalui cara mengoptimumkan potensi diri dalam aspek penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Usaha ini dilakukan adalah kerana penuaan penduduk merupakan fenomena yang bakal berlaku pada abad ke 21 kelak dan merupakan satu realiti yang perlu diberikan perhatian khusus. Impaknya terhadap negara bergantung kepada kesediaan negara bersedia untuk menghadapinya (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Pada 5 Januari 2011, DWEN dan PTWEN telah diluluskan oleh Kabinet bagi menggantikan DWTN dan PTDWTN. Penambahbaikan DWEN menyentuh setiap aspek berkaitan penuaan warga emas sama ada kepada individu, masyarakat dan negara. DWEN adalah sebagai satu dasar yang bertujuan untuk membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan serta dapat mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua kelak. Selain itu bersama DWEN juga adalah satu pelan tindakan warga emas yang lebih komprehensif (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). DWEN yang telah ditambahbaik pada tahun 2011 telah menggariskan sebanyak enam (6) strategi yang dibentuk sebagai pendekatan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

Strategi pertama DWEN adalah promosi dan advokasi yang memberi tumpuan kepada usaha berterusan untuk memupuk kesedaran mengenai isu dan cabaran penuaan dalam masyarakat. Strategi kedua pula adalah pembelajaran sepanjang hayat. Ianya memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga emas untuk melengkapkan diri serta meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta

kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Seterusnya strategi ketiga adalah keselamatan dan perlindungan iaitu mengenai hak mendapatkan keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek tanpa mengira latar belakang mereka. Strategi keempat pula adalah berkaitan tadbir urus dan perkongsian tanggungjawab. Strategi ini mengutamakan tadbir urus yang berkesan dalam aspek insan, pelaksanaan program, penyediaan kemudahan serta perkhidmatan dalam merealisasikan DWEN di pelbagai peringkat dan agensi. Penglibatan dan kesepaduan antara generasi merupakan strategi DWEN yang kelima. Tumpuan diberikan melalui strategi ini kepada pembangunan masyarakat serta penglibatan secara berterusan dalam sektor ekonomi dan sosial. Selain itu, ianya turut memfokus kepada usaha memupuk dan mengeratkan hubungan saling melengkapi serta aspek perpaduan dalam kalangan warga emas dan antara pelbagai generasi. Akhirnya strategi DWEN yang keenam adalah penyelidikan dan pembangunan yang mana strategi ini adalah untuk memberi tumpuan kepada pengumpulan dan penggunaan data warga emas dalam semua proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian program yang mesra warga emas. Fokus strategi terakhir ini juga adalah untuk meningkatkan penglibatan *stakeholders* serta memastikan penyampaian dasar dapat disampaikan dengan berkesan di pelbagai peringkat secara menyeluruh dan berterusan.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam melaksanakan strategi yang telah dinyatakan tersebut sama ada di dalam DWTN atau DWEN, pada tahun 2001 kerajaan telah mula membina sebanyak 22 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT) sebagai satu tempat kepada warga emas menjalankan aktiviti seharian di dalam komuniti setempat melalui projek pembangunan di bawah peruntukan

Rancangan Malaysia Ke lapan (8) dan sembilan (9) di seluruh negara. Kementerian yang bertanggungjawab ketika itu iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), telah dipertanggungjawabkan untuk melaksana serta mengurus 22 buah PJHWT di seluruh negara pada ketika itu. JKM kemudiannya telah meluluskan satu garis panduan yang dinamakan Garis Panduan Perlaksanaan PJHWT pada Disember 2002 dan memperuntukkan geran penyelenggaraan kewangan tahunan sebanyak RM33,330 kepada setiap badan bukan kerajaan (NGO) yang mengendalikan PJHWT (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2002). Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT) kemudian telah ditukar nama kepada Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) apabila istilah warga tua telah dipersetujui untuk ditukar kepada istilah warga emas.

Namun begitu, nama PJHWE sekali lagi telah ditukar kepada nama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) pada Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara Bil.1/2012 bertarikh 14 Februari 2012, bertujuan untuk menyesuaikan dengan konsep DWEN iaitu untuk menggalakkan warga emas menjalankan aktiviti dengan aktif dan bukannya sebuah pusat yang berkonsepkan jagaan harian (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012). Pengwujudan PAWE ini adalah kepada kumpulan sasaran utama iaitu kepada warga emas yang sihat serta dapat menguruskan diri. PAWE juga diwujudkan untuk membina kerjasama strategik di antara pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi kerajaan, agensi swasta serta NGO yang terlibat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Ini juga selaras dengan PTWEN yang mengambilkira pembangunan potensi yang ada pada golongan warga emas dari segi keupayaan mereka yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan

kepakaran kepada komuniti setempat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). PAWE ditubuhkan sebagai satu alternatif kepada warga emas sebagai tempat untuk mendapatkan perkhidmatan dan menjalankan aktiviti harian serta menyumbang kepada usaha kesejahteraan warga emas di dalam komuniti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995).

Kini pada tahun 2012, Malaysia telah mempunyai sebanyak 22 buah PAWE dan pertambahan sebanyak 23 buah lagi PAWE baru mulai tahun 2013 menjadikan jumlah keseluruhan PAWE sebanyak 45 buah di seluruh negara. Pada tahun 2011 JKM telah merekodkan seramai 18,195 warga emas telah berdaftar sebagai ahli di PAWE dan sebanyak 128,043 kehadiran warga emas telah dicatatkan pada tahun tersebut. Bilangan ini telah meningkat pada tahun 2012 iaitu seramai 20,040 warga emas telah berdaftar sebagai ahli di PAWE dan sebanyak 218,960 kehadiran telah direkodkan. Bilangan warga emas yang berdaftar terus meningkat pada tahun 2014 iaitu seramai 21,574 dan 198,888 kehadiran ke PAWE telah direkodkan. Berdasarkan rekod yang telah dikumpul oleh JKM, PAWE dilihat telah berjaya menarik minat ramai warga emas dari tahun ke tahun untuk melibatkan diri serta menyertai pelbagai aktiviti dan program di PAWE. PAWE juga kini telah dilihat sebagai sebuah tempat yang sesuai untuk menjalani aktiviti harian selain tempat untuk bertemu kawan-kawan sebaya berbanding duduk berseorangan di rumah.

Sebagai perbandingan, jika dilihat daripada senario di negara-negara Asia, contohnya di Taiwan, penjagaan warga emas telah disediakan melalui institusi di dalam komuniti dan terdapat kesan positif daripadanya (H.-M. Huang & Soong, 2013). Manakala di Myanmar pula pusat aktiviti juga dibuat berasaskan komuniti

yang mana ianya dianggap sesuai dalam konteks masyarakat kerana kos yang efektif dan sesuai untuk orang Myanmar (Han, 2012). Ini menunjukkan warga emas mempunyai keupayaan untuk bersosial dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berbeza dalam masyarakat dan menjadikan persekitaran salah satu aspek yang memberi kesan kepada kehidupan mereka (Elsawahli, Ahmad, & Ali, 2012).

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian berkaitan isu penuaan, penuaan yang berjaya serta kesejahteraan warga emas telah diterokai oleh ramai penyelidik seperti Bowling, Hankins, Windle, Bilotta, dan Grant (2013) yang mengkaji berkaitan kesejahteraan hidup warga emas, manakala Dickens, Richards, Greaves, dan Campbell (2011) pula mengkaji mengenai isu sosial warga emas yang terpinggir. Seterusnya kajian oleh Ferri, James, dan Pruchno (2009) yang berkaitan warga emas yang berjaya mencapai kesejahteraan dari segi konsep dan definisi dan juga kajian berkaitan penglibatan warga emas dalam menjalani aktiviti harian (Jopp & Hertzog, 2010). Namun begitu, selari dengan peningkatan bilangan warga emas kini warga emas dilihat memerlukan bantuan agar dapat menjalani aktiviti harian dalam masyarakat (Kozar-Westman, Troutman-Jordan, & Nies, 2013). Aspek penuaan yang berjaya juga dilihat daripada pelbagai dimensi iaitu dari segi makna serta fungsi penuaan, psikologi, intelektual, sosial serta kerohanian (Troutman, Nies, Small, & Bates, 2011). Maka dengan itu kajian berkaitan isu penuaan dan kesejahteraan dilihat semakin penting.

Banyak isu-isu sosial yang berkaitan dengan warga emas telah wujud dalam masyarakat seperti isu berkaitan sokongan keluarga, pekerjaan, pendapatan,

persaraan dan persekitaran. Salah satu isu yang dialami warga emas di Malaysia adalah rasa kesunyian. Hasil kajian oleh Siti Marziah Zakaria, Khadijah Alavi, dan Nasrudin Subhi (2013) untuk mengetahui risiko rasa kesunyian bagi penghuni di rumah penjagaan mendapati warga emas sangat berisiko untuk mengalami kesunyian kerana rasa kehilangan serta perubahan hidup yang mereka alami. Kesunyian adalah satu perasaan yang kerap dialami oleh warga emas dan ia merupakan satu petunjuk penting kepada kesejahteraan hidup mereka (Jane, Tey, & Ng, 2014; Penning, Liu, & Chou, 2014; VanderWeele, Hawkley, & Cacioppo, 2012). Namun begitu, kesunyian juga adalah satu persepsi di mana warga emas boleh hidup bersendirian dan tidak merasa sunyi ataupun merasa sunyi tanpa sebarang aktiviti serta berhubungan sosial (Luo, Hawkley, Waite, & Cacioppo, 2012). Menurut Jane et al. (2014) kesunyian adalah satu fenomena yang merupakan pengalaman hidup yang universal dan penting kepada kesihatan serta kesejahteraan hidup. Namun begitu jika rasa kesunyian dibiarkan berterusan, ia boleh membawa kepada risiko yang lebih tinggi seperti gangguan psikologi, masalah mental dan boleh juga membawa kepada rasa ingin bunuh diri (Jaremka et al., 2013). Kajian oleh Yadollah Abolfathi Momtaz et al. (2012), mengenai isu kesunyian di kalangan warga emas di Malaysia mendapati, hampir satu pertiga daripada responden yang dikaji mengalami kesunyian akibat daripada faktor sosio demografi seperti umur, jantina, tahap perkahwinan, etnik serta sejarah penyakit kronik. Namun begitu kajian di atas tidak menerangkan berkaitan cara atau kaedah bagi mengatasi masalah kesunyian warga emas.

Kajian yang dibuat oleh Yahaya Mahamood dan Zainon Jalani (1991) mengaitkan insiden membunuh diri warga emas yang kesunyian dan tinggal di rumah penjagaan orang tua. Warga emas merasa sunyi apabila diletakkan oleh anak-anak di rumah

penjagaan orang tua dan anak-anak tidak meluangkan masa untuk melawat mereka. Menurut Yahaya Mahamood dan Zainon Jalani (1991), kemerosotan fungsi fizikal dan mental bagi warga emas juga mempengaruhi perasaan kesunyian bagi warga emas, kerana mereka tidak lagi mampu untuk bergerak ke mana-mana yang mereka suka. Keadaan ini terjadi kerana warga emas memerlukan perhatian daripada orang-orang yang mempunyai hubungan signifikan dengannya untuk menghilangkan perasaan sunyi dan kesepian, ataupun mereka yang rapat dan signifikan dengan dirinya telah meninggal atau lama meninggalkan dirinya. Pengakhiran kehidupan bagi warga emas dalam situasi ini adalah kematian. Penafian tentang kematian bagi mereka tidak timbul dalam diri dan mereka menerima dengan hati yang. Kesunyian dikatakan sebagai kesakitan yang boleh merubah kehidupan individu, keluarga dan komuniti. Kesan besar yang dirasakan oleh kita semua ialah keluarga akan terjejas dari segi kesihatan, dan komuniti kita akan mengalami kemunduran tidak mampu meningkatkan produktiviti ekonomi negara (Yahaya Mahamood & Zainon Jalani, 1991).

Apabila situasi seperti di atas berlaku maka terdapat dua bentuk sokongan sosial yang boleh diberikan kepada warga emas iaitu sokongan formal dan sokongan tidak formal. Sokongan formal berfungsi menyediakan perkhidmatan yang bertujuan menambah, melengkap ataupun menggantikan sokongan tidak formal iaitu daripada ahli keluarga dan lain-lain (Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2007). Kajian yang dijalankan oleh Shanas (1980) menyatakan tanggungjawab memberi sokongan kepada warga emas perlu dikongsi bersama di antara sistem sokongan formal dan tidak formal. Kerjasama yang erat dan seimbang di antara sistem sokongan tidak

formal dengan sokongan formal akan menyebabkan keperluan warga emas tersebut dipenuhi dengan sebaiknya (Litwak, 1985).

Warga emas di negara-negara membangun biasanya tinggal bersama ahli keluarga untuk penjagaan sosial namun pada masa kini aspek jagaan dalam keluarga menjadi lebih sukar kerana saiz keluarga yang semakin mengecil dan akhirnya menyebabkan peratusan warga emas yang memilih untuk tinggal di institusi jagaan telah meningkat (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2011; Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2008). Peratusan warga emas yang tinggal di rumah penjagaan atau institusi kebajikan dilihat telah meningkat dengan ketara. Namun kajian di atas turut menyatakan bagi kebanyakan rakyat Malaysia, pilihan untuk tinggal di rumah penjagaan adalah satu alternatif yang terakhir (Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2008). Ini adalah kerana warga emas yang tinggal di rumah penjagaan atau institusi kebajikan dikatakan lebih tinggi risiko kepada kesunyian kerana mereka kini berjauhan daripada anak-anak tersayang dan keluarga serta diabaikan tanpa sebarang kunjungan (Siti Marziah Zakaria et al., 2013). Mengikut rekod JKM, pada tahun 2013 seramai 1,695 warga emas ditempatkan di Rumah Seri Kenangan (RSK) iaitu rumah perlindungan dan penjagaan di bawah kendalian JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013). Peningkatan bilangan warga emas dilihat telah meningkatkan peranan institusi yang bertanggungjawab dalam menguruskan kebajikan warga emas dan kemunculan institusi penjagaan warga emas ini dilihat bertujuan untuk menyediakan khidmat profesional terutamanya dari segi kesihatan (Doris Padmini Selvaratnam et al., 2008). Kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada penghuni warga emas di Rumah Seri Kenangan kendalian JKM merasakan mereka

takut menghadapi kesunyian ketika berada di institusi tersebut (Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2008).

Sehubungan itu, satu faktor yang dikenal pasti bagi mengatasi masalah kesunyian serta terpaksa tinggal di institusi jagaan adalah dengan menjalani aktiviti dan perhubungan sosial di dalam komuniti sebagai motivasi dan pendorong utama kepada warga emas serta dapat mengenali kawan-kawan baru serta menyumbang khidmat kepada masyarakat (Sharan B. Merriam & Mazanah Mohamad, 2000). Kajian menunjukkan warga emas yang melakukan senaman pada tahap yang sederhana dan dilakukan tiga hingga lima kali seminggu selama sekurang-kurangnya 30 minit menghasilkan kesihatan berganda serta manfaat kepada warga emas untuk hidup lebih sejahtera (O'Hartaigh et al., 2014). Tambahan pula, warga emas yang menyertai aktiviti pada masa lapang bersama-sama warga emas yang lain telah dikaitkan secara positif dengan kesejahteraan hidup (Holman & Jacquart, 1988). Kajian oleh Agate, Zabriskie, Agate, dan Poff (2009) melaporkan bahawa kesejahteraan hidup yang positif turut dipengaruhi oleh penglibatan teman serta ahli keluarga dalam aktiviti bersama. Sehubungan dengan itu, sebagai alternatif kepada penjagaan warga emas di institusi, JKM telah mewujudkan PAWE yang bertujuan untuk menggalakkan warga emas menjalankan aktiviti secara aktif dan sebagai tempat untuk mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2002).

Namun begitu, kajian-kajian yang telah dijalankan di atas tiada yang khusus mengkaji kaitan PAWE dan warga emas walaupun telah ditubuhkan sejak tahun 2001 lagi. Kini, PAWE telah diwujudkan hampir lima belas (15) tahun namun masih

tiada kajian ilmiah yang dikenal pasti dijalankan untuk mengkaji kesejahteraan warga emas yang hadir menjalani aktiviti di PAWE. Ditambah pula kini dengan peningkatan bilangan PAWE di seluruh negara, maka kajian ini dilihat amat penting agar ia tidak menjadi satu program yang merugikan kepada pihak kerajaan selain dapat mengetahui peranan serta tanggungjawab yang dimainkan oleh pihak pengurusan PAWE.

Kajian ini akan melihat tahap kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE berdasarkan dimensi kesejahteraan yang telah dipilih dan adakah terdapat perbezaan kesejahteraan berdasarkan faktor-faktor demografi warga emas. Akhir sekali, kajian ini akan melihat apakah wujud hubungan di antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan mereka. Kajian ini dibuat bertepatan dengan salah satu objektif penubuhan PAWE iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Maka hasil kajian ini akan membuktikan objektif penubuhan PAWE sama ada dapat dicapai atau tidak.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- i) Apakah tahap kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE?
- ii) Adakah terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas berdasarkan faktor-faktor demografi?
- iii) Apakah hubungan antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan mereka?

- iv) Bagaimanakah peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i) Mengkaji tahap kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE.
- ii) Mengkaji perbezaan kesejahteraan warga emas mengikut faktor demografi.
- iii) Mengenalpasti hubungan antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan mereka.
- iv) Mengkaji peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE dalam usaha menjaga kesejahteraan sosial warga emas.

1.5 Hipotesis Kajian

Daripada kerangka teori dan persoalan-persoalan kajian, hipotesis berikut telah dibentuk adalah untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga dan keempat dan diuji dalam kajian seperti berikut:

- i) **H₁** : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan umur;
- ii) **H₂** : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan jantina;
- iii) **H₃** : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan bangsa;
- iv) **H₄** : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan agama;

- v) **H₅** : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan;
- vi) **H₆** : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan tahap akademik; dan
- vii) **H₇** : Terdapat hubungan di antara persepsi warga emas yang signifikan terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan warga emas;

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan seperti berikut:

- i) Kajian berkaitan keberkesanan pengwujudan PAWE tidak pernah dibuat. Hasil kajian akan dicadangkan sebagai penambahbaikan kepada garis panduan sedia ada serta menjadi panduan kepada pihak JKM dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO) dalam aspek pengurusan, perancangan serta pelaksanaan aktiviti di PAWE yang akhirnya akan memberi manfaat kepada warga emas.
- ii) Kajian ini turut akan membantu para pembuat dasar di peringkat kementerian dan jabatan untuk melihat kepentingan pengwujudan sebuah PAWE di dalam komuniti dan kaitannya dengan kesejahteraan warga emas apabila penambahan PAWE kepada yang sedia ada dilakukan kelak.
- iii) Hasil kajian ini akan melihat tahap kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE, maka berdasarkan hasil tersebut permintaan kemasukan warga emas ke institusi kendalian JKM dapat dikurangkan

apabila warga emas mempunyai pilihan untuk hidup sejahtera di dalam komuniti.

- iv) JKM dan NGO akan menambahbaik perkhidmatan berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada hasil kajian ini dan dapat merancang pelbagai program serta aktiviti yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan warga emas ke arah kesejahteraan hidup yang lebih baik.
- v) Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan bagi pengkaji khususnya yang berkaitan dengan isu penuaan dan warga emas selari dengan andaian Malaysia bakal menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 kelak.

1.7 Limitasi Kajian


Dalam menjalankan kajian ini, berikut merupakan limitasi kajian yang telah dikenal pasti dan berlaku di luar skop yang dijangkakan. Antara limitasi tersebut adalah:

- i) Jumlah populasi kajian yang besar dan tidak konsisten, menyebabkan kajian ini hanya mengambil kira populasi warga emas yang hadir ke PAWE di Negeri Selangor sahaja;
- ii) Responden kajian ini adalah warga emas yang hadir secara konsisten ke PAWE. Jumlah ini juga meliputi bilangan kehadiran warga emas yang berulang-ulang hadir ke PAWE dalam tempoh seminggu. Oleh sebab itu, berkemungkinan hanya ahli yang aktif sahaja terlibat memberikan jawapan dan pandangan untuk kajian ini dan tidak mewakili keseluruhan warga emas di PAWE tersebut; dan

- iii) Kajian ilmiah berkaitan kesejahteraan warga emas di PAWE di Malaysia dikenal pasti tidak banyak dijalankan dan agak sukar bagi pengkaji untuk mendapatkan borang soal selidik yang bersesuaian. Maka kajian ini menggunakan borang soal selidik dari kajian di luar negara sebagai instrument kajian dan diubahsuai untuk disesuaikan dengan keadaan di Malaysia.


1.8 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dibentuk daripada carta alir kajian yang menghubungkan kajian kepada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Rajah 1.8.1 di bawah menunjukkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif untuk menganalisis faktor demografi responden dan persepsi mereka terhadap keberkesanan program di PAWE, manakala kaedah kualitatif pula untuk melihat peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE dalam melaksanakan tanggungjawab mengikut garis panduan PAWE. Hasil dapatan daripada gabungan kedua-dua kaedah ini akan menjelaskan kesejahteraan warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE di Negeri Selangor.



Rajah 1.8.1 : Carta alir kajian yang akan dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif

Berdasarkan Rajah 1.8.1 maka kerangka kajian berbentuk kuantitatif telah disediakan seperti rajah 1.8.2 di bawah. Kerangka kajian dalam penyelidikan ini ialah satu model yang menunjukkan perhubungan di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah tidak bersandar adalah faktor demografi warga emas, manakala pembolehubah bersandar pula adalah dimensi kesejahteraan oleh WHO dan persepsi keberkesanan program di PAWE.



Rajah 1.8.2 : Kerangka kajian di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar.

1.9 Definisi Konseptual dan Operasional

Dalam kajian ini beberapa definisi konseptual dan operasional penting digunakan bagi menerangkan dengan lebih terperinci satu-satu konsep tersebut. Definisi tersebut adalah seperti berikut:

1.9.1 Warga Emas

Warga emas di Malaysia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas (DWEN, 2011) dan selaras dengan takrifan Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu yang dibuat di *World Assembly On Ageing 1982* di Vienna, Austria. Namun warga emas bagi kajian ini, ia merujuk kepada warga emas yang mendaftar sebagai ahli dan hadir mengikuti aktiviti di PAWE dan mereka adalah yang berumur 56 tahun dan ke atas. Warga emas yang menjadi ahli di PAWE perlu mengikuti segala aktiviti yang dijalankan atau menyumbang bakti dan ilmu kepada PAWE. Contohnya warga emas yang mengikuti kelas senaman, ceramah agama, bengkel kraftangan di PAWE atau warga emas yang berkhidmat secara sukarela sebagai tenaga pengajar di PAWE.

1.9.2 Kesejahteraan Warga Emas

Kesejahteraan bermakna sebagai suatu keadaan (*well-being*) di mana individu dapat memenuhi keperluan hidupnya. Kesejahteraan sosial pula bermakna semua intervensi sosial yang dimaksudkan untuk meningkatkan atau mempertahankan keberfungsian sosial individu. Kesejahteraan sosial adalah kajian tentang syarikat-syarikat, skim-skim, personel, dan polisi-polisi yang memusatkan kepada pemberian perkhidmatan-perkhidmatan sosial kepada individu, kelompok, dan masyarakat (Adi Fahrudin, 2012). Ma'arof Rizduan dan Asnarulkhadi Abu Samah (2006) menjelaskan bahawa kesejahteraan kehidupan yang baik bagi warga emas meliputi aspek ekonomi, sosial dan mental dalam menghadapi usia emas.

Kajian ini merujuk takrifan kesejahteraan yang digunapakai di dalam DWEN, iaitu kesejahteraan hidup yang merangkumi lima (5) dimensi utama iaitu dimensi

kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong). Warga emas dijangka akan hidup dengan sejahtera apabila dapat menikmati keseimbangan dalam kelima-lima dimensi ini.

Dengan merujuk takfiran kesejahteraan DWEN, maka kesejahteraan hidup warga emas yang ditetapkan oleh *World Health Organization* (WHO) digunakan dan diukur dengan menggunakan instrumen *Older Person Quality of Life (OPQOL-35)*. Kesejahteraan menurut WHO merangkumi dimensi kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan, aktiviti masa lapang dan agama/budaya (Gobbens, Van Assen, Luijckx, & Schols, 2012). Dimensi yang digunakan di dalam instrumen kajian mempunyai perkaitan dengan dimensi yang ditetapkan di dalam DWEN seperti berikut:

Jadual 1.8.2.1

Persamaan di antara Dimensi DWEN dan Dimensi WHO

Dimensi DWEN	Dimensi WHO
• Kesihatan (penuaan sihat) • Sosial (penuaan aktif) • Ekonomi (penuaan produktif) • Kerohanian (penuaan positif) • Persekitaran (penuaan menyokong)	• Kesihatan • Hubungan Sosial • Aktiviti Masa Lapang • Kewangan • Psikologi • Agama/Budaya • Persekitaran • Berdikari, Kebebasan & Kawalan Ke atas Kehidupan

1.9.3 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

PAWE di dalam kajian ini adalah merujuk kepada PAWE yang diwujudkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ia tertakluk kepada peraturan dan garis

panduan yang dikeluarkan oleh JKM. Warga emas yang menjadi responden kajian ini adalah warga emas yang berdaftar sebagai ahli di PAWE dan hadir mengikuti aktiviti pada hari soal selidik diedarkan. PAWE diwujudkan dan disasarkan kepada warga emas yang sihat dan dapat menguruskan diri serta merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan (*developmental*) kepada warga emas (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Sehubungan dengan itu, bagi memastikan warga emas di PAWE dapat berdikari, hidup sejahtera dan berinteraksi sesama mereka dan masyarakat setempat, pelbagai aktiviti telah disediakan di pusat berkenaan seperti program-program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan, latihan atau kursus yang bersesuaian.

1.9.4 Pihak Pengurusan

Di dalam kajian ini, pihak pengurusan adalah ahli jawatankuasa PAWE yang dilantik oleh NGO iaitu Majlis Pusat Kebajikan Malaysia (MPKSM) dan Persatuan Usiamas Malaysia bagi menguruskan PAWE di lokasi kajian yang dipilih. Ahli jawatankuasa di dalam kajian ini juga mewakili penyelia iaitu seseorang yang dilantik oleh pihak pengurusan PAWE untuk mengurus serta menyelia perjalanan harian di PAWE. Peranan pihak pengurusan akan dilihat daripada aspek bebanan tugas, tanggungjawab, pemantauan serta hubungan dengan warga emas dan pihak JKM mengikut garis panduan PAWE.

1.10 Penyusunan Bab Kajian

Kajian ini menjurus kepada peranan PAWE ke atas kesejahteraan warga emas dan kajian ini tertumpu di PAWE di negeri Selangor. Bab Satu membincangkan

mengenai latar belakang dan pernyataan masalah kajian. Ia turut membincangkan persoalan kajian serta objektif kajian dan hipotesis yang digunakan. Berdasarkan teori kajian yang berkaitan, kepentingan kajian, kerangka kajian dan definisi turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab Dua membincangkan tentang kajian literatur. Dalam bab ini, perkara yang dibincangkan adalah berkaitan fenomena penuaan, penjagaan warga emas dalam institusi dan komuniti serta kesejahteraan warga emas, faktor demografi dan perkaitan dengan kesejahteraan warga emas serta keberkesanan program. Selain itu, bab ini juga menghuraikan konsep kesejahteraan hidup warga emas dari aspek psikologi dan pegangan agama, hubungan sosial kewangan persekitaran serta rumusan keseluruhan bab.

Bab Tiga membincangkan reka bentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, populasi dan persampelan, pembentukan soal selidik dan kesahan kebolehpercayaan skala, pengumpulan data, analisis data dan prosedur kajian.

Dapatan kajian secara kualitatif dihuraikan di dalam Bab Empat. Soal selidik berkaitan peranan PAWE dari segi peranan pihak pengurusan PAWE dianalisis dan dibincangkan di dalam bab ini.

Bab Lima pula membincangkan dapatan kajian secara kuantitatif. Tahap kesejahteraan warga emas, peranan PAWE terhadap kesejahteraan warga emas, melihat perbezaan berdasarkan faktor demografi yang dikenalpasti serta hubungan

antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan warga emas.

Seterusnya bab terakhir iaitu Bab Enam akan merumuskan mengenai kesimpulan dan cadangan seperti ringkasan hasil kajian, implikasi kajian dan cadangan pada masa akan datang.



BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab Dua ini membincang dan menghuraikan mengenai konsep penjagaan warga emas di institusi dan juga di PAWE, faktor demografi warga emas kepada kesejahteraan warga emas. Selain itu faktor yang berkaitan kesejahteraan hidup warga emas serta kajian terdahulu turut akan dibincangkan di dalam bab dua ini.

2.2 Fenomena Penuaan

Menurut Sim (2002), pada tahun 1990, sembilan (9) peratus atau hampir setengah bilion penduduk dunia berusia lebih 60 tahun. Menjelang 2030 pula, angka ini dijangka meningkat kepada 1.4 bilion (Pordes, 1994). Oleh kerana peningkatan pengetahuan berkaitan perubatan dan kesihatan serta kesuburan, negara-negara membangun lebih cepat mengalami penuaan daripada negara-negara maju. Menjelang tahun 2020, 9.5% daripada penduduk Malaysia dijangka akan berumur 60 tahun dan ke atas. Ia juga bergantung kepada peningkatan yang berterusan dalam bidang perubatan, penyediaan dan penggunaan penjagaan kesihatan, jangka hayat yang lebih panjang serta penurunan kadar kelahiran (Sim, 2002).

Menurut Wan Ibrahim Wan Ahmad (2006), peningkatan warga emas terjadi di seluruh dunia terutamanya di benua Eropah yang mempunyai jumlah penduduk warga emas yang paling tinggi. Kadar peningkatan ini dikatakan berpunca daripada tahap kemajuan sosioekonomi dan permodenan yang pesat selain negara yang

mempunyai tahap kemajuan sosioekonomi yang tinggi mempunyai kadar mortaliti dan fertiliti yang amat rendah.

Kadar peningkatan warga emas juga berkait rapat dengan faktor jangkaan hayat penduduk yang semakin meningkat. Negara di Asia Tenggara juga tidak ketinggalan mengalami peningkatan jumlah penduduk warga emas. Jadual 2.2.1 menunjukkan jangkaan hayat penduduk di Asia Tenggara pada tahun 2000 sehingga 2005. Berdasarkan jadual tersebut dapat dilihat bahawa jangkaan hayat hidup warga emas di negara asia seperti Malaysia dan Indonesia ialah 73.0 tahun dan 66.5 tahun manakala di Singapura dan Thailand masing-masing menunjukkan jangkaan hayat warga emas adalah 78.6 tahun dan 69.7 tahun.

Jadual 2.2.1

Penunjuk Demografi di Negara Asia Tenggara

Negara	Jangka Hayat Hidup 2000-2005	Jangka Hayat Hidup		Kadar Kelahiran 2000-2005	Nisbah Tanggungan 2005
		Lelaki	Perempuan		
Malaysia	73.0	61.6	64.8	2.93	7
Indonesia	66.5	57.4	58.9	2.37	8
Singapura	78.6	68.8	71.3	1.35	12
Thailand	69.7	57.7	62.4	1.93	10
Filipina	70.2	57.1	61.5	3.22	6
Brunei	76.3	65.5	65.5	2.50	5
Myanmar	60.1	49.9	53.5	2.46	8
Kemboja	5.6	60.6	49.5	4.41	6

Sumber: Khadijah Alavi, Rahim M Sail, Khairuddin Idris, dan Asnarulkhadi Abu Samah (2010).

Revolusi yang terjadi dalam teknologi perubatan moden di awal abad ke-20 menyebabkan banyak penyakit yang mematikan sebelum ini dapat disembuhkan. Oleh yang demikian, jangkaan hayat penduduk menjadi semakin panjang dan jumlah

warga emas dalam masyarakat menjadi semakin ramai (Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2007). Hal ini berlaku disebabkan revolusi demografi yang terjadi di negara maju akibat daripada penurunan kelahiran, berserta dengan adanya kemajuan dalam bidang teknologi perubatan yang telah menjadikan penduduk warga emas kian bertambah, termasuklah di Malaysia. Menurut Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Zainab Ismail (2010a) Walaupun jumlah penduduk warga emas yang berumur 65 tahun dan lebih di Malaysia pada hari ini dilihat masih kecil berbanding dengan negara Barat namun, penduduk Malaysia sedang menuju ke arah penuaan berikutan dengan peningkatan jumlah warga emas di Malaysia dari tahun ke tahun (Jadual 2.2.2).

Jadual 2.2.2

Taburan dan Peratusan Penduduk Berumur 60 dan 65 Tahun dan Lebih di Malaysia (1970 – 2020)

Tahun	Penduduk 60 Tahun dan >		Penduduk 65 Tahun dan >	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
1970	539 118	5.2	316 852	3.0
1975	554 818	5.5	356 631	3.5
1980	745 152	5.7	475 407	3.6
1985	706 902	5.2	464 272	3.4
1991	1 032 310	5.9	657 401	3.7
1995	1 194 000	6.0	788 000	3.9
2000	1 450 000	6.6	919 000	4.2
2005	1 705 000	7.2	1 133 000	4.8
2010	2 094 000	8.3	1 340 000	5.3
2015	2 596 000	9.7	1 665 000	6.2
2020	3 216 000	11.3	2 079 000	7.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (1973; 1974; 1983; 1995). PBB (1991) – Unjuran Penduduk Dunia 1995-2020.

Penuaan juga terjadi akibat daripada kemajuan sosioekonomi sesebuah negara. Semakin tinggi tahap pembangunan sosioekonomi sesebuah negara, semakin ramai warga emas dalam negara itu. Setiap negara dalam dunia mempunyai peratusan penduduk warga emas yang berbeza-beza dan negara maju khususnya mempunyai tahap kemajuan sosioekonomi yang lebih tinggi. Ini akan menyebabkan mereka


mempunyai peratusan penduduk warga emas yang lebih tinggi (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2011).

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk dengan penggubalan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Kemudian pada tahun 2011 DWTN telah ditambahbaik dan dinamakan semula sebagai Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Dasar ini merupakan dasar yang berhasrat untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati melalui cara mengoptimumkan potensi diri dalam aspek penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara di samping melaksanakan pelbagai program pembangunan kepada warga emas bagi menghadapi femonema penuaan kelak dan antaranya adalah pengwujudan PAWE di seluruh negara (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

2.3 Kesejahteraan Warga Emas

Definisi kesejahteraan menggambarkan kualiti hidup yang dinikmati oleh individu atau kumpulan. Kualiti hidup pula ialah keadaan kesejahteraan yang ditanggapi (subjektif) atau sepertimana dikenal pasti melalui petunjuk atau indikator (objektif). Isu-isu berkaitan kesejahteraan warga emas dalam masyarakat yang kerap dibincangkan dan memerlukan tindakan selanjutnya oleh pihak bertanggungjawab termasuklah isu sokongan keluarga, pekerjaan, pendapatan, persaraan dan persekitaran (Poi, Forsyth, & Chan, 2004). Di United Kingdom, kerajaan telah mengambil kira aspek kesejahteraan sebagai salah satu perkara penting dalam

membangunkan negara (Dolan & Metcalfe, 2011; Donovan, Halpern, Sargeant, & Britain, 2002). Warga emas yang berpuas hati dengan kehidupan sedia ada mereka, mendapati penuaan yang berjaya adalah dari aspek semangat, ketabahan, kebahagiaan, hubungan sosial, matlamat tercapai, moral, perasaan serta aspek kesejahteraan secara keseluruhan (Bowling et al., 2013). Bowling dan Dieppe (2005) juga turut mendefinisikan kesejahteraan warga emas dapat dicapai jika perkara yang dinyatakan dipenuhi seperti Rajah 2.3.1:



Rajah 2.3.1: Elemen Kesejahteraan oleh Bowling dan Dieppe (2005)

Walau bagaimanapun, kajian di atas mendapati kesemua elemen yang dinyatakan oleh pengkaji seperti di Rajah 2.3.1 tidak akan berkesan jika tiada sokongan sama ada daripada individu ataupun sokongan daripada pihak kerajaan dengan pelaksanaan program serta pembentukan polisi atau dasar kepada warga emas. Kajian oleh Nurizan Yahaya et al. (2010), mendedahkan empat faktor ketara dalam meramalkan kualiti hidup warga emas iaitu kesihatan, jantina, status pekerjaan serta tahap pendidikan.

Di Malaysia, penambahbaikan yang telah dibuat kepada DWTN kepada DWEN telah merangkumi kesemua elemen yang diperlukan untuk meningkatkan lagi kesejahteraan warga emas di Malaysia. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk menilai sama ada elemen yang telah diketengahkan di dalam DWEN dapat menggambarkan kesejahteraan warga emas di Malaysia. Mengikut DWEN takrifan kesejahteraan merangkumi 5 dimensi iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong). Selari dengan matlamat DWEN iaitu untuk mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan yang mesra warga emas dengan cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membolehkan serta membantu warga emas hidup sejahtera. Seterusnya PTWEN yang akan melaksanakan pelbagai program sokongan serta perkhidmatan ke arah kesejahteraan warga emas di Malaysia (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

2.4 Penjagaan Warga Emas dalam Institusi dan Komuniti serta Kaitannya dengan Kesejahteraan Warga Emas

Peningkatan warga emas kebanyakan negara di dunia telah meningkatkan peranan institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan kebajikan golongan ini. Selain itu, peningkatan jangka hayat penduduk perlu selari dengan peningkatan kualiti hidup terutamanya dalam kalangan golongan warga emas. Maka dengan itu, institusi penjagaan warga emas diwujudkan bertujuan untuk menyediakan khidmat profesional kepada warga emas terutamanya dari segi penjagaan serta perlindungan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Kekangan utama terhadap isu penjagaan warga emas di Malaysia ialah dari segi dana, ketiadaan pekerja sukarela serta tidak

semua warga emas mampu tinggal di rumah penjagaan swasta ditambah pula Kerajaan tidak mampu untuk menyediakan semua keperluan mereka. Jadi apa yang harus ditekankan ialah memberi kesedaran kepada golongan muda supaya tidak mengabaikan ibubapa kerana penuaan adalah satu proses yang akan ditempo oleh semua individu sebelum tempoh ajal tiba (Doris Padmini Selvaratnam et al., 2008).

Di negara kita, KPWKM bertanggungjawab ke atas perlindungan serta kesejahteraan warga emas bersama agensi di bawahnya iaitu JKM. JKM menyediakan perkhidmatan kepada warga emas dari aspek perlindungan dan jagaan secara berterusan. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) iaitu institusi yang memberi perlindungan dan penjagaan bagi warga emas, manakala Rumah Ehsan (RE) adalah institusi yang memberi perlindungan dan penjagaan bagi warga emas yang terlantar. Seterusnya adalah Desa Bina Diri (DBD) iaitu institusi yang memberi perlindungan dan pemulihan bagi orang miskin/papa, Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris iaitu institusi yang memberi perlindungan dan penjagaan bagi warga emas Islam yang tidak mempunyai waris, Kompleks Penyayang Bakti, dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Selain daripada pihak kerajaan, pihak swasta serta NGO turut menyediakan perkhidmatan berbentuk jagaan dan perlindungan kepada warga emas seperti Rumah Pelindungan Warga Tua, ataupun *Cheshire Home* (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012). Akta yang berkaitan dengan perlindungan khusus untuk warga emas yang dimasukkan ke institusi adalah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183) dan Akta Pusat Jagaan. Sementara Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara digubal bagi menggaris strategi untuk membela nasib mereka di Malaysia. Selain daripada akta yang berkaitan, JKM juga menggunakan kaedah-kaedah yang telah diwartakan sebagai panduan di dalam pengurusan institusi-institusi tersebut seperti berikut:

- i. Kaedah-Kaedah Pengurusan Rumah Orang Tua 1983.
- ii. Kaedah-Kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-Orang Papa 1981.
- iii. Kaedah-Kaedah Rumah-Rumah Pesakit Melarat 1978.

Kajian Doris Padmini Selvaratnam et al. (2008) berkaitan penjagaan warga emas di Malaysia dan Australia menyatakan bahawa di Australia kerajaannya menyediakan perkhidmatan warga emas di komuniti yang berkualiti, mudah dicapai dan pada kos yang berpatutan kepada warga emas. Memandangkan kebanyakan warga emas memilih untuk tinggal di rumah, maka bantuan komuniti akan diberi kepada mereka. Perkhidmatan kepada warga emas ini disediakan di dalam komuniti oleh pihak swasta, badan/pertubuhan keagamaan, badan beramal serta pihak kerajaan tempatan. Walaupun kerajaan Malaysia memberi perlindungan dan penjagaan terhadap warga emas melalui pelbagai dasar dan akta perlindungan, namun dari segi perumahan didapati penyediaan dan penjagaan serta kesesuaian rumah untuk setiap warga emas masih belum mencapai tahap yang memuaskan (Doris Padmini Selvaratnam et al., 2008).

Sehubungan itu, peranan seorang anak untuk menjaga ibu bapa yang tua serta menjaga kesejahteraan hidup mereka dalam masyarakat tetap menjadi kepentingan yang utama (Havanon, Knodel, & Sittitrai, 1992). Di negara membangun, peranan anak tetap dilihat menjadi harapan serta jaminan ekonomi dan sosial kepada emas, menyebabkan kebanyakan ibu bapa selalu mengharapkan bilangan anak yang ramai dalam keluarga (Clay & Vander Haar, 1993). Horwitz (1993) mengatakan sokongan sosial sebagai suatu rangkaian jaringan yang berurutan. Jika salah satu sumber dalam jaringan ini berfungsi dengan baik, akan menjadikan anak-anak dan ahli keluarga

bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penjagaan dan kesejahteraan warga emas (Chen, Jones, & Domingo, 1989). Fengler dan Goodrich (1979) menyatakan anak-anak dalam keluarga sebagai unsur kedua selepas pasangan masing-masing. Warga emas yang tidak mempunyai anak dan pasangan akan mencari sokongan penjagaan lain seperti institusi penjagaan ataupun pusat aktiviti harian yang disediakan oleh pihak kerajaan mahupun swasta. Kajian oleh Zunzunegui, Beland, dan Otero (2001) mendapati sokongan emosi daripada anak-anak dan keluarga memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kesihatan fizikal, emosi dan mental warga emas di Sepanyol.

Satu kajian telah dibuat Khadijah Alavi (2007) mengenai pengalaman seseorang anak yang telah dewasa mengurus aktiviti harian ibu bapa tua. Responden kajian melibatkan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua berumur lebih daripada 60 tahun, berbangsa Melayu, berstatus sosioekonomi rendah dan tinggal di sekitar Kuala Lumpur serta mempunyai keluarga sendiri. Responden kajian juga dipilih mengikut tiga kumpulan kategori warga emas iaitu yang sihat, kurang upaya serta yang sakit terlantar. Hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat lompang kajian melalui aspek sokongan sosial kepada warga emas berteraskan pendidikan komuniti. Kajian ini juga telah mencadangkan sebuah pendekatan pengurusan sokongan sosial berteraskan pendidikan komuniti untuk membantu anak dewasa ini menjaga ibu bapa yang telah tua.

Selain daripada isu aspek penjagaan warga emas oleh anak serta institusi formal, kajian oleh Kuzuya et al. (2006) menyatakan program penjagaan komuniti di negara maju bertujuan dapat mengekalkan serta meningkatkan kebolehan fungsi

kesejahteraan warga emas dan dapat mengurangkan penggunaan perkhidmatan jagaan institusi. Dapatan kajian juga menunjukkan warga emas yang hadir mengikuti aktiviti di pusat aktiviti dapat mengurangkan risiko kematian daripada 63 peratus kepada 44 peratus. Ini menunjukkan kehidupan sihat di usia tua mempengaruhi kelangsungan usia warga emas. Walau bagaimanapun, kajian mereka hanya tertumpu kepada pusat yang menempatkan warga emas tidak berupaya dan tidak produktif sahaja.

Kajian oleh Doris Padmini Selvaratnam et al. (2008), menyatakan perkhidmatan yang disediakan di Malaysia masih lagi perlu diperbaiki bagi memastikan keperluan warga emas dipenuhi apabila negara mencapai status negara menua kelak. Ekoran daripada peningkatan warga emas yang memerlukan perlindungan serta jagaan mendorong institusi penjagaan berbentuk formal yang dikelolakan oleh sektor kerajaan, NGO dan swasta diwujudkan telah mendorong kerajaan untuk mengambil inisiatif lain bagi melaksanakan program mengajak anak yang bekerja menjaga ibu bapa mereka di dalam ruang lingkungan kediaman mereka iaitu di dalam komuniti. Ini kerana perkara yang perlu di beri perhatian khusus bagi memastikan pengurusan warga emas lebih sistematik dan teratur antaranya aspek kemudahan serta sokongan daripada semua pihak (Doris Padmini Selvaratnam et al., 2008).

2.4.1 Keberkesanan Penjagaan dalam Komuniti/Pusat Aktiviti Warga Emas ke atas Kesejahteraan Warga Emas

Pola penjagaan warga emas kini dikatakan semakin berubah apabila negara kini menuju arus kemodenan. Salah satu kesan daripada itu, ramai warga emas tidak lagi dijaga oleh anak-anak atau ahli keluarga lain kerana keperluan untuk bersaing dalam

pekerjaan serta cara hidup, maka warga emas telah dihantar ke institusi jagaan sama ada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta. Warga emas yang dihantar ke pusat jagaan ini akan mengalami kesunyian kerana jauh daripada anak-anak.

Kesunyian merupakan satu masalah serius kerana mendatangkan kesan buruk kepada 40 peratus daripada populasi warga emas yang berada Eropah dan Amerika Syarikat (Weeks, 1994). Hasil kajian Berg, Mellström, Persson, dan Svanborg (1981), menunjukkan bahawa kesunyian telah melanda 24 peratus warga emas wanita dan 12 peratus daripada warga emas lelaki di Sweden. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa kesunyian didapati telah meningkat seiring dengan peningkatan usia mereka. Gejala ini semakin membimbangkan kerana adanya kes bunuh diri, penyakit-penyakit fizikal, serta sindrom kemurungan (Creecy, Berg, & Wright, 1985).

Warga emas lebih cenderung untuk mengalami kesunyian disebabkan oleh perubahan-perubahan hidup, kehilangan orang yang tersayang serta kemerosotan fungsi fizikal dan kognitif yang dialami (Lopata, 1995). Selain daripada itu, perubahan persekitaran sosial juga boleh menimbulkan kesunyian dalam kalangan warga emas. Mengikut Berg et al. (1981), rutin kehidupan seharian boleh mengubah rasa kesunyian apabila mereka cuba melupakan apa-apa yang telah berlaku dan memandang ke hadapan. Perasaan sunyi adalah perasaan yang dialami oleh warga emas untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan yang baru dan mereka menggunakan pelbagai cara bagi mengatasi rasa tersebut (Pettigrew, Donovan, Boldy, & Newton, 2014; Stanley et al., 2010). Kajian oleh Heravi-Karimooi, Anoosheh, Foroughan, Sheykhi, dan Hajizadeh (2010) menggambarkan rasa sunyi di kalangan warga emas sebagai negatif, terpencil, dan rasa diabaikan. Selain itu

kesunyian turut digambarkan sebagai rasa kebimbangan, ketakutan, kesedihan dan keadaan penderitaan senyap (McInnis & White, 2001). Kajian oleh Nurizan Yahaya et al. (2010) menunjukkan bahawa majoriti warga emas berstatus janda dan duda lebih cenderung untuk hidup bersendirian daripada yang mempunyai pasangan hidup.

Di Malaysia menurut Sim (2002), satu perkembangan utama dari segi penjagaan bagi warga emas adalah peralihan daripada jagaan institusi kepada jagaan di dalam komuniti atau masyarakat. Ini adalah kerana terdapat pandangan yang positif dari segi kualiti hidup berada di rumah berbanding di institusi jagaan. Tinker (2014), menyatakan terdapat rasa pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap warga emas yang tinggal di kalangan masyarakat dan tidak terpengil dalam sebuah institusi. Maka satu alternatif bagi mengatasi masalah kesunyian warga emas adalah dengan tertubuhnya program pembangunan kepada warga emas iaitu PAWE sejak tahun 2001 lagi. PAWE diwujudkan sebagai satu pilihan kepada anak-anak untuk terus menjaga ibubapa selain memilih untuk meletakkan mereka di institusi jagaan. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan kepada warga emas di dalam komuniti menerusi PAWE. Penglibatan warga emas juga akan meningkatkan interaksi sesama usia mereka (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012). Warga emas dapat mengurangkan rasa sunyi apabila dapat melakukan apa yang mereka boleh lakukan dan boleh terus mengikuti kelas serta program yang dijalankan. Seperti kajian oleh Chalise, Kai, dan Saito (2010) yang mendapati terdapat hubungkait antara sokongan sosial dan rasa kesunyian dikalangan warga emas maka warga emas apabila warga emas menghulurkan serta menerima sokongan sosial kepada jiran-jiran dan kawan-kawan didapati kurang mengalami kesunyian.

Bertetapan dengan maksud itu, PAWE telah diwujudkan untuk menggalakkan warga emas memiliki sahabat bagi memupuk rasa memiliki dan rasa gembira walaupun kebanyakan mereka mempunyai keterbatasan mental dan minda. Wells dan Macdonald (1981) menegaskan bahawa rasa kepunyaan atau rasa memiliki (*sense of belonging*) boleh mengurangkan perasaan sunyi dalam kalangan warga emas di rumah penjagaan atau di dalam komuniti. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian daripada sarjana berkaitan rasa kesunyian, maka kajian ini dijalankan bagi melihat kesejahteraan warga emas yang hadir menjalankan aktiviti di PAWE.

2.5 Faktor Demografi dan Perkaitannya dengan Kesejahteraan Warga Emas

Kajian oleh Jarosz (1999) menyatakan peningkatan warga emas akan berlaku pada tahun 2025. Ini berlaku disebabkan oleh dua faktor iaitu pertama, berlakunya peningkatan jangkaan hayat yang membolehkan manusia hidup lebih lama. Kedua, lebih ramai manusia terus hidup disebabkan kadar kematian di peringkat bayi dan kanak-kanak adalah rendah (Salma Ishak & Fuziah Shaffie, 1998). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Syed Abdul Razak Syed Mahadi (2000) mendapati peningkatan bilangan warga emas berlaku disebabkan oleh perkembangan dalam sosioekonomi di Malaysia. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada profil demografi penduduk. Penurunan dalam kadar mortaliti dan fertiliti mengakibatkan berlakunya peningkatan kualiti hidup dan akan memberi kesan kepada populasi penduduk. Perubahan struktur umur penduduk dari segi umur dan jangkaan hayat yang semakin meningkat merupakan salah satu daripada kesan perubahan yang berlaku. Berasaskan kepada perubahan ini, Malaysia dikatakan berada di fasa kedua iaitu kesuburan

semakin menurun manakala peratusan penduduk warga emas dilihat semakin meningkat.

Menurut Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Hj. Idris, dan Doris Padmini Selavaratnam (2009), tren kependudukan kini menunjukkan bahawa peratusan warga emas wanita lebih tinggi daripada warga emas lelaki. Selain itu, jangka hayat wanita yang lebih panjang telah menyebabkan ketidakseimbangan dalam ratio gender di kalangan warga emas (Ofstedal, Reidy, & Knodel, 2004). Kajian oleh Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron, dan Gikonyo (2008), terhadap 1,841 responden yang berumur di antara 55-75 tahun mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sumber dan jumlah pendapatan antara warga emas lelaki dengan warga emas wanita. Hasil kajian mendapati warga emas lelaki yang mempunyai pendapatan berpencen mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding warga emas wanita maka bagi warga emas yang tinggal berseorangan didapati lebih terdedah kepada kemiskinan.

Oleh itu warga emas wanita lebih banyak bergantung kepada bantuan daripada anak-anak dari segi kewangan serta sokongan sosial (Jariah Masud et al., 2008). Kajian berkaitan status perkahwinan warga emas oleh Hadi Kooshir, Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Hamid, Asnarulkhadi Abu Samah, dan Vajiheh Sedaghat Jou (2012) mendapati warga emas yang tinggal bersendirian mempunyai kepuasan hidup lebih rendah berbanding warga emas yang tinggal bersama keluarga dan pasangan yang menunjukkan bahawa warga emas tersebut mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi. Penemuan ini disokong oleh Shin dan Sok (2012) yang mengkaji hubungan antara hidup bersendirian dan tahap kepuasan hidup yang lebih rendah. Bagi warga tua yang pernah berkahwin dan masih mempunyai pasangan, maka pasangan

merupakan unsur utama yang dapat berfungsi menyediakan penjagaan kepada warga tua tersebut. Anak-anak dalam keluarga seperti itu pula hanya dianggap sebagai unsur kedua selepas pasangan (Fengler dan Goodrich 1979). Warga tua yang tidak mempunyai anak dan pasangan akan mencari sokongan daripada unsur-unsur lain selain daripada anak dan pasangan. Selain itu, warga emas yang hidup bersendirian mempunyai tahap kesihatan yang lebih rendah, daripada yang tinggal bersama keluarga mereka (Agrawal, 2012). Namun begitu, kajian oleh Chou, Ho, dan Chi (2006) dan Brajković et al. (2011) mendapat hasil yang bertentangan iaitu menyatakan tiada perbezaan yang ketara mengenai tahap kesejahteraan warga emas yang tinggal bersama keluarga mereka dengan warga emas yang tinggal sendirian. Selaras dengan itu, kajian oleh Silverstein, Cong, dan Li (2006), mendapati bahawa hidup berumah tangga adalah yang paling memberi manfaat kepada warga emas.

Faktor agama dan budaya juga dilihat penting dalam menganalisis berkaitan kesejahteraan warga emas. Menurut Wan Ibrahim Wan Ahmad, Zainab Ismail, dan Che Yusoff Che Mamat (2003), warga emas yang positif di dalam masyarakat merupakan warga emas yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama.

Dapatan kajian Ngin dan DaVanzo (1999) menunjukkan bahawa anak yang telah dewasa dalam masyarakat Melayu, terutama yang telah berkahwin, agak bebas untuk keluar bekerja atau mencari kerja di mana sahaja. Mereka yang telah berkahwin tidak dipertanggungjawabkan untuk tinggal bersama dengan ibu bapa mereka. Keluarga Melayu juga lazimnya mengamalkan sistem bilateral, di mana anak dewasa boleh memilih tempat tinggal selepas berkahwin sama ada di pihak lelaki ataupun pihak perempuan. Menurut Yahaya Mahamood dan Zainon Jalani (1991), rasa kesunyian

dikalangan warga emas terjadi kerana warga emas memerlukan perhatian daripada orang-orang yang mempunyai hubungan signifikan dengannya untuk menghilangkan perasaan sunyi dan kesepian.

Wan Ibrahim Wan Ahmad (2007), menyatakan faktor pendapatan turut mempengaruhi kesejahteraan warga emas di Malaysia. Kebanyakan mereka mahu ataupun tidak terpaksa terus bekerja bagi menambahkan sumber ekonomi keluarga, walaupun telah mencapai usia yang lanjut. Mereka hanya akan berhenti kerja apabila sudah tidak berdaya untuk melakukan sebarang pekerjaan. Keadaan ini menyebabkan warga emas yang kurang pendapatan akan mengalami kemiskinan. Masalah ini wujud kerana mereka tidak mempunyai jaminan kewangan untuk menyara kehidupan semasa di usia tua (Bytheway, 2005). Seterusnya, Siti Aisyah Saat dan Azlina Abu Bakar (2009) mendapati warga emas yang tinggal di negeri sebelah Pantai Timur masih lagi aktif bekerja walaupun telah mencapai umur yang lanjut. Golongan wanita terutamanya terpaksa bekerja bagi memperolehi pendapatan untuk menyara kehidupan keluarga. Berdasarkan kajian ini dapat dinyatakan bahawa jumlah pendapatan adalah salah satu faktor yang penting ke atas kesejahteraan warga emas.

Warga emas yang berjaya dan sejahtera dari pelbagai dimensi seperti rasa kehidupan lebih makna berfungsi fizikal, psikologi, peningkatan akademik, sosial dan rohani (Troutman, Nies, Kecil, & Bates, 2011). Menurut Ward, E., Barnes, M., dan Gahagan, B. (2012), satu perkara yang dipelajari tentang kehidupan warga emas yang baik adalah tahap pendidikan untuk berfikiran dan menikmati kehidupan yang lebih baik.

2.6 Dimensi Kesejahteraan yang Mempengaruhi Kesejahteraan Warga Emas

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan 7 dimensi kesejahteraan yang merangkumi dimensi kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan, aktiviti masa lapang dan agama/budaya (Gobbens, Van Assen, Luijkx, & Schols, 2012).

2.6.1 Kesihatan

Perkembangan yang sihat dalam pengalaman kesihatan merupakan perkara positif untuk jangka masa panjang dan begitulah sebaliknya. Kajian Amran Hassan, Fatimah Yusoooff, dan Khadijah Alavi (2012), melihat kesihatan dalam keluarga haruslah berasaskan kepada fizikal, mental dan juga psikologi. Menurut Mohd Makzan Musa (1992), pengalaman merasa sihat dan sakit adalah asas kepada perkembangan fizikal, psikologikal, dan sosial manusia. Kesemua ini dialami dalam jangka hidup dan mempengaruhi persepsi serta emosi manusia. Elemen ini mempengaruhi kesejahteraan di dalam komuniti bagi jangka masa panjang. Semua orang ingin mengecapi kehidupan yang baik kerana kehidupan yang baik adalah landasan untuk berjaya dalam pelbagai bidang. Kesihatan dalaman dan luaran dapat membantu mencapai kesejahteraan hidup individu, keluarga dan komuniti. Kajian oleh Ng, Tengku Aizan Hamid, dan Tey (2010), mendapati faktor kesihatan merupakan salah satu faktor yang memberi kesan kepada warga emas dalam bidang pekerjaan tidak kira sama ada sektor formal atau informal.

Menurut Wan Ibrahim Wan Ahmad (2007), isu kesihatan ini dianggap sebagai satu isu penting yang berkaitan dengan pelbagai aspek lain warga emas itu sendiri. Malah kesihatan dianggap satu indikator penting kesejahteraan warga emas. Tahap

kesihatan warga emas yang kurang baik boleh menyebabkan produktiviti mereka akan menurun. Di dalam naskah DWEN juga ada menjelaskan maksud penuaan sihat sebagai usaha ke arah gaya hidup sihat dan membentuk sistem kesihatan yang lebih baik serta mewujudkan persekitaran dan komuniti yang mengutamakan kesihatan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Sehubungan itu, faktor kesihatan merupakan satu elemen penting dalam mendefinisikan kesejahteraan hidup warga emas di Malaysia.

2.6.2 Hubungan Sosial, Berdikari, Kebebasan dan kawalan ke atas Kehidupan dan Aktiviti Masa lapang

Seterusnya, hubungan sosial dan aktiviti di masa lapang yang merujuk kepada proses mengoptimumkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah mendayaupayakan warga emas untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Di dalam DWEN, dinyatakan berkaitan penuaan aktif iaitu merangkumi kuantiti, kualiti dan skop jaringan sosial, peranan timbal balik dan hubungan antara generasi yang wujud sepanjang hayat. Menurut Latifah (2010), warga emas yang telah bersara boleh melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan atau mencari hobi bagi mengisi masa lapang. Ini adalah kerana persaraan bukanlah bermakna mereka tidak boleh bekerja atau melakukan sebarang aktiviti ataupun tidak boleh menyumbang dalam apa sahaja aktiviti kemasyarakatan. Melibatkan diri dalam sebarang aktiviti kemasyarakatan adalah positif bagi warga emas yang aktif (Walker, 1999). Rowe dan Kahn (1997) menegaskan warga emas yang terhindar dari sebarang penyakit serta mempunyai fizikal yang baik serta fungsi kognitif mempunyai hubungan sosial yang baik dalam masyarakat. Dalam hal ini, PAWE merupakan tempat hubungan sosial warga emas berkembang. Ini kerana warga emas menjalani

aktiviti harian bersama mereka yang seusia dan mempunyai kemampuan yang hampir sama pada setiap hari.

Kajian dilakukan oleh Drageset (2004) menunjukkan interaksi yang kerap dengan sahabat, terutamanya sahabat seusia boleh mengurangkan risiko kesunyian di kalangan warga emas. Hubungan yang baik dengan ahli keluarga, hubungan mesra dengan rakan sebaya, rutin seharian, menjalani aktiviti harian serta mempunyai hobi boleh mengurangkan risiko kesunyian dalam kalangan emas. Kajian oleh Shiovitz-Ezra dan Leitsch (2010) juga mendapati bahawa kekerapan berinteraksi dengan jaringan sosial berkait secara positif dengan kesunyian, tanpa mengira latarbelakang seseorang. Cacioppo, Fowler, dan Christakis (2009) menyatakan jaringan sosial yang kuat boleh menjadi sumber kegembiraan kepada seseorang individu.

Kajian oleh Adams, Sanders, dan Auth (2004) mencadangkan agar warga emas yang menyertai aktiviti dihubungkan dengan warga emas yang lain. Rakan yang dikenali ketika menjalankan aktiviti bersama ternyata mampu mengurangkan kesunyian jika mereka membuang stigma negatif terhadap satu sama lain. Kesunyian dapat dikurangkan jika elemen elemen tersebut dapat dipenuhi. Masi, Chen, Hawkley, dan Cacioppo (2010) merumuskan intervensi untuk mengurangkan kesunyian kepada empat (4) kategori iaitu aktiviti kumpulan, intervensi individu perseorangan, penyampaian perkhidmatan dan pendekatan kepada perkhidmatan di dalam komuniti. Mereka mendapati intervensi yang paling berkesan ialah aktiviti secara kumpulan. Intervensi ini juga akan lebih membantu jika ia digabungkan dengan strategi intervensi yang lain dan memberikan warga emas sedikit autonomi. Aktiviti

kumpulan yang dijalankan pula perlulah mempunyai komponen pendidikan, sokongan sosial, lawatan ke rumah, dan khidmat sosial (Masi et al., 2010).

2.6.3 Kewangan

Selain itu, dimensi kewangan dilihat juga sebagai penentuan kesejahteraan warga emas. Menurut Daatland (2005), warga emas yang produktif ialah kemampuan yang mendatangkan kesihatan dari segi fizikal dan mental. Warga emas yang sihat dari segi fizikal dan mental mereka masih boleh melakukan kerja dan menerima bayaran walaupun telah berumur 65 tahun dan ke atas. Ini membuktikan mereka masih lagi diberi peluang bekerja walaupun telah bersara. Herzog dan House (1991), menjelaskan penuaan produktif ialah penuaan yang sihat dan warga emas adalah sebahagian individu dalam masyarakat. Warga emas mampu memberi perkhidmatan apabila diperlukan contohnya memberi perkhidmatan di rumah kepada keluarga, jiran atau melakukan kerja dalam sektor informal dan menerima bayaran di atas perkhidmatan tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Garfinkel, Haveman, dan Betson (1977) telah menggunakan petunjuk ini sebagai petunjuk kesejahteraan material. Bagaimanapun untuk mengukur kesejahteraan material, pendapatan wang ini bukanlah satu petunjuk yang mutlak kerana ia tidak mengambil kira pendapatan bukan wang, termasuk harta, serta pendapatan yang tidak dinilai berdasarkan nilai wang. Pengukuran material ini juga selalunya mengalami keadaan turun naik dari semasa ke semasa (Morgan, 1974). Untuk mengatasi masalah ini Rudd dan Kline (1976) menyarankan tahap penggunaan dan perbelanjaan isi rumah perlu dijadikan alternatif kepada pendapatan wang. Ini selaras dengan pendapat Fergusson, Horwood, dan Beutrais (1981) yang menyatakan pengukuran konsep kesejahteraan

hidup dapat dilakukan melalui tiga pendekatan, iaitu berdasarkan pendapatan, penggunaan, dan perbelanjaan.

Kajian mengenai kesejahteraan hidup oleh Liang dan Fairchild (1979) telah meminta responden menyatakan pendapat sama ada sangat berpuas hati, berpuas hati, ataupun tidak berpuas hati mengenai keadaan kewangan mereka. Dapatan kajian ini mendapati responden yang tidak berpuas hati terhadap keadaan kewangan mereka, merasakan kekurangan tersebut menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Liang, Dvorkin, Kahana, dan Mazian (1980) yang telah melakukan penilaian semula ke atas model asal mereka yang telah diuji melalui kajian sebelum itu, juga menggunakan pendekatan subjektif iaitu status sosio ekonomi sebagai mengukur kesejahteraan hidup warga emas. Hasil kajian mendapati status ekonomi sememangnya mempunyai pengaruh kepada tahap kesejahteraan warga emas secara subjektif. Kajian oleh Buttel, Wilkening, dan Martinson (1977) menyatakan penggunaan petunjuk subjektif sebagai pendekatan untuk mengukur kesejahteraan menjadi bahagian yang penting dalam penyelidikan mereka, dan memberikan contoh beberapa kajian yang dilakukan di Amerika iaitu Andrews (1974), di Britain oleh Abrams (1973) serta di Finland oleh Allardt (1976) yang semuanya menggunakan pendekatan ini.

2.6.4 Persekitaran

Kajian oleh Grabowski, Stevenson, dan Cornell (2012) menyatakan oleh kerana bilangan warga emas yang meningkat di seluruh Amerika Syarikat, maka permintaan untuk perkhidmatan yang memenuhi keperluan warga emas telah berkembang pesat, dengan beberapa kemudahan pusat aktiviti disediakan mengatasi bilangan institusi jagaan. Pusat ini menyediakan perkhidmatan 24 jam dan bantuan

terhadap keperluan yang berkaitan aktiviti kehidupan harian serta pelbagai perkhidmatan berkaitan kesihatan kepada warga emas. Persekitaran bermaksud yang membolehkan serta dapat membantu mengurangkan ketidakupayaan yang dialami individu dan akan menggalakkan penglibatan warga emas dalam masyarakat. Aspek ini juga mengambil kira penggunaan teknologi bagi membantu warga emas hidup berdikari.

2.6.5 Psikologi

Warga emas dapat mengekalkan fungsi fizikal dan mental mereka serta dapat disokong oleh masyarakat, keluarga dan rakan-rakan maka fungsi aktif serta matlamat hidup mereka dapat dicapai (Bricker-Katz, Lincoln, & McCabe, 2009). Di Australia satu pusat yang dinamakan *Rowille Community Services Centre* adalah pusat yang menyediakan pelbagai bentuk riadah untuk warga emas dan terletak berhampiran dengan kawasan perumahan. Di sini warga emas berpeluang ke taman, bermain dan sebagainya bersama ahli keluarga dan juga rakan seusia (Doris Padmini Selvaratnam et al., 2008). Kajian oleh Orsega-Smith, Payne, dan Godbey (2003) berulang kali telah menekankan berkaitan peningkatan potensi warga emas yang menyertai aktiviti riadah selain dapat memupuk persahabatan, perkembangan psikologi dan identiti sosiobudaya. Sokongan dari persekitaran yang diperolehi ketika menjalankan aktiviti riadah bersama-sama teman seusia, dilihat memberi kesan yang positif terhadap kesihatan dan perasaan warga emas (Chang, Wray, & Lin, 2014).

2.6.6 Agama

Kajian berkaitan komitmen agama di kalangan warga emas di negara maju sebelum ini menggunakan pendekatan kekerapan mengunjungi tempat ibadah sebagai salah satu indikator komitmen seseorang kepada agama. Komitmen terhadap agama mempunyai banyak dimensi, dan penyertaan warga emas dalam aspek berkaitan agama di rumah, seperti membaca kitab suci umpamanya, juga dianggap sebagai satu dimensi penting komitmen agama. Melalui pendekatan ini, kajian-kajian mutakhir mengenai komitmen agama warga emas kini menunjukkan semakin tua seseorang tidak bererti akan semakin menurun komitmen agama mereka. Dalam konteks masyarakat Islam, semakin tua seseorang maka kecenderungan terhadap aspek keagamaan adalah semakin tinggi dalam fasa kehidupan mereka (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010b).

2.7 Teori Aktiviti dan Kaitannya dengan Kesejahteraan Warga Emas

Kajian ini menggunakan Teori Aktiviti yang diperkenalkan oleh Semyonovich Vygotsky (1896-1934) bagi menghuraikan dan membincangkan hasil kajian mengenai peranan PAWE dari aspek menyediakan pelbagai program serta aktiviti kepada warga emas dan ke atas kesejahteraan warga emas. Teori ini berkaitan kehidupan warga emas yang aktif dan dapat mencapai umur tua yang berkualiti (Bedny & Karwowski, 2004). Menurut Painter, Borba, Hynes, Mays, dan Glanz (2008), teori aktiviti amat diperlukan dalam kajian yang melibatkan penyelidikan tingkah laku berkaitan kesihatan dan aktiviti fizikal. Franklin dan Tate (2009) menyatakan seseorang akan mengalami kepuasan yang lebih tinggi dalam kehidupan dengan mengekalkan aktiviti sosial dan memainkan peranan secara aktif berbanding dengan hidup bersendirian. Ini bermaksud warga emas yang inginkan kehidupan

berkualiti perlulah menjalani hidup dengan melibatkan diri secara aktif dalam apa jua aktiviti yang bersesuaian. Dalam hal ini, warga emas yang hadir mengikuti aktiviti di PAWE juga boleh dikategorikan sebagai warga emas yang aktif dan menjalani hidup yang berkualiti (Franklin & Tate, 2009). Teori aktiviti digunakan bagi membuat penilaian terhadap warga emas yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti dan akhirnya mencapai kepuasan hidup yang lebih tinggi. (Ng, Tey, Yew, Sia, & Long, 2012).

Menurut Bond, Coleman, dan Peace (1993), teori ini menjelaskan mengenai pentingnya menjalani aktiviti berbentuk aktiviti sosial di usia tua dan turut menghuraikan faktor-faktor warga emas hidup aktif termasuklah hal berkaitan penjagaan diri, kesihatan, serta kepentingan menjalani aktiviti sosial di dalam komuniti. Selain itu, konsep sendiri dan tahap kepuasan juga dikira sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi keinginan warga emas untuk terus aktif dan berkait rapat dengan konsep sendiri warga emas yang bersesuaian dengan peranan mereka di usia tua. Warga emas perlulah memainkan peranan di dalam keluarga selain melakukan aktiviti sukarelawan di dalam masyarakat (Bond et al., 1993). Warga emas yang bersara akan segera mencari aktiviti lain bagi menggantikan aktiviti yang hilang itu. Namun teori ini turut menyatakan bahawa tidak semua aktiviti sesuai dilakukan oleh warga emas dan aktiviti yang diganti mestilah selari dan sesuai dengan faktor dan keadaan semasa warga emas (Neugarten, Havighurst, & Tobin, 1996). Kajian oleh Annear et al. (2012), menggunakan teori aktiviti dalam mengenal pasti sokongan peribadi serta pengaruh persekitaran terhadap kesihatan dan penyertaan aktiviti di kalangan warga emas. Pengaruh persekitaran dalam kajian

tersebut bermaksud penyertaan warga emas dalam rangkaian sosial di kawasan kediaman.

Seterusnya kajian oleh Gagliardi et al. (2007) menggunakan teori aktiviti bagi mengkaji aktiviti riadah kepada warga emas di Jerman, Finland, Hungary, Belanda dan Itali. Namun demikian hasil kajian mendapati walaupun penyertaan aktiviti dapat menggalakkan tahap kesejahteraan kesihatan yang baik di usia tua, kehilangan fungsi fizikal dan mental yang dialami tetap mempengaruhi kadar penurunan kemampuan untuk melaksanakannya. Dimensi utama dalam pelaksanaan aktiviti oleh warga emas dalam kajian ini adalah berkaitan pelaksanaan aktiviti di rumah, hobi, aktiviti sosial, serta aktiviti sukan. Maka dengan itu, kajian ini menggunakan teori aktiviti sebagai teori kajian memandangkan warga emas yang hadir ke PAWE adalah warga emas yang ingin menjalani aktiviti harian dan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Selain itu, teori ini turut menekankan tentang kepentingan aktiviti sosial kepada warga emas untuk berinteraksi dalam komuniti. Secara umumnya, teori ini menjelaskan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keinginan warga emas untuk terus aktif dan faktor-faktor tersebut termasuklah penjagaan diri dari segi kesihatan, penekanan kepentingan aktiviti sosial dalam komuniti, konsep sendiri seseorang yang bersesuaian dengan peranannya dan mereka mencapai kepuasan dalam kehidupan oleh Sharifah Rosida Syed Ali (2012).

2.8 Rumusan

Bab Dua telah membincangkan dengan lebih jelas dan terperinci berkaitan bentuk penjagaan di usia emas seperti pengurusan institusi dan juga pusat jagaan harian. Selain itu, turut diulas adalah berkaitan faktor-faktor demografi yang boleh memberi kesan kepada tahap kesejahteraan warga emas. PAWE adalah program yang diilhamkan oleh kerajaan sebagai usaha untuk mengurangkan kemasukan warga emas ke institusi penjagaan kendalian kerajaan. Banyak kajian telah dijalankan oleh negara luar berkaitan isu dan cabaran penuaan kini. Aspek kesunyian, ketiadaan anak antara faktor yang menyebabkan warga emas terpaksa tinggal di institusi penjagaan sama ada kendalian kerajaan mahupun swasta. Konsep program penjagaan di dalam komuniti seperti PAWE walaupun masih belum meluas di Malaysia, namun konsep seperti ini telah banyak diwujudkan di negara luar. Melalui kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji di Malaysia, sebuah tempat berbentuk komuniti dilihat sebagai satu jalan penyelesaian kepada isu serta cabaran penuaan kini antaranya kesunyian serta pengabaian oleh anak-anak. Bagi pengkaji PAWE adalah jawapan kepada persoalan isu serta cabaran penuaan kelak.

PAWE kini telah wujud, namun tiada kajian ilmiah yang khusus dijalankan untuk melihat peranan PAWE kepada kesejahteraan warga emas di Malaysia. Kajian-kajian sedia ada dapat membantu pengkaji untuk lebih memahami isu penuaan di Malaysia. Masalah kesunyian merupakan isu yang utama selain isu pengabaian dan kemiskinan. Berdasarkan lompong yang dilihat daripada kajian-kajian terdahulu maka pengkaji melihat kajian berkaitan peranan PAWE ke atas kesejahteraan warga emas di Malaysia wajar dijalankan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah dan prosedur yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Perbincangan dalam bab ini meliputi reka bentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, populasi dan persampelan, pembentukan soal selidik dan kesahan kebolehppercayaan skala, pengumpulan data serta analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Fielding dan Schreier (2001), mengkategorikan tiga pendekatan dalam suatu kajian iaitu:

a) **Kajian kuantitatif**

Kajian kuantitatif merupakan satu pertanyaan terhadap masalah yang telah dikenalpasti dan berdasarkan kepada pengujian suatu teori yang telah digubah oleh pembolehubah, diukur melalui nombor dan dianalisis menggunakan teknik statistik (Neuman & Wiegand, 2000). Selain itu menurut Fellows dan Liu (2009), kajian kuantitatif yang biasa adalah kajian eksperimental dan kajian berbentuk tinjauan.

b) **Kajian kualitatif**

Menurut Holloway (2005), kajian kualitatif merupakan satu bentuk pertanyaan sosial dan memfokuskan kepada cara interpretasi manusia serta logikal terhadap pengalaman mereka dan persekitaran mereka. Kajian

kualitatif juga termasuklah kajian tindakan, kajian kes dan kajian etnografi (Creswell, 2013).

c) Kajian mod campuran

Kajian kaedah mod campuran (*Mixed Method Research*) pula merupakan kombinasi kaedah, falsafah, dan haluan rekabentuk penyelidikan (Creswell, 2013). Kaedah ini menggabungkan prosedur ke dalam reka bentuk kajian yang spesifik dan akan memberikan hala tuju untuk melaksanakan kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji menggunakan rekabentuk bukan eksperimen (*non-experimental*). Kaedah kajian ini adalah kaedah mod campuran iaitu campuran hasil kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Menurut Creswell (2013) kaedah mod campuran digunakan adalah untuk mengintegrasikan data kuantitatif dan kualitatif menjadi seperti satu pangkalan data kemudian ia boleh digunakan untuk memeriksa ketepatan atau kesahihan maklumat yang diperolehi. Selain itu, kaedah ini juga boleh membantu untuk menjelaskan maklumat yang diperolehi dengan meneroka pelbagai jenis soalan daripada teknik instrumen yang berlainan mengikut kesesuaian sampel atau populasi sesuatu kajian. Maka dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah mod campuran bagi mendapatkan hasil kajian yang menyeluruh dalam setiap aspek persoalan yang dikaji.

3.3 Pemilihan Kawasan Kajian

Kajian ini telah memilih lokasi PAWE di negeri Selangor dan lokasi PAWE yang terpilih adalah seperti di Jadual 3.3.1. sebagai makluman, terdapat sebanyak 22 buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya satu PAWE. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2012), pada tahun

2014 seramai 21,574 warga emas telah berdaftar sebagai ahli di PAWE dan sebanyak 198,888 jumlah kehadiran warga emas telah direkodkan sepanjang tahun ke PAWE (seperti Jadual 3.3.2). Rekod kehadiran ahli ke PAWE adalah jumlah kehadiran warga emas berdaftar yang hadir menjalani aktiviti serta program di PAWE pada setiap hari dan jumlah ini juga melibatkan ahli yang hadir secara berulang-ulang. (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012).

Jadual 3.3.1

Lokasi Kajian yang Dipilih

BIL	PAWE	Bilangan kehadiran warga emas ke PAWE 2014
1	PAWE Sabak Bernam, Selangor	4,001
2	PAWE Jenjarom, Selangor	16,331
3	PAWE Sungai Buloh	6,217
JUMLAH		26,549

Jadual 3.3.2 *Bilangan Kehadiran Warga Emas ke PAWE dari Tahun 2009 hingga Tahun 2014.*

BIL	PAWE	NEGERI	2009	2010	2011	2012	2013	2014
1	PAWE Cheras Baru	KL	4672	4029	2759	31145	6344	212
2	PAWE Sungai Buloh	SELANGOR	2104	2386	2820	2497	2750	6217
3	PAWE Jenjarom	SELANGOR	9131	9015	13710	16429	15633	16331
4	PAWE Sabak Bernam	SELANGOR	2773	3001	5160	4353	3351	4001
5	PAWE Seremban	NEGERI SEMBILAN	3319	962	6059	13063	12647	16456
6	PAWE Tg. Malim	PERAK	8621	9528	8033	10461	9971	9495
7	PAWE Kulim	KEDAH	6406	7729	8073	12117	6979	7594
8	PAWE Sg Petani	KEDAH	53	659	771	6799	7093	10483
9	PAWE Bukit Baru	MELAKA	3710	821	6915	16520	1559	4377
10	PAWE Alor Gajah	MELAKA	23	404	3284	7539	8919	5117
11	PAWE Kluang	JOHOR	8942	9453	14016	20992	37858	44826
12	PAWE Muar	JOHOR	3606	4240	4027	3896	5973	2798
13	PAWE Pekan	PAHANG	4908	9323	8866	12885	20819	19686
14	PAWE Raub	PAHANG	4517	7267	6579	12025	21671	4467
15	PAWE Bentong	PAHANG	8886	11241	9728	8237	4854	9094
16	PAWE Kuantan	PAHANG	276	115	179	787	998	632
17	PAWE Besut	TERENGGANU	974	1622	1333	4344	1914	1607
18	PAWE Dungun	TERENGGANU	4952	4616	4099	5442	3507	1886
19	PAWE Marang	TERENGGANU	282	775	699	4917	2294	646
20	PAWE Kemumin	KELANTAN	6139	5670	4845	7186	5800	2206
21	PAWE Sandakan, Sabah	SABAH	5753	5290	4258	4431	4608	4020
22	PAWE Miri, Sarawak	SARAWAK	1004	5522	11830	12895	4310	26737
JUMLAH			91,051	103,668	128,043	218,960	189,852	198,888

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014)

3.3.1 Justifikasi Pemilihan

Kajian ini memilih lokasi PAWE di negeri Selangor atas sebab-sebab yang berikut :

- i) Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kesejahteraan warga emas yang mewakili kawasan bandar dan luar bandar. Pemilihan kawasan kajian di negeri Selangor menepati keperluan kajian yang mana ia melibatkan PAWE yang terletak di bandar iaitu PAWE Sungai Buloh dan luar bandar iaitu PAWE Sabak Bernam;
- ii) PAWE Jenjarom di negeri Selangor telah merekodkan purata kehadiran tahunan antara yang tertinggi sejak tahun 2009 hingga 2013;
- iii) PAWE Sungai Buloh pula merekodkan kehadiran tahunan antara yang terendah sejak tahun 2009 hingga 2013;
- iv) Manakala PAWE Sabak Bernam, walaupun merekodkan jumlah ahli berdaftar yang semakin meningkat setiap tahun sejak tahun 2009, namun bilangan kehadiran warga emas dilihat semakin menurun pada tahun 2013; dan
- v) Lokasi ketiga-tiga PAWE yang mudah dan berhampiran untuk dilawati akan melancarkan urusan pengambilan data dijalankan walaupun perlu dilakukan berulang kali.

3.4 Kaedah Kuantitatif

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah yang utama bagi mendapatkan hasil dapatan kajian ini. Berikut merupakan penjelasan berkaitan populasi dan persampelan, pembentukan instrumen kajian, kajian rintis dan pengumpulan data bagi kaedah kuantitatif.

3.4.1 Populasi dan Persampelan

Kajian ini menggunakan persampelan keselesaan (*convenience sampling*). Persampelan keselesaan merujuk kepada tatacara pemilihan sampel dengan mengandaikan setiap unsur dalam populasi bersifat homogen dengan ciri setiap unsur atau individu adalah sama. Kaedah ini digunakan apabila sukar untuk mendapatkan sampel bagi sebuah populasi yang besar (Fauzi Hussin et al., 2014). Jika dilihat daripada Jadual 3.3.2 di atas, bilangan kehadiran ahli PAWE yang direkodkan sepanjang tahun menggambarkan jumlah yang besar. Selain itu, bilangan kehadiran yang direkodkan juga adalah secara berulang daripada warga emas yang sama.

Sehubungan dengan itu, persampelan keselesaan telah dipilih dan responden kajian ini adalah warga emas yang menepati kriteria yang ditetapkan iaitu berusia 56 tahun dan ke atas, berdaftar sebagai ahli PAWE serta hadir menjalani aktiviti di PAWE pada hari soal selidik diedarkan. Jumlah purata pada Jadual 3.4.1.1 di bawah diperolehi setelah pemantauan dijalankan ke tiga buah PAWE yang telah dipilih sebagai lokasi kajian untuk melihat purata kehadiran warga emas pada setiap hari.

Jadual 3.4.1.1

Bilangan Responden Kajian

Bil	PAWE	Purata Kehadiran Sehari Di PAWE	Jumlah
			Responden Yang Hadir Pada Hari Kajian Dijalankan
1	PAWE Sabak Bernam, Selangor	11	18
2	PAWE Jenjarom, Selangor	52	50
3	PAWE Sungai Buloh, Selangor	9	10
	Jumlah	72	78

3.4.2 Pembentukan Instrumen Kajian

Data kuantitatif merangkumi 11 soalan berkaitan demografi responden dan 37 soalan yang diambil dan diterjemah ke Bahasa Malaysia dari soal selidik *Older Person Quality of Life (OPQOL-35)* bagi mengukur tahap kesejahteraan warga emas. Manakala, 20 soalan berkaitan persepsi warga emas mengenai program di PAWE telah dibina dan telah diubahsuai oleh penyelidik berdasarkan kepada soalan-soalan apabila pemantauan berkaitan PAWE dijalankan yang disediakan oleh pihak JKM.

Jadual 3.4.2.1

Kandungan Borang Soal Selidik Kuantitatif

Bahagian	Kandungan Soal Selidik
Bahagian A	Maklumat Responden
Bahagian B	Kesejahteraan Hidup Warga Emas (adaptasi <i>Older People's Quality Of Life (OPQOL)</i>)
Bahagian C	Keberkesanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) – persepsi warga emas

Jadual 3.4.2.2

Pecahan Kandungan Bahagian B

Bahagian	Dimensi
A	Kehidupan secara keseluruhan
B	Kesihatan
C	Hubungan sosial
D	Berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan
E	Persekitaran
F	Psikologi dan kesejahteraan emosi
G	Kewangan
H	Aktiviti masa lapang
I	Agama dan budaya

Jadual 3.4.2.3

Pecahan Kandungan Bahagian C

Bahagian	Kandungan Soal Selidik
A	Persepsi secara keseluruhan
B	Persepsi terhadap program yang dijalankan
C	Persepsi terhadap kemudahan di PAWE
D	Persepsi terhadap pihak pengurusan PAWE

Semua soalan pada bahagian B dan C menggunakan skala Likert 5 mata daripada (1) mata mewakili Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Untuk mengukur tahap kesejahteraan warga emas, maka skor jawapan yang telah dibentuk seperti Jadual 3.4.2.4 di bawah:

Jadual 3.4.2.4

Skor Jawapan bagi Mengukur Tahap Kesejahteraan Responden

Skor	Maksud
37-85	tahap kesejahteraan responden pada tahap yang rendah
87-136	tahap kesejahteraan responden pada tahap yang sederhana
137-185	tahap kesejahteraan responden pada tahap yang tinggi

Bagi maksud ukuran kesejahteraan mengikut dimensi kesejahteraan, skor jawapan telah dibahagikan kepada dua iaitu bahagian yang mengandungi 4 soalan dan bahagian yang mengandungi 5 soalan seperti Jadual 3.4.2.5 di bawah:

Jadual 3.4.2.5

Skor Jawapan bagi Mengukur Tahap Kesejahteraan Responden Mengikut Dimensi Kesejahteraan

Kategori	Dimensi	Skor	Maksud
4 soalan	• Kehidupan secara keseluruhan	4-9	kesejahteraan pada tahap yang rendah
	• Kesihatan	10-15	kesejahteraan pada tahap yang sederhana
	• Berdikari, Kebebasan dan Kawalan ke atas Kehidupan Persekitaran	16-20	kesejahteraan pada tahap yang tinggi
	• Psikologi dan Kesejahteraan Sosial		
	• Kewangan		
	• Aktiviti Masa Lapang Agama/Budaya		
5 soalan	• Hubungan Sosial	5-11	kesejahteraan pada tahap yang rendah
		12-18	kesejahteraan pada tahap yang sederhana
		19-25	kesejahteraan pada tahap yang tinggi

Selain itu, di dalam soal selidik *Older Person Quality of Life (OPQOL-35)* ada satu soalan berkaitan persepsi responden secara umum terhadap kesejahteraan hidup mereka. Soalan ini tidak menggunakan skala 5 mata dan hanya mengelaskan persepsi responden kepada pilihan kesejahteraan hidup kepada 5 iaitu lebih baik, baik, sederhana, teruk dan sangat teruk.

Seterusnya, bagi skor jawapan untuk mengukur persepsi keberkesanan program PAWE, skor jawapan berikut telah dibentuk seperti Jadual 3.4.2.6 di bawah:

Jadual 3.4.2.6

Skor Jawapan bagi Mengukur Tahap Kesejahteraan Responden Mengikut Persepsi Keberkesanan Program

Skor	Maksud
5-11	Persepsi responden berkaitan keberkesana program di PAWE pada tahap yang rendah
12-18	Persepsi responden berkaitan keberkesana program di PAWE pada tahap yang sederhana
19-25	Persepsi responden berkaitan keberkesana program di PAWE pada tahap yang tinggi

3.4.3 Kajian Rintis (*Pilot Test*)

Kesemua set soalan tersebut telah diuji kebolehpercayaannya terlebih dahulu. Analisis kebolehpercayaan instrumen dibuat bagi menentukan instrumen yang digunakan untuk mengukur sesuatu benar-benar tepat, konsisten dan boleh dipercayai. Ianya perlu diuji supaya mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd. Saifoul Zamzri Noor, 2014). Menurut Bailey (2008), satu saiz sampel yang paling minimum adalah berjumlah 30 dalam sesuatu kajian. Maka seramai 30 orang sampel iaitu warga emas yang hadir menjalankan aktiviti di PAWE Cheras Baru, Kuala Lumpur pada 17 Ogos 2014 telah dipilih sebagai responden kajian rintis ini yang bukan merupakan bukan kawasan kajian. Sampel dipilih secara mudah untuk menjawab pernyataan dalam skala yang telah dibentuk. Sampel dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak dikaji. Hasil kajian rintis dianalisis untuk melihat kebolehpercayaan soal selidik. *Statistical Package For Social Science (SPSS) 17.0* telah digunakan untuk menguji kebolehpercayaan data. Nilai *Alpha Cronbach* yang menghampiri satu (1) menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, di mana kebolehpercayaan yang minimum 0.6 dikatakan sebagai boleh diterima (Sekaran, 2006) seperti Jadual 3.4.3.1 di bawah.

Jadual 3.4.3.1

Nilai Alpha Cronbach

Nilai	Maksud
Lebih baik	Menghampiri 1.0
Baik	Lebih 0.80
Boleh diterima	0.60 – 0.79
Lemah	Kurang dari 0.6

Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis dan kajian sebenar ditunjukkan dalam Jadual 3.4.3.2. di bawah.

Jadual 3.4.3.2

Nilai Alpha Cronbach Kajian

Perkara	Item	Alpha Cronbach Kajian Rintis	Alpha Cronbach Kajian Sebenar
Kesejahteraan Warga Emas			
- Kehidupan secara keseluruhan	4	0.669	0.635
- Kesihatan	4	0.406	0.608
- Hubungan sosial	5	0.857	0.783
- Berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan	4	0.632	0.781
- Persekitaran	4	0.884	0.744
- Psikologi dan kesejahteraan emosi	4	0.792	0.797
- Kewangan	4	0.857	0.875
- Aktiviti masa lapang	4	0.698	0.784
- Agama dan budaya	4	0.964	0.849
Jumlah	37	0.669	0.948
Keberkesanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)			
- Secara Keseluruhan	5	0.985	0.801
- Persepsi terhadap program yang dijalankan	5	0.681	0.698
- Persepsi terhadap kemudahan di PAWE	5	0.792	0.871
- Persepsi terhadap pihak pengurusan PAWE	5	0.792	0.776
Jumlah	20	0.616	0.917

3.4.4 Pengumpulan Data

3.4.4.1 Data Primer

Data primer dalam kajian ini bagi data kuantitatif dikumpulkan melalui cara edaran borang soal selidik. Seramai 78 orang responden telah mengisi borang soal selidik di tiga lokasi PAWE yang berlainan. Setiap responden mengambil masa selama 30 hingga ke 40 minit untuk mengisi borang soal selidik. Perkhidmatan jurubahasa telah digunakan ketika menjalankan kajian di PAWE Jenjarom memandangkan majoriti responden adalah berbangsa Cina. Jurubahasa akan membacakan soalan dan responden akan menulis jawapan di borang soal selidik.

3.5 Kaedah Kualitatif

Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif sebagai menyokong hasil dapatan yang diperolehi melalui pendekatan kuantitatif.

3.5.1 Populasi dan Persampelan

Responden yang dipilih adalah di kalangan pihak pengurusan yang merupakan ahli jawatankuasa PAWE. Responden bagi sampel kajian kaedah kualitatif telah dipilih iaitu seramai enam orang dan mewakili dua orang bagi setiap PAWE. Hanya dua orang responden dipilih memandangkan ahli jawatankuasa tidak berada kesemuanya di PAWE pada setiap hari. Mengikut garis panduan setiap PAWE mempunyai seramai lapan hingga sepuluh orang ahli jawatankuasa yang dilantik. Maka pengkaji menggunakan persampelan bertujuan dan menghubungi kesemua ahli jawatankuasa yang mahu dipilih sebagai responden kajian. Pengkaji juga telah menetapkan hanya

dua orang responden akan dipilih untuk mewakili sebuah PAWE. Jadual 3.5.1.1 di bawah merupakan senarai responden yang telah dipilih bagi kaedah ini.

Jadual 3.5.1.1

Responden Bagi Kaedah Kualitatif

Bil	Responden	PAWE	Jawatan
1	Responden SB1	Sungai Buloh	Ahli Jawatankuasa PAWE
2	Responden SB2	Sungai Buloh	Ahli Jawatankuasa PAWE
3	Responden JJ1	Jenjarom	Ahli Jawatankuasa PAWE
4	Responden JJ2	Jenjarom	Ahli Jawatankuasa PAWE
5	Responden SBK1	Sabak Bernam	Ahli Jawatankuasa PAWE
6	Responden SBK2	Sabak Bernam	Ahli Jawatankuasa PAWE

3.5.2 Temubual dan Soal Selidik

Data kualitatif kajian ini dikumpulkan melalui sesi temu bual separa berstruktur yang dijalankan dengan pihak pengurusan PAWE. Ianya mengandungi lapan (8) soalan berkaitan maklumat peribadi responden, enam (6) soalan berkaitan peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan dan penyelia PAWE yang telah dibina oleh pengkaji berdasarkan tugas dan tanggungjawab mengikut garis panduan PAWE. Akhir sekali, enam soalan pandangan secara keseluruhan yang mana ianya memberi penumpuan kepada pencapaian objektif PAWE juga mengikut garis panduan PAWE. Kesemua data kualitatif ini dibuat pengkodan data mengikut tema-tema yang telah dipilih.

Jadual 3.5.2.1

Kandungan Borang Soal Selidik Kualitatif

Bahagian	Kandungan Soalan
Bahagian A	Maklumat Demografi Responden
Bahagian B	Peranan Pihak Pengurusan PAWE
	B1 - Tugas dan Tanggungjawab
	B2 - Pandangan Secara Keseluruhan (Pencapaian Objektif PAWE)

3.5.3 Pengumpulan Data

3.5.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang dikumpul sendiri untuk menghuraikan kajian serta untuk menguji hipotesis dalam kajian ini. Bagi data kualitatif, seramai enam (6) orang responden telah ditemubual di tiga (3) lokasi PAWE yang berlainan. Setiap responden mengambil masa selama 20 hingga ke 30 minit dalam satu-satu sesi temubual dijalankan.

3.5.3.2 Temu Bual Separa Berstruktur

Temu bual separa berstruktur ialah temu bual yang dilakukan ketika soal selidik secara separa berstruktur dijalankan terhadap responden dan berkaitan dengan persoalan kajian. Perakam suara telah digunakan bagi merekod perbualan responden bersama pengkaji. Semasa responden menjawab soalan dalam temu bual berstruktur, didapati ada soalan-soalan lain yang difikirkan perlu untuk ditanyakan kepada responden. Kebanyakan soalan tambahan yang ditanya berkaitan dengan soalan yang sedia ada dalam borang soal selidik.

3.6 Prosedur Menjalankan Kajian

Kajian ini mengikut prosedur kajian seperti berikut:

- i) Membuat permohonan kepada pihak Pusat Pengajian untuk menjalankan kajian (Lampiran B);
- ii) Pusat Pengajian mengeluarkan surat rasmi kepada pihak yang terlibat untuk menjalankan kajian (Lampiran C);
- iii) Membuat permohonan menjalankan kajian melalui aplikasi MyResearch yang boleh dimuatnaik melalui laman web www.jkm.gov.my;
- iv) Pihak JKM mengeluarkan surat kebenaran menjalankan kajian kepada pengkaji melalui aplikasi *MyResearch* (Lampiran D);
- v) Menghubungi PAWE yang berkaitan dan membuat temujanji; dan
- vi) Mengedarkan borang soal selidik serta menjalankan sesi temubual di PAWE yang telah dipilih.(Lampiran E)

3.7 Pertimbangan Etika

Kajian yang dilakukan menggunakan manusia sebagai responden harus mengambil kira perasaan dan pengalaman. Responden adakalanya mempunyai maklumat rahsia atau sesuatu yang sulit, yang tidak boleh diketahui oleh orang lain. Apabila didedahkan atau diumumkan akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pihak-pihak tertentu, maka pengkaji perlu mengetahui etika penyelidikan sebelum merancang dan menjalankan kajian.

Penyertaan responden hendaklah secara sukarela. Pengkaji telah menerangkan berkaitan tujuan kajian sebelum menjalankan kajian. Selain itu, responden mempunyai hak untuk menilai maklumat kajian sebelum membuat keputusan

sebelum memutuskan untuk mengambil bahagian atau tidak. Seterusnya, berkaitan latar belakang responden, pengkaji akan merahsiakan segala butir-butir peribadi responden dan meminta kebenaran responden untuk menyimpan hasil dapatan kajian. Segala maklumat responden haruslah dirahsiakan (Tuckman, 1999).

Pengkaji juga telah menjadikan pertimbangan etika yang digariskan oleh Reynolds (1979) sebagai panduan :

- i. Nilai – pengkaji berpegang kepada nilai dan etika semasa menjalankan kajian seperti menerima setiap jawapan dan pandangan yang diberikan tanpa memberikan komen yang prejudis atau kata-kata yang boleh menyebabkan responden merasa marah, terganggu serta rasa tidak selamat. Selain itu, pengkaji menerangkan latar belakang pengkaji secara ringkas kepada responden bertujuan untuk mengelakkan sebarang rasa curiga daripada responden memandangkan pengkaji juga merupakan seorang penjawat awam yang berurusan secara langsung dengan PAWE. Tujuan dan prosedur kajian ini telah dijelaskan sepenuhnya kepada responden kajian dan mestilah tidak memberi sebarang ancaman kepada responden.
- ii. Profesionalisme – pengkaji menerangkan peranan pengkaji dalam kajian ini adalah sebagai penyelidik dan sedang menjalani proses pembelajaran bukan sebagai seorang Pegawai Pembangunan Masyarakat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- iii. Kebolehpercayaan –pengkaji menerangkan kepada responden hasil kajian kelak tidak akan dimanipulasikan untuk kepentingan peribadi pengkaji, serta membuat laporan secara jujur dan ikhlas.

3.8 Analisis Data

Kaedah kuantitatif dalam kajian ini menggunakan kaedah pengutipan data statistik deskriptif dan inferensi melalui soal selidik yang diedarkan. Responden adalah terdiri daripada warga emas yang hadir menjalankan aktiviti pada hari soal selidik diedarkan. Analisis data menggunakan kaedah statistik min untuk melihat perbezaan peranan PAWE dan perbezaan kesejahteraan hidup warga emas dengan faktor-faktor demografi yang dipilih iaitu umur, jantina, bangsa, agama, status perkahwinan, tahap pendidikan dan pendapatan. Teknik korelasi digunakan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah tidak bersandar iaitu peranan PAWE dengan pembolehubah bersandar iaitu kesejahteraan warga emas. Rasional menggunakan kaedah-kaedah ini adalah kerana ia saling melengkapi, dapat meningkat kebolehpercayaan yang tinggi dan mengukuhkan lagi dapatan kajian (Creswell, 2013).

Kajian ini menggunakan pendekatan triangulasi serentak yang mana menurut (Creswell, 2013) triangulasi serentak ini bermaksud pengkaji mengumpul kedua-dua data kuantitatif dan data kualitatif secara serentak dan kemudian membandingkan kedua-dua data untuk menentukan sama ada terdapat penumpuan, perbezaan, atau gabungan pada hasil terakhir sebagai rumusan keseluruhan. Umumnya pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif berasingan sebagai satu cara untuk mengimbangi kelemahan yang wujud dalam satu kaedah dan mengimbangi dengan kekuatan kaedah yang lain (Creswell, 2013). Dalam pendekatan ini, pengumpulan

data kuantitatif dan kualitatif adalah serentak dan berlaku dalam satu fasa penyelidikan pengajian. Sebaik-baiknya, berat adalah sama antara kedua-dua kaedah, tetapi selalunya dalam amalan keutamaan boleh diberikan kepada satu atau yang lain dan dalam kajian ini data kuantitatif diberikan keutamaan, manakala data kualitatif akan menyokong hasil akhir kajian ini.

Jadual 3.8.1 merupakan ringkasan ujian yang dijalankan berdasarkan persoalan kajian yang telah dibentuk dalam kajian ini.

3.8.3 Analisis Data Kuantitatif

Data kuantitatif dianalisis bagi mengenal pasti tahap, perbezaan dan hubungan beberapa pembolehubah ke atas kesejahteraan hidup warga emas. Kajian ini menggunakan analisis melalui perisian *statistical Package for Social Science (SPSS)* version 17.0.

3.8.4 Analisis Data Kualitatif

Data kualitatif diperolehi daripada sesi temubual yang dijalankan kepada enam (6) orang responden kajian. Setelah itu, jawapan temubual tersebut dijadikan transkrip data bagi memudahkan pengkodan data dibuat mengikut peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan yang terdapat di dalam garis panduan PAWE. Peranan dan tanggungjawab ini diolah semula menjadi tema-tema untuk pengkodan seperti berikut:

- i. Perancangan Program
- ii. Pengurusan dan Pentadbiran
- iii. Promosi
- iv. Pemantauan

- v. Garis Panduan, Prosedur & Peraturan
- vi. Pencapaian Objektif PAWE



Jadual 3.8.1

Ujian Statistik yang Digunakan

Persoalan Kajian	Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar	Ujian Statistik
1. Apakah tahap kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE?	-	Kesejahteraan Warga Emas	Deskriptif (kekerapan dan peratusan)
2. Apakah terdapat perbezaan di antara faktor-faktor demografi yang dikenalpasti dengan kesejahteraan warga emas?	Demografi Warga Emas	Kesejahteraan Warga Emas	<i>T-Test</i> - Anova
3. Apakah hubungan di antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan warga emas?	-	- Kesejahteraan Warga Emas - Keberkesanan Program PAWE	Korelasi
4. Bagaimanakah peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE? (kualitatif)	Peranan PAWE	-	- Transkrip data - Pengkodan data

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF

4.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya, Bab 4 membincangkan demografi responden kajian dan dapatan kajian analisis kuantitatif yang telah dibuat bagi melihat tahap kesejahteraan warga emas, perbezaan kesejahteraan warga emas berdasarkan faktor-faktor demografi serta hubungan di antara dua pembolehubah iaitu kesejahteraan warga emas dan keberkesanan PAWE. Dalam bab ini, faktor demografi responden yang akan dibincangkan ialah jantina, bangsa, umur, agama, status perkahwinan, tahap akademik, kawasan kediaman, tahap kesihatan serta bilangan anak.

4.2 Latar Belakang Responden

Bahagian ini membincangkan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden yang terlibat merupakan warga emas yang berumur 56 hingga 60 tahun ke atas yang hadir menjalankan aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas pada hari soal selidik diedarkan. Latar belakang responden dianalisis adalah berkaitan jantina, bangsa, agama, kumpulan umur, tahap akademik, status perkahwinan, bilangan anak, dan responden yang mempunyai penyakit. Dapatan kajian ditunjukkan di dalam Jadual 5.2.1.

Taburan jumlah responden mengikut jantina menunjukkan seramai 33 orang (42.3%) adalah responden lelaki. Manakala bakinya 45 orang (57.7%) adalah responden wanita. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada responden yang ditemui di PAWE adalah responden wanita. Seterusnya kajian ini mengelaskan kategori bangsa kepada empat (4) kategori iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Berdasarkan jadual 5.2.1, responden berbangsa Cina adalah jumlah yang tertinggi iaitu seramai 36 orang mewakili sebanyak 46.2%. Diikuti oleh responden berbangsa Melayu dengan 27 orang mewakili 34.6% dan responden berbangsa India seramai 15 orang mewakili 19.2%. Bagi kategori umur pula responden berumur 61 hingga 65 tahun merupakan kumpulan yang tertinggi sekali iaitu seramai 30 orang (38%). Diikuti dengan responden kumpulan umur 66 hingga 70 iaitu seramai 20 orang (26%), responden kumpulan umur 71 hingga 75 seramai 14 orang (18%), responden kumpulan umur 56 hingga 60 seramai 7 orang (9%), responden kumpulan umur 76 hingga 80 seramai 4 orang (5%), responden kumpulan umur 81 hingga 85 seramai 2 orang (3%) dan responden kumpulan umur 50 hingga 55 hanya seorang (1%).

Hasil kajian mengikut agama mendapati responden beragama Buddha adalah seramai 36 orang (46.2%), responden beragama Islam pula seramai 28 orang (35.9%) dan manakala responden beragama Hindu seramai 14 orang responden (17.9%). Kajian ini mengkategorikan status perkahwinan kepada empat kategori iaitu bujang (belum pernah berkahwin), berkahwin, berpisah/bercerai dan dan duda/balu (Jadual 5.2.1).

Dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden yang terlibat telah berkahwin iaitu seramai 46 orang (59.0%). Manakala seramai 20 orang responden terdiri daripada duda/balu (25.6%), 9 orang responden masih bujang (11.5%) dan 3 orang responden telah berpisah/bercerai (3.8%).

Seterusnya, sebanyak 89.7% responden mempunyai anak dan 10.3% lagi responden tidak mempunyai . Bilangan anak yang tertinggi adalah 3 dan 4 orang iaitu seramai 23 orang responden (29.5%), diikuti oleh 5 dan 6 orang anak seramai 20 orang

(25.5%). Jumlah responden yang mempunyai jumlah anak 7 dan 8 adalah sama 16 orang (20.6%), 1 dan 2 anak seramai 8 orang (10.3%), dan 9 dan 10 anak seramai 3 orang (3.8%). Bagi kategori tahap akademik pula, seramai 33 orang responden (42.3%) tidak bersekolah.

Namun begitu seramai 21 orang responden pula (26.9%) mempunyai tahap pendidikan sehingga Sekolah Menengah. Selebihnya seramai 15 orang responden (19.2%) bersekolah rendah, dan hanya 9 orang responden (11.5%) mempunyai tahap akademik bertaraf Diploma. Kategori terakhir ialah tahap kesihatan responden. Sebanyak 56.4% responden menyatakan mempunyai penyakit iaitu seramai 44 orang, manakala bakinya 43.6% iaitu 34 orang responden tiada mempunyai penyakit.



Jadual 4.2.1

Hasil Dapatan bagi Latar Belakang Responden

Kategori	Jumlah	Peratus	Kategori	Jumlah	Peratus
<u>Jantina</u>			<u>Kumpulan Umur</u>		
Lelaki	33	42.3	50 – 59	4	5.1
Wanita	45	57.7	60 – 69	45	57.7
Jumlah	78	100.0	70 – 79	27	34.6
			80 – 89	2	2.6
<u>Bangsa</u>			Jumlah	78	100.0
Melayu	27	34.6			
Cina	36	46.2	<u>Status Perkahwinan</u>		
India	15	19.2	Bujang	9	11.5
Jumlah	78	100.0	Berkahwin	46	59.0
			Berpisah/Berceraai	3	3.8
<u>Agama</u>			Duda/Balu	20	25.6
Islam	28	35.9	Jumlah	78	100.0
Buddha	36	46.2			
Hindu	14	17.9	<u>Bilangan Anak</u>		
Jumlah	78	100.0	0	8	10.3
			1-2	8	10.3
<u>Tahap Akademik</u>			3-4	23	29.5
Tidak Bersekolah	33	42.3	5-6	20	25.5
Sekolah Rendah	15	19.2	7-8	16	20.6
Sekolah Menengah	21	26.9	9-10	3	3.8
Diploma	9	11.5	Jumlah	78	100.0
Jumlah	78	100.0			
<u>Responden yang mempunyai penyakit</u>					
Ya	44	56.4			
Tidak	34	43.6			
Jumlah	78	100.0			

4.3 Tahap Kesejahteraan Responden

Tahap kesejahteraan responden telah dianalisis daripada setiap dimensi yang telah dikenalpasti iaitu kehidupan secara keseluruhan, kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan, aktiviti masa lapang dan agama dan budaya. Hasil kajian mendapati, seramai 56 orang responden iaitu 71.8% berada pada tahap tinggi dan seramai 22 orang iaitu 28.2% pula berada pada tahap yang sedehana. (Jadual 4.3.1).

Jadual 4.3.1

Tahap Kesejahteraan Responden

Tahap	Jumlah	Peratus
Rendah	-	-
Sederhana	22	28.2
Tinggi	56	71.8
Jumlah	78	100.0

Seterusnya adalah dapatan kajian tahap kesejahteraan responden mengikut dimensi kesejahteraan yang dikaji iaitu kehidupan secara keseluruhan, kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan, aktiviti masa lapang dan agama dan budaya telah dianalisis dan ditunjukkan di dalam Jadual 4.3.2.

Setelah dianalisis, didapati dimensi kehidupan secara keseluruhan seramai 71 orang responden iaitu 91.0% daripada keseluruhan responden beranggapan tahap kesihatan mereka berada dalam tahap kesihatan yang tinggi, dan 7 orang responden iaitu 9.0% responden pula berada pada tahap yang sederhana. Bagi dimensi kesihatan, mendapati seramai 72 orang responden iaitu 92.3% daripada keseluruhan responden beranggapan tahap kesihatan mereka berada dalam tahap kesihatan yang tinggi, dan 7.7% responden pula berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya bagi dimensi hubungan sosial pula menunjukkan seramai 72 orang responden (92.3%) responden warga emas menyatakan tahap hubungan sosial mereka berada pada tahap yang tinggi dan 6 orang responden berada pada tahap yang sederhana. Bagi dimensi berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan pula seramai 59 responden

berada pada tahap yang tinggi iaitu mewakili sebanyak 56.4% dan 19 responden yang mewakili 24.4% berada pada tahap yang sederhana.

Dimensi yang seterusnya adalah persekitaran dan hasil analisis mendapati 85.9% iaitu seramai 67 orang responden merasakan persekitaran mereka berada pada tahap kesejahteraan yang tinggi dan 14.1% pula berada pada tahap yang sederhana. Dimensi psikologi dan emosi juga mendapat hasil yang sama dengan dimensi persekitaran iaitu sebanyak 85.9% mewakili 67 responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi dan 14.1% iaitu 11 orang responden berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.3.2 juga menunjukkan tahap kesejahteraan responden berkaitan dimensi kewangan iaitu sebanyak 54 orang responden (69.2%) pada tahap yang tinggi, 23 orang responden (29.5%) pula menyatakan kewangan mereka pada tahap yang sederhana dan 1 orang berada pada tahap yang rendah (1.3%). Hasil dapatan bagi dimensi masa lapang pula menunjukkan seramai 58 orang responden (74.4%) menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi dan 20 orang lagi (25.6%) pada tahap yang sederhana. Dimensi yang terakhir iaitu agama dan budaya mendapati sebanyak 92.3% iaitu yang mewakili 72 responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi, manakala baki 7.7% iaitu 6 orang responden berada pada tahap sederhana (Jadual 4.3.2).

Jadual 4.3.2

Dapatan Kajian bagi Setiap Dimensi Kesejahteraan

Dimensi	Tahap	Jumlah	Peratus
Kesihatan	Rendah	-	-
	Sederhana	7	9.0
	Tinggi	71	91.0
Hubungan Sosial	Rendah	-	-
	Sederhana	6	7.7
	Tinggi	72	92.3
Berdikari, Kebebasan dan Kawalan Ke Atas Kehidupan	Rendah	-	-
	Sederhana	19	24.4
	Tinggi	59	75.6
Persekitaran	Rendah	-	-
	Sederhana	11	14.1
	Tinggi	67	85.9
Psikologi & Kesejahteraan Emosi	Rendah	-	-
	Sederhana	11	14.1
	Tinggi	67	85.9
Kewangan	Rendah	1	1.3
	Sederhana	23	29.5
	Tinggi	54	69.2
Masa Lapang	Rendah	-	-
	Sederhana	20	25.6
	Tinggi	58	74.4
Agama & Budaya	Rendah	-	-
	Sederhana	6	7.7
	Tinggi	72	92.3

4.4 Persepsi Responden Secara Umum Terhadap Kesejahteraan Hidup Mereka

Satu soalan telah diajukan berkaitan persepsi secara umum tentang kesejahteraan hidup responden. Secara keseluruhannya, seramai 27 orang responden (34.6%) menyatakan kesejahteraan hidup mereka berada pada tahap sederhana. Manakala seramai 36 orang responden (46.2%) berada pada tahap baik dan seramai 15 orang responden (19.2%) berada pada tahap sangat baik (Jadual 4.4.1).

Jadual 4.4.1

Persepsi Responden Secara Umum Terhadap Kesejahteraan Hidup

Tahap	Jumlah	Peratus
Sederhana	27	34.6
Baik	36	46.2
Sangat Baik	15	19.2
Jumlah	78	100.0

4.5 Perbezaan Di Antara Faktor-Faktor Demografi berdasarkan Kesejahteraan Warga Emas.

Seterusnya analisis *ujian-t* dan *Anova* telah dibuat bagi mengkaji perbezaan di antara faktor-faktor demografi responden ke atas kesejahteraan iaitu faktor umur, jantina, bangsa, agama, status perkahwinan dan tahap pendidikan.

4.5.1 Faktor Umur

Bagi menguji hipotesis yang pertama, analisis *Anova* telah dijalankan bagi menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor umur dan kesejahteraan responden.

H₁ : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan umur.

Maka, hasil dapatan mendapati H₁ ditolak kerana $p > 0.05$ iaitu $p = 0.312$. Oleh yang demikian tidak terdapat perbezaan kesejahteraan responden yang signifikan berdasarkan umur (Jadual 4.5.1.1).

Jadual 4.5.1.1

Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 1.

	Min Kuasa dua	Kekerapan	Signifikan
Antara Kumpulan	249.118	1.211	0.312
Di dalam Kumpulan	205.723		

4.5.2 Faktor Jantina

Seterusnya menguji hipotesis yang kedua, analisis ujian T telah dijalankan bagi menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dan kesejahteraan responden.

H₂ : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan jantina.

Hasil analisis mendapati H₁ ditolak kerana nilai $p > 0.05$ iaitu $p = 0.839$. Kesimpulannya tidak terdapat perbezaan kesejahteraan responden yang signifikan antara jantina lelaki dan perempuan. Hasil analisis bagi ujian-T adalah seperti Jadual 4.5.2.1 berikut:

Jadual 4.5.2.1

Hasil Analisis Ujian-T bagi Hipotesis 2.

Min		Ujian Levene's untuk persamaan varian	Ujian T untuk persamaan varian		
Lelaki	Perempuan	Signifikan	t	beza	Sig. (2-tailed)
162.1826	162.8613	0.648	-0.204	76	0.839

4.5.3 Faktor Bangsa

Hipotesis yang ketiga analisis Anova telah dijalankan bagi menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bangsa dan kesejahteraan responden.

H₃ : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan bangsa;

Analisis Anova mendapati H₁ ditolak kerana $p > 0.05$ iaitu $p = 0.322$. Oleh yang demikian tidak terdapat perbezaan kesejahteraan responden yang signifikan berdasarkan bangsa (Jadual 4.5.3.1).

Jadual 4.5.3.1

Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 3.

	Min Kuasa dua	Kekerapan	Signifikan
Antara Kumpulan	237.835	1.151	0.322
Di dalam Kumpulan	206.602		

4.5.4 Faktor Agama

Analisis hipotesis yang keempat telah dijalankan bagi menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor agama dan kesejahteraan responden.

H₄ : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan agama;

Analisis Anova mendapati H₁ ditolak kerana $p > \alpha = 0.05$ iaitu $p = 0.297$. Oleh yang demikian tidak terdapat perbezaan kesejahteraan responden yang signifikan berdasarkan pegangan agama responden (Jadual 4.5.4.1).

Jadual 4.5.4.1

Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 4.

	Min Kuasa dua	Kekerapan	Signifikan
Antara Kumpulan	254.147	1.233	0.297
Di dalam Kumpulan	206.167		

4.5.5 Faktor Status Perkahwinan

Seterusnya telah dijalankan analisis Anova bagi menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor status perkahwinan dan kesejahteraan responden.

H₅ : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan;

Analisis Anova mendapati H_1 diterima kerana $p < \alpha = 0.05$ iaitu $p = 0.019$. Oleh yang demikian terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan responden. (Jadual 4.5.5.1)

Jadual 4.5.5.1

Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 5.

	Min Kuasa dua	Kekerapan	Signifikan
Antara Kumpulan	667.653	3.537	0.019
Di dalam Kumpulan	188.755		

Berdasarkan ujian *Post Hoc Scheffe* (Jadual 4.5.5.2) didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan responden yang berkahwin dengan kumpulan responden duda/balu iaitu $p < \alpha = 0.05$ iaitu 0.036. Responden yang berkahwin mempunyai nilai purata lebih tinggi daripada responden dari kategori duda/balu.

Jadual 4.5.5.2

Ujian Post Hoc Scheffe

(I)	(J)	Beza purata (I-J)	Ralat	Signifikan
Berkahwin	Bujang	6.63305	5.00761	.627
	Berpisah/Bercerai	12.53094	8.18669	.508
	Duda/Balu	11.02374*	3.67983	.036

4.5.6 Faktor Tahap Akademik

Analisis hipotesis seterusnya dijalankan bagi menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor tahap akademik dan kesejahteraan responden.

H₆ : Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan tahap akademik.

Dapatan mendapati H_1 ditolak kerana $p > \alpha = 0.05$ iaitu $p = 0.639$. Oleh yang demikian tidak terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan tahap akademik (Jadual 4.5.6.1).

Jadual 4.5.6.1

Hasil Analisis Anova bagi Hipotesis 6.

	Min Kuasa dua	Kekerapan	Signifikan
Antara Kumpulan	119.394	0.566	0.639
Di dalam Kumpulan	210.982		

Kesimpulannya, ujian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi kesejahteraan berdasarkan faktor umur, jantina, bangsa, agama dan tahap akademik. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesejahteraan berdasarkan faktor status perkahwinan iaitu hanya hipotesis 5 sahaja yang diterima.. Ujian *Post Hoc Scheffe* telah menunjukkan responden yang masih mempunyai pasangan/berkahwin mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih baik berbanding responden yang ketiadaan/kematian pasangan/duda/balu.

4.6 Hubungan Antara Keberkesanan Program PAWE dan Kesejahteraan Warga Emas

Seterusnya bagi menguji hipotesis yang berikutnya, analisis korelasi pekali *Pearson* digunakan bagi menentukan hubungan antara dua pembolehubah.

H₇ : Terdapat hubungan di antara persepsi warga emas yang signifikan terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan warga emas.

Jadual 4.6.1 menunjukkan nilai pekali korelasi ialah $r = 0.623$. Kesimpulannya pada aras keertian 0.01 (99% selang keyakinan), nilai tersebut menunjukkan hubungan positif yang kuat di antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan warga emas. Ini menunjukkan semakin tinggi persepsi

warga emas terhadap keberkesanan program di PAWE, maka semakin tinggi jua tahap kesejahteraan mereka. Oleh yang demikian hipotesis adalah diterima.

Jadual 4.6.1

Hasil Analisis Korelasi Hipotesis 7.

		Kesejahteraan	Keberkesanan
Kesejahteraan	<i>Pearson</i>		
	<i>Correlation</i>	1	0.623
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		0.000
	<i>N</i>	78	78
Keberkesanan	<i>Pearson</i>		
	<i>Correlation</i>	0.623	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	0.000	
	<i>N</i>	78	78

4.7 Rumusan

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa tahap kesejahteraan warga emas 71.8% berada pada tahap yang tinggi dan 28.2% berada pada tahap sederhana. Jika dilihat daripada hasil dapatan kesejahteraan mengikut dimensi yang ditetapkan, kesemua dimensi mencatatkan kesejahteraan warga emas berada pada tahap yang tinggi berbanding tahap sederhana hanya dimensi kewangan dilihat ada merekodkan dapatan tahap kesejahteraan berada pada tahap yang rendah dan sederhana melebihi tahap yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesejahteraan berdasarkan faktor demografi umur, jantina, bangsa, agama dan juga tahap akademik responden. Maka hipotesis nul bagi faktor tersebut ditolak. Manakala bagi faktor status perkahwinan, hasil analisis mendapati terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan dan hipotesis nul telah diterima. Bagi analisis berkaitan hubungan

antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dan kesejahteraan warga emas, dapatan kajian menunjukkan hubungan yang kuat antara keduanya dan saling berkait rapat. Ini bermakna, warga emas yang merasakan program di PAWE , kemudahan yang disediakan, pihak pengurusan yang terlibat dan secara keseluruhannya bermanfaat serta mendatangkan ilmu kepada mereka seterusnya dapat meningkatkan tahap kesejahteraan warga emas itu sendiri. Maka kesimpulannya, PAWE merupakan satu tempat yang menyediakan program serta aktiviti yang memberi pelbagai kebaikan kepada warga emas khususnya dari aspek kesejahteraan dan ini adalah petanda yang positif bagi kita menangani isu penuaan kelak.



BAB LIMA

DAPATAN KAJIAN KUALITATIF

5.1 Pengenalan


Bab ini membincangkan hasil kajian yang telah ditemui serta dapatan-dapatan yang berkaitan dengan pemahaman peranan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dari persepsi pihak pengurusan dalam mempengaruhi kesejahteraan hidup warga emas. Ianya meliputi aspek peranan dan tanggungjawab serta pencapaian objektif PAWE.

5.2 Peranan Dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan

Secara keseluruhannya peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan merupakan aspek utama yang dilihat dan menjadi persoalan utama yang ditanyakan kepada responden. Berikut merupakan peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE seperti yang digariskan di dalam garis panduan.

- i. Membuat perancangan dalam menentukan PAWE mencapai matlamatnya untuk memberi manfaat kepada golongan warga emas.
- ii. Bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pentadbiran PAWE.
- iii. Bertanggungjawab ke atas urusan promosi dalam usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai program PAWE dan manfaatnya secara menyeluruh.
- iv. Menyelia dan memantau perjalanan PAWE dan prestasi kakitangan PAWE.
- v. Menentukan PAWE ditadbirkan dengan teratur mengikut garis panduan yang disediakan.

Berdasarkan itu, rajah 5.2.1 di bawah telah dibentuk mengikut tema yang berkaitan sebagai panduan pengkaji dalam memahami dengan lebih jelas skop peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE.



Rajah 5.2.1 Tema yang dibentuk daripada Peranan dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan berdasarkan Garis Panduan PAWE

5.2.1 Perancangan program PAWE

Perancangan program adalah salah satu peranan pihak pengurusan PAWE dan ianya amat penting bagi melicinkan perjalanan harian PAWE. Menurut Responden SB1:

“Yang membuat perancangan program di PAWE adalah ahli jawatankuasa PAWE. Banyak yang telah kita rancang. Ada yang berulang dan juga aktiviti yang baru.”

(Responden SB1)

Pendapat ini turut disokong oleh Responden JJ1 yang menyatakan:

“Di sini setiap perancangan dirancang oleh ahli jawatankuasa PAWE.”

(Responden JJ1)

Bagi Responden SBK1, perancangan program melibatkan kepelbagaian profail serta kaum:

“Aktiviti PAWE dirancang oleh ahli jawatankuasa PAWE yang dibentuk khas. Ahlinya terdiri daripada tokoh-tokoh tempatan di sini seperti ahli perniagaan, ahli politik, wanita, serta golongan professional. AJK ini juga melibatkan tiga kaum utama di sini iaitu Melayu, Cina dan India. Ahli jawatankuasa akan sentiasa bergiliran melawat dan mengadakan perbincangan dengan penyelia PAWE untuk menjayakan program di sini.”

(Responden SBK1)

5.2.2 Pengurusan dan Pentadbiran PAWE

Pengurusan dan pentadbiran juga merupakan peranan dan tanggungjawab utama pihak pengurusan PAWE. Peranan ini lebih kepada peranan dan tanggungjawab seorang penyelia PAWE yang berperanan mengurus serta melaksanakan hal yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran PAWE pada setiap hari berkaitan penyelenggaraan PAWE, merekod maklumat yang diperlukan dalam buku rekod, serta memastikan aktiviti dilaksanakan.

Menurut Responden SB2, peranan beliau pada setiap hari (Isnin hingga Jumaat) adalah berkaitan pengurusan rekod-rekod PAWE:

“PAWE sini akan buka dari hari Isnin sehingga Jumaat, manakala hari Sabtu kita buka juga, tapi ikut kepada permintaan atau jika ada program. ...Sewaktu warga emas tiba, kita sambut dengan mesra, dan akan

menemubual untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti yang tercatat di dalam borang pendaftaran.”

(Responden SB2)

Kenyataan oleh Responden SB2 turut disokong oleh Responden SBK2 dengan menyatakan:

“...Saya mengikut peranan dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan di dalam garis panduan PAWE. Namun tugas-tugas lain yang membawa kebaikan kepada warga emas juga akan dibuat mengikut budi bicara.”

(Responden SBK2)

Peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE hendaklah dilaksanakan mengikut garis panduan PAWE yang telah ditetapkan. Walaupun ada perbezaan mengikut kesesuaian warga emas setempat, namun peranan penyelia telah dilihat sebagai pemudahcara kepada setiap program yang dijalankan.

5.2.2.1 Pelaksanaan Aktiviti di PAWE

Selain melaksanakan hal yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran, dua aspek penting lain yang turut dilaksanakan di PAWE ialah perlaksanaan aktiviti harian PAWE. Responden JJ2 menyatakan :

“Setiap hari saya akan menyediakan jadual secara mingguan dan akan tampal pada whiteboard di PAWE, melaksanakan program yang telah dirancang serta memastikan PAWE dalam keadaan terbaik untuk warga emas. Jika ada lawatan akan buat makluman sehari sebelum program atau

lawatan tersebut. Saya juga buat jadual aktiviti, membuat pemeriksaan kawasan PAWE pada setiap hari, menemubual warga emas serta menerima aduan jika ada.”

(Responden JJ2)

Kenyataan oleh Responden JJ2 itu turut disokong oleh Responden SBK2 dengan menyatakan:

“Semua jenis aktiviti seperti kelas fardu ain, tajwid, kelas komputer, pemeriksaan kesihatan, fisioterapi kita telah dirancang oleh pihak pengurusan dan akan diatitkan sebulan awal. Kemudian saya akan paparkan di papan putih sebagai makluman kepada semua. Elakkan juga aktiviti lasak atau pergerakan yang banyak, senaman atau kelas pembelajaran yang terlalu lama.”

(Responden SBK2)

Dalam kajian ini penyelia PAWE melaksanakan aktiviti yang dirancang mengikut jadual aktiviti yang telah disediakan dan diluluskan oleh pihak pengurusan PAWE.

5.2.2.2 Pengurusan Kewangan di PAWE

Selain pelaksanaan aktiviti PAWE, pihak pengurusan juga bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau aspek kewangan PAWE. Hasil temubual yang telah dijalankan mendapati 3 orang responden kurang mahir dalam aspek ini. Mungkin kerana responden yang ditemubual bukanlah berjawatan Bendahari di PAWE, maka aspek kewangan tidak banyak dibicarakan semasa temubual. Responden SB1 menyatakan tugas kewangan dipikul oleh bendahari dan mereka akan mengetahui hal

berkaitan kewangan apabila laporan dibentang di dalam mesyuarat jawatankuasa PAWE:

“Selalunya yang berkaitan kewangan Bendahari akan buat bersama-sama dengan Penyelia. Saya tak tahu sangat. Tapi bila mesyuarat, laporan kewangan akan dibentang untuk makluman ahli mesyuarat semua.”

(Responden SB1)

Namun begitu berbeza dengan pernyataan yang diberikan oleh Responden SBK1 berikut:

“Kewangan di sini diurus mirip perjalanan kewangan kerajaan. Setiap cek yang keluar ditandatangani oleh dua atau tiga orang yang telah dinamakan. Nombor cek kemudian akan direkod di dalam buku kewangan dan setiap pembelian yang dibuat akan menggunakan resit pembelian. Jika pembelian barang-barang runcit kami akan gunakan baucer, maka baucer hendaklah ditandatangani oleh Penyelia, diluluskan oleh Setiausaha dan dikeluarkan oleh Bendahari.”

(Responden SBK1)

Namun ketika membincangkan hal berkaitan kewangan, Responden SBK1 turut mencadangkan agar pihak JKM dapat menyediakan peti simpanan wang di PAWE.

“...Cuma di sini saya ingin beritahu berkaitan penyimpanan wang tunai yang tiada disediakan kemudahan peti besi. Saya mohon pihak JKM menyediakan kemudahan tersebut untuk keselamatan PAWE.”

(Responden SBK1)

Cadangan responden ini dapat memastikan wang tunai yang untuk kegunaan harian PAWE dapat disimpan dengan selamat di PAWE dan dalam masa yang sama penambahbaikan dalam aspek pengurusan kewangan PAWE.

5.2.3 Mempromosikan PAWE Sebagai Satu Tempat Menjalani Aktiviti Untuk Warga Emas

Jika dilihat daripada garis panduan PAWE yang telah dikeluarkan, pihak pengurusan hendaklah bertanggungjawab ke atas urusan promosi dalam usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai program PAWE dan manfaatnya secara menyeluruh.

Responden SB1 menyatakan promosi PAWE akan dibuat semasa PAWE mengadakan majlis sambutan hari perayaan sesuatu kaum ataupun semasa mengadakan program besar di bawah kendalian PAWE:

“Selalunya kita buat program hari perayaan seperti Sambutan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya yang bersesuaian. ...Yang terkini kita rancang untuk melaksanakan program khidmat bantu di rumah. Program yang diperkenalkan oleh JKM dan kita cadang nak buat di kawasan sekitar sini. Selain dapat menemui warga emas yang tinggal di rumah, kita juga akan mempromosikan PAWE kepada penduduk setempat.”

(Responden SB1)

Bagi Responden SBK1, promosi PAWE yang dijalankan akan melibatkan masyarakat setempat, agensi kerajaan dan pihak swasta dalam setiap program serta

menggunakan teknologi terkini seperti media sosial bagi membantu mempromosi PAWE dengan menyatakan:

“Kami selalu buat promosi di surau dan masjid kerana di sini adalah komuniti kampung, maka dua tempat ini amat sesuai untuk promosi selain dua tempat ini juga tempat berkumpulnya ahli masyarakat kampung yang majoriti adalah warga tua. Selain itu, kami juga menggunakan wakil rakyat sebagai juru promosi secara tidak langsung. Apabila ada aktiviti yang dirasmikan oleh mereka, dengan sendirinya orang ramai akan tau. Hebahan melalui Jabatan Penerangan juga dibuat, selain akhbar. Terbaru PAWE telah membuka akaun facebook juga bertujuan untuk promosi.”

(Responden SBK1)

Promosi merupakan satu cara terbaik untuk menghebahkan PAWE kepada orang ramai. Ini dapat membantu perkhidmatan yang dijalankan di PAWE dapat berkembang seterusnya warga emas yang hadir akan mendapat manfaat daripadanya. Apabila bilangan warga emas semakin bertambah ke PAWE, pihak pengurusan akan berusaha dengan lebih untuk menambah dan mempelbagaikan program sedia ada yang mana akhirnya akan mendatangkan manfaat kepada warga emas serta secara tidak langsung sebenarnya dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas di dalam komuniti.

5.2.4 Pemantauan Ke Atas Pengurusan serta Aktiviti di PAWE

Aspek pemantauan PAWE dilaksanakan oleh pihak pengurusan bagi memastikan PAWE dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Pemantauan oleh ahli jawatankuasa adalah kepada hal yang berkaitan dengan pelaksanaan program dan perjalanan aktiviti harian oleh penyelia di PAWE. Hasil temubual yang telah dibuat kepada

enam (6) orang responden, mereka telah memberikan pandangan yang berbeza berkaitan hal ini. Pandangan yang berbeza ini berkemungkinan mengikut peranan dan tanggungjawab berdasarkan jawatan mereka.

Responden SB1 yang merupakan Timbalan Pengerusi PAWE menyatakan:

“Pemantauan dibuat melalui Penyelia dan Pembantu Penyelia. Mereka akan melaporkan terus kepada kami pihak pengurusan. Kami selalu ke PAWE. Bila ada program, ahli jawatankuasa akan turun ke PAWE. Pada masa itu, kami akan beramah mesra dengan warga emas yang datang. Sekali sekala kami tanya soalan yang berkaitan Penyelia dan Pembantu Penyelia. Selain itu, kami semak setiap rekod yang ada di PAWE.”

(Responden SB1)

Manakala Responden SBK1 lebih menggunakan cara rundingan dan mesyuarat serta melalui Penyelia yang dilantik untuk memantau aspek pengurusan dan aktiviti di PAWE:

“Pemantauan di sini menggunakan cara rundingan, mesyuarat atau perbincangan dari masa ke masa. Tetapi tidak hanya melalui mesyuarat untuk membincangkan sesuatu program atau isu di PAWE. Pihak pengurusan telah melantik seorang Penyelia untuk mengendalikan urusan harian di PAWE. Penyelia telah dipilih di kalangan mereka yang tahu berkaitan dasar-dasar serta aspek teknikal yang akan membantu serta memberikan gambaran yang baik kepada kami.”

(Responden SBK1)

Namun begitu, bagi responden yang memegang jawatan sebagai penyelia PAWE pemantauan lebih kepada memastikan setiap apa yang telah dirancang oleh ahli jawatankuasa dapat dilaksanakan dengan baik. Selain itu, pengemaskinian rekod berkaitan pendaftaran serta kehadiran warga emas pada setiap hari serta dapat mengendalikan aduan dengan baik sebagai salah satu daripada kaedah untuk memantau perjalanan harian di PAWE.

Menurut responden SB2:

“Pemantauan ke atas operasi harian PAWE dilakukan dengan memastikan setiap rekod dan buku tersebut sentiasa dikemaskini. Yela sebab setiap bulan JKM akan minta laporan pada akhir bulan. Secara tidak langsung dengan memastikan rekod sentiasa dikemaskini, saya dapat memantau perjalanan harian di PAWE. Jadi saya kena pastikan rekod-rekod buku dikemaskini.”

(Responden SB2)

Bagi Responden JJ2, pemantauan dilakukan dengan pengemaskinian rekod-rekod dan aduan yang diterima:

“Di sini saya pantau melalui rekod dan juga aduan yang diterima. Saya kena sentiasa sabar dalam menangani hal ini. Setiap aduan akan saya catat dalam buku rekod aduan.”

(Responden JJ2)

Responden SBK2 turut menyokong pernyataan Responden JJ2 dengan menyatakan:

“Pemantauan harian dibuat dengan rondaan dan pengemaskinian rekod-rekod. Selain itu, setiap aduan yang diterima akan didengar sepenuhnya. Kenal pasti masalahnya. Kemudian beri panduan supaya dia mencari jalan penyelesaian. Jika perlu rujuk kepada agensi tertentu, beri penerangan dan panduan untuk mereka melakukan sendiri.”

(Responden SBK2)

5.2.5 Pematuhan Kepada Garis Panduan, Prosedur serta Peraturan PAWE

Perkara terakhir yang ditanya kepada responden berkaitan tugas dan tanggungjawab pihak pengurusan adalah berkaitan garis panduan, prosedur serta peraturan yang perlu dipatuhi. Hasil analisis daripada temubual yang dibuat mendapati pihak JKM hanya menyediakan garis panduan PAWE sebagai asas kepada pihak pengurusan untuk mengendalikan PAWE. Responden SB2 telah menyatakan pentingnya untuk mematuhi garis panduan yang telah disediakan. Namun begitu beliau turut mencadangkan agar garis panduan yang sedia ada dikemaskini dan ditambahbaik. Responden SB2 menyatakan:

“Kami sentiasa mengikut garis panduan yang JKM tetapkan namun garis panduan tu pun dah lama tidak dikemaskini. Yang mana saya buat penambahan saya maklum kat JKM. Tapi bukanlah penambahan yang besar.”

(Responden SB2)

Bagi Responden SBK2, selain pematuhan kepada garis panduan PAWE, peraturan dan prosedur yang berkaitan dengan warga emas perlu disediakan sebagai panduan kepada pengendali PAWE. Beliau menyatakan:

“Yang ada hanyalah garis panduan. Bagi saya PAWE perlukan juga peraturan tetap dan prosedur untuk diikuti. Contohnya tiada peraturan bagaimana mengurus kewangan yang betul. Tiada latihan kewangan diberikan. Hanya melakukan mengikut pengalaman sendiri.”

(Responden SBK2)

5.2.5.1 Aspek Keselamatan Warga Emas di PAWE

Garis panduan PAWE selain mengandungi peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE, ada juga dinyatakan hal yang berkaitan dengan keselamatan warga emas di PAWE terutama aspek fizikal bangunan. Menurut Responden SBK2:

“...Pertama, pastikan tiada sebarang benda yang menghalang laluan, seperti hiasan atau pasu bunga yang terletak di dalam bangunan, peralatan-peralatan tajam, lantai bilik air yang licin atau kunci pintu bilik yang sukar dibuka. ... Dan ketiga, mengadakan kursus keselamatan dengan menjemput penceramah dari Polis DiRaja Malaysia, Bomba dan Penyelamat serta Pegawai Perubatan.”

(Responden SBK2)

5.2.5.2 Penyediaan Makanan di PAWE

Selain aspek keselamatan, prosedur berkaitan penyediaan makanan kepada warga emas di PAWE seharusnya diberikan panduan dan perhatian. Menurut responden SBK2:

“...Kedua, tidak menyediakan makanan yang liat atau keras, minuman sejuk atau terlalu panas kepada warga emas.”

(Responden SBK2)

Kesimpulannya hanya responden SBK2 memberikan komen berkaitan hal penyediaan makanan di PAWE. Beliau mencadangkan agar garis panduan PAWE yang sedia ditambahbaik dengan memasukkan panduan berkaitan penyediaan makanan kepada warga emas bagi memastikan menu yang disediakan di PAWE sesuai dengan keperluan mereka.

5.3 Pencapaian Objektif PAWE

Seterusnya bahagian kedua dalam soal selidik adalah berkaitan pencapaian objektif PAWE dari kaca mata pihak pengurusan PAWE. Objektif yang dinyatakan merupakan sasaran yang perlu dicapai oleh PAWE dalam memastikan tujuan dan peranan PAWE dapat memberi manfaat kepada warga emas. Maka dengan itu, soalan berkaitan pencapaian objektif PAWE telah dikemukakan kepada responden dalam sesi temubual untuk mengenalpasti sejauh mana responden memainkan peranan mereka dan seterusnya memberi kesan ke atas kesejahteraan warga emas.

5.3.1 PAWE Dapat Meluaskan Kemudahan untuk Kesejahteraan Warga Emas

Objektif pertama adalah berkaitan perluasan kemudahan di PAWE untuk kesejahteraan warga emas. Responden JJ2 berpendapat bahawa PAWE telah berjaya meluaskan kemudahan untuk kesejahteraan warga emas. Beliau menyatakan:

“Saya sangat setuju yang PAWE ini telah berjaya meluaskan kemudahan untuk kesejahteraan warga emas. Bagi saya kemudahan pengangkutan kepada warga emas, aspek kesihatan, khidmat kaunseling, kursus-kursus bahasa dijadikan sebagai nilai tambah kepada program-program yang telah dijalankan di sini.”

(Responden JJ2).

Seterusnya Responden SBK2 menambah dengan menyatakan program serta kemudahan yang ada di PAWE dapat memberikan manfaat kepada warga emas terutamanya yang berada di kawasan luar bandar. Ini kerana menurut beliau, kesejahteraan warga emas juga bergantung kepada keperluan mereka mengikut perbezaan kaum dan agama di satu-satu kelompok komuniti:

“PAWE telah berjaya meluaskan kemudahan untuk pembangunan warga emas. PAWE luar bandar seperti di sini ahlinya majoriti Melayu. Mereka cenderung kepada aktiviti keagamaan. Program nyanyian dan karaoke tidak mendapat perhatian. Mereka mahu mendalami ilmu agama, fardu ain, memperbaiki bacaan Al Quran. Pembelajaran sepanjang hayat bagi mereka membawa kebaikan untuk akhirat. Pemeriksaan kesihatan, pengetahuan mengenai penjagaan kesihatan juga menarik perhatian mereka. Kendaraan Unit Penyayang Warga Emas telah memberi kemudahan kepada mereka. Ini

semua adalah kemudahan di PAWE yang berjaya meluaskan kesejahteraan dan pembangunan warga emas.”

(Responden SBK2)

Namun begitu bagi Responden SB1, beliau menyatakan aspek pengangkutan amat penting untuk meluaskan kemudahan yang ada di PAWE dan kemudahan yang sedia ada perlu ditambahbaik. Ini adalah kerana lokasi PAWE yang jauh dari orang awam. Menurut beliau:

“Bagi saya kemudahan yang PAWE ada sekarang ni adalah baik tapi sebenarnya perlu ditingkatkan lagi. Selain kemudahan yang disediakan di sini kami juga amat memerlukan van. Kompleks ni terletak di kawasan dalam, jadi agak susah sebenarnya warga emas yang tinggal berhampiran untuk datang ke sini. Kalau ada pengangkutan van tu senangla sikit. Boleh bawa mereka datang dan balik dengan selamat. Sebab saya kata kalau ada van lebih ramai warga emas akan datang ke sini. Warga emas yang berdaftar dapat ditingkatkan dan kemudahan yang ada dapat dinikmati. Akhirnya boleh membantu kehidupan seharian mereka.”

(Responden SB2).

Kesimpulannya, bagi mencapai objektif pertama ini sebenarnya bergantung juga kepada kemampuan pihak pengurusan PAWE dan JKM dalam merealisasikan hasrat ini. Antaranya faktor lokasi yang penting kerana seperti yang semua sedia maklum, kemampuan fizikal warga emas amatlah terhad. PAWE terletak berhampiran dengan kawasan komuniti, mudah bagi warga emas untuk hadir dan mengikuti program yang dijalankan, namun jika PAWE terletak jauh, kemudahan pengangkutan amat perlu

kepada warga emas di situ. Tegasnya, kemudahan yang ada di PAWE dapat dinikmati dan memberikan pengaruh ke atas kehidupan seharian warga emas, sekiranya ada penambahbaikan daripada pihak JKM ke atas isu-isu yang timbul bagi memastikan objektif ini dapat dicapai.

5.3.2 PAWE Sebagai Kesenambungan Kepada Program Pembangunan Komuniti JKM

Objektif seterusnya adalah menjadikan PAWE sebagai kesinambungan kepada program pembangunan komuniti di bawah JKM. Ini bermaksud, PAWE bermatlamat untuk menjadi sebagai satu program yang menyediakan kemudahan kepada kumpulan sasar JKM iaitu warga emas, sama peranannya dengan program pembangunan komuniti JKM yang lain seperti Pemulihan Dalam Komuniti untuk golongan orang kurang upaya dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang diwujudkan di dalam komuniti. Maka dengan itu, penglibatan secara aktif pihak pengurusan dengan agensi serta komuniti setempat amat perlu bagi memastikan kesinambungan program ini dapat dilaksanakan.

Hasil temubual mendapati kejayaan kesinambungan program JKM dalam komuniti ini memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk menjayakannya. Menurut Responden SBK1:

“PAWE dilihat telah berjaya berkembang dan dapat menaikkan imej JKM. Selain itu, banyak agensi kerajaan yang lain juga telah memberikan kerjasama.”

(Responden SBK1)

Penyataan ini turut dipersetujui oleh Responden SBK2 dengan menyatakan:

“Asas kesinambungan antara JKM dengan kumpulan sasar telah berjaya diterapkan melalui PAWE. Program ini akan terus berkembang dan dapat menaikkan imej jabatan. Pelbagai agensi kerajaan juga telah mula memberi kerjasama yang baik dan pada saya hubungan ini patut diperkukuhkan. PAWE dilihat berjaya berkembang dan dapat menaikkan imej Jabatan. Selain itu, banyak agensi kerajaan yang lain juga telah memberikan kerjasama.”

(Responden SBK2).

Responden SB1 turut bersetuju dan menyatakan mengenai pentingnya hubungan yang baik di antara PAWE dan pihak JKM dalam memastikan program komuniti JKM dapat dilaksanakan mengikut keperluan warga emas setempat. Menurut beliau:

“Bagi saya yang penting adalah untuk merapatkan hubungan antara pihak ahli jawatankuasa PAWE dengan JKM, sebab tanpa hubungan yang erat program dan aktiviti yang dibuat tidak selari dengan keperluan serta kehendak warga emas.”

(Responden SB1)

Pernyataan berkaitan kerjasama antara pihak JKM dan PAWE dapat membantu program warga emas diperluaskan di dalam komuniti turut disokong oleh Responden JJ1 yang menyatakan:

“Kerjasama erat pihak JKM diperlukan dengan penduduk setempat. Sini PAWE dalam kawasan perumahan. Sangat sesuai sebab dalam komuniti.

Jadi kalau JKM atau agensi lain mahu buat program dalam komuniti sangat bagus buat di PAWE.”

(Responden JJ1)

5.3.3 PAWE Sebagai Satu Alternatif kepada Warga Emas

Seterusnya objektif untuk menjadikan PAWE sebagai satu alternatif kepada warga emas untuk menjalani kehidupan seharian secara aktif dan produktif. Warga emas yang tinggal bersendirian tanpa anak-anak ataupun bersama anak-anak tetapi mereka bekerja, memerlukan program dan tempat untuk menjalani aktiviti harian. PAWE yang diwujudkan di dalam komuniti amat sesuai sebagai tempat untuk warga emas menjalani aktiviti harian.

Menurut Responden SB2 perkhidmatan percuma di PAWE menjadikan ianya sebagai satu tempat yang mudah untuk dikunjungi oleh warga emas selain daripada menghabiskan masa di rumah. Menurut beliau:

“Perkhidmatan di PAWE adalah percuma dan tiada bayaran dikenakan. Jadi warga emas mudah dan suka datang ke PAWE dan menjalankan aktiviti terutama yang berpendapatan rendah.”

(Responden SB2)

Bagi Responden JJ1, beliau turut bersetuju dengan pernyataan perkhidmatan percuma menjadikan PAWE sebagai tempat yang sesuai untuk menjalani aktiviti harian. Beliau menyatakan:

“Sini semua kategori ada. Yang pendapatan rendah, sederhana ada, tinggi pun ada. Bila jalani program mereka jadi satu. Tiada jurang antara mereka. Lagipun di sini aktiviti atau program adalah secara percuma.”

(Responden JJ1)

Responden SBK2 turut menyokong dengan menyatakan kerana perkhidmatan yang diberikan secara percuma, warga emas yang berpendapatan rendah dilihat sering hadir ke PAWE berbanding dengan pesara kerajaan dan golongan sederhana untuk menjalani aktiviti:

“Kumpulan warga emas dari kumpulan yang berpendapatan rendah mudah didekati dan menyertai aktiviti di PAWE. Bahkan mereka adalah golongan utama yang ramai menyertai aktiviti di PAWE. Golongan sederhana dan pesara kerajaan tidak ramai yang berdaftar sebagai ahli di sini.”

(Responden SBK2)

Walaupun perkhidmatan yang diberikan adalah secara percuma namun menurut Responden JJ2, PAWE perlu melaksanakan program mengikut kehendak dan keperluan warga emas setempat bagi memastikan warga emas hadir ke PAWE:

“PAWE perlu merancang aktiviti yang memenuhi keperluan warga emas serta bersesuaian dengan keadaan dan persekitaran tempatan.”

(Responden JJ2)

Secara ringkas, PAWE sememangnya menjadi satu alternatif kepada warga emas untuk menjalani aktiviti harian selain tinggal berseorangan di rumah. Peranan pihak pengurusan di sini telah memastikan setiap program yang dirancang adalah

bersesuaian kepada warga emas mengikut kemampuan mereka. Ini juga akan menggalakkan warga emas untuk terus hadir ke PAWE dan akhirnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

5.3.4 Peningkatan Kesejahteraan Hidup Selari dengan DWEN

Peranan pihak pengurusan penting dalam memastikan pencapaian objektif PAWE untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas berteraskan DWEN. Warga emas yang tinggal di rumah hadir ke PAWE untuk menjalani aktiviti harian dan secara langsung kesannya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup warga. Hasil temubual dengan Responden SB1, beliau menyatakan program dan aktiviti yang dilaksanakan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas.

“Kesejahteraan warga emas dapat ditingkatkan apabila mereka menjalani latihan serta aktiviti yang disediakan seperti contoh yang berkaitan penjagaan kesihatan serta ceramah-ceramah berbentuk motivasi.”

(Responden SB1)

Penyataan tersebut turut disokong oleh Responden SB2 dengan menyatakan:

“PAWE ni selain bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka, warga emas juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada warga emas. Selain itu ada terdapat pelbagai perkhidmatan yang disediakan di sini yang memberi manfaat kepada warga emas. Akhirnya akan membantu kualiti hidup mereka meningkat.”

(Responden SB2)

Responden SBK2 pula menyatakan perihal warga emas yang pada mulanya sukar untuk berubah tetapi setelah mengikuti program di PAWE telah berubah kepada yang lebih baik:

“Pelbagai aktiviti yang dijalankan telah meningkatkan kualiti hidup warga emas. Di sini komuniti kampung, orang tua yang dahulunya takut nak berjumpa doktor kini telah ramai yang berubah. Pada awalnya mereka terpaksa membuat pemeriksaan kesihatan kerana doktor datang setiap bulan di PAWE. Akhirnya mereka kini dapat memantau kesihatan masing-masing setiap bulan dengan menghadiri pemeriksaan kesihatan yang dijalankan. Selain itu, warga emas juga kini telah pandai mengendalikan komputer. Padahal sebelum ini mereka menganggap komputer bukan dunia mereka. Begitu juga dengan aktiviti senaman aerobik, memperbaiki bacaan Al Quran, tajwid, fardu ain dan sebagainya.”

(Responden SBK2)

Pernyataan dari responden di atas menunjukkan setiap program yang dijalankan telah mengambil kira kesannya kepada kesejahteraan warga emas yang meliputi pelbagai aspek kehidupan. Namun begitu, perlu ada juga garis panduan yang khusus berkaitan pelaksanaan program yang sesuai dan bermanfaat dijalankan kepada warga emas.

5.3.5 Penambahbaikan Terhadap Program dan Aspek Pengurusan

Objektif terakhir yang mesti dicapai oleh pihak pengurusan PAWE adalah berkaitan penambahbaikan terhadap program serta aspek pengurusan sedia ada. Dalam hal ini peranan pihak pengurusan dilihat sebagai agen utama dalam memastikan objektif ini

dapat dicapai dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga emas dan memberikan cadangan kepada pihak JKM.

Setiap responden yang ditemubual menyatakan pendapat dan cadangan untuk penambahbaikan program di PAWE juga kepada aspek pengurusan PAWE, terutamanya yang melibatkan penambahan peruntukan geran tahunan bagi pengurusan serta penyelenggaraan PAWE. Menurut Responden JJ1:

“Yang paling penting itu geran tahunan kenala tambah. Sini setiap hari dalam 50 orang datang. Mesti kita perlu menyediakan sedikit air minuman selepas aktiviti. Peruntukan yang diberi sekarang amat terhad. Ya kami tau NGO kena cari peruntukan tambahan sendiri, tapi kalau berbayar, warga emas tidak mahu datang ke PAWE. Jadi saya harap geran peruntukan ditambah.”

(Responden JJ1)

Responden SB2 turut bersetuju berkaitan isu pertambahan peruntukan geran tahunan dalam membuat penambahbaikan kepada PAWE di samping kenaikan elaun kepada kakitangan PAWE untuk memastikan perkhidmatan terbaik diberikan. Menurut beliau:

“Dalam hal ni rasanya puan pun tau masalah yang utama. Yang penting adalah elaun dan peruntukan untuk PAWE. Memanng dahulu kita berkerja secara sukarela, dan NGO perlu mencari dana bagi menyara PAWE. Tetapi kini, PAWE memerlukan perhatian yang khusus agar setiap apa yang ada di sini dapat dikekalkan dan dalam keadaan yang baik. Kalau tiada penyelia

dan pembantu yang bertugas setiap hari, susah kita nak maintain semua ini. Jadi saya harap sangat agar JKM dapat naikkan elaun kami, penyelia dan pembantu PAWE. Sekarang hanya RM600.00 sebulan. Kalau boleh naikan kepada RM900.00. Begitu juga pembantu naikkan dari RM350.00 kepada RM600.00.”

(Responden SB2)

Selain daripada isu pertambahan peruntukan geran tahunan serta bayaran elaun penyelia, Responden JJ2 mencadangkan agar penambahbaikan kepada garis panduan sedia ada hendaklah dibuat bagi memandu pihak pengurusan melaksanakan aktiviti/program yang dirancang kepada warga emas dengan sebaiknya. Beliau menyatakan:

“Bagi saya, JKM perlu menyediakan garis panduan yang serba lengkap, termasuklah standard yang diperlukan bagi satu-satu aktiviti/program itu perlu dilaksanakan. Contohnya program kesihatan, rekreasi, serta khidmat sukarela perlulah ada garis panduan agar pelaksanaan memberi manfaat kepada warga emas.”

(Responden JJ2)

Responden SBK2 turut bersetuju dan berpendapat setiap aduan yang diterima dan dipanjangkan kepada pihak JKM hendaklah diambil tindakan dan perhatian sewajarnya. Ini kerana kebanyakan aduan yang dikemukakan juga berkaitan dengan isu penambahan geran tahunan dan penambaaian garis panduan PAWE. Menurut beliau:

“Setakat ini JKM kurang memberi perhatian kepada aduan dari pihak PAWE. Pertamanya JKM tidak pernah mengkaji semula geran PAWE sejak diwujudkan berbelas tahun yang lalu. Kedua penambahbaikan garis panduan sedia ada. Ni komen saya berkaitan perkara ini”.

(Responden SBK2)

Kesimpulan terhadap objektif ini menunjukkan walaupun pihak pengurusan PAWE sama ada jawatankuasa ataupun penyelia PAWE telah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut garis panduan yang ditetapkan, mereka juga menjalankan program terhadap warga emas mengikut permintaan dan kehendak warga emas setempat. Walaupun dilihat telah memberi kesan dengan meningkatnya bilangan kehadiran warga emas ke PAWE setiap hari, namun masih juga timbul beberapa isu lain terutamanya yang melibatkan peruntukan geran dan ia boleh menjejaskan perjalanan harian PAWE jika tidak diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab dalam aspek pemantauan PAWE.

5.4 Rumusan

Kesimpulan daripada hasil dapatan berkaitan peranan pihak pengurusan PAWE dan pencapaian objektif PAWE mendapati bahawa setiap peranan serta tanggungjawab yang telah digariskan di dalam garis panduan telah dipatuhi dengan sewajarnya mengikut keperluan di setiap PAWE. Namun begitu, terdapat juga perbezaan pandangan berkaitan aspek kewangan, promosi dan pemantauan. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan latar belakang serta pengalaman pihak pengurusan dan perbezaan kategori PAWE yang dipilih sebagai lokasi kajian.

Bagi pencapaian objektif PAWE pula walaupun menyatakan maksud yang sama tetapi ada pandangan yang diberikan berbeza di antara responden. Ini bermaksud responden mengandaikan pelaksanaan pelbagai program kepada warga emas dilihat telah berjaya mencapai setiap objektif yang ditetapkan, jika dapat ditambahbaik dari beberapa aspek yang dikenalpasti seperti penambahan geran peruntukan tahunan maka program yang dirancang dapat dijalankan dengan sebaiknya dan objektif tercapai. Penilaian yang telah diberikan oleh setiap responden adalah berbentuk subjektif dan bersesuaian dengan situasi semasa yang mereka



BAB ENAM

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian dengan lebih terperinci berdasarkan objektif kajian. Selain itu, implikasi kajian ini kepada bidang kerja sosial, cadangan terhadap penambahbaikan PAWE, cadangan kajian akan datang serta rumusan keseluruhan kajian turut dibincangkan di dalam Bab 6 ini.

6.2 Tahap Kesejahteraan Warga Emas Yang Hadir Ke PAWE

Ahli komuniti yang sihat akan menghasilkan sebuah negara yang produktif serta dapat melahirkan individu yang berada dalam keadaan tenang secara fizikal, psikologi dan mental. Selain itu, komuniti akan berada dalam harmoni, tenang dan bergerak ke arah yang lebih baik pada masa akan datang (Amran Hassan et al., 2012). Hasil kajian di PAWE mendapati semua responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka secara keseluruhan adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini menyokong hasil kajian Kwan (2003) yang menunjukkan kesejahteraan hidup yang baik adalah secara fizikal dan mental sihat adalah dengan aktif secara sosial, dan kukuh dari segi kewangan dan merasa gembira, makan dengan baik dan mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik. Selain itu, kesihatan fizikal dan mental tahap yang baik, bebas masalah kewangan, sokongan keluarga yang baik, dan aktif menjalani aktiviti sosial juga merupakan faktor penyumbang utama kepada kualiti hidup (Lee, 2005).

Seterusnya sebanyak 69.2 peratus responden telah menyatakan tahap kesejahteraan mereka dari aspek kesihatan berada pada tahap yang tinggi. Hasil ini menyokong

kajian yang dibuat oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad (2007) yang menyatakan isu kesihatan ini dianggap sebagai satu isu penting yang berkaitan dengan pelbagai aspek lain dengan warga emas. Malah kesihatan dianggap satu indikator penting kesejahteraan warga emas. Warga emas yang tinggal berseorangan di rumah akan mengalami kesunyian dan perasaan seperti ini boleh memburukkan lagi tahap kesihatan dan seterusnya memendekkan jangka hayat mereka (Luo et al., 2012). Namun begitu di PAWE, program pemeriksaan kesihatan secara percuma dilaksanakan pada setiap bulan dengan kerjasama dari klinik kerajaan dilihat dapat menyumbang kepada tahap kesihatan warga emas yang baik di tambah pula dengan penglibatan langsung warga emas dalam memantau kesihatan mereka sendiri.

Aktiviti yang dijalankan di PAWE menjadikan warga emas sentiasa berhubung di antara satu lain terutamanya di kalangan rakan sebaya mereka. Hubungan yang terjalin ini menunjukkan hubungan sosial warga emas yang hadir ke PAWE berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 92.3 peratus. Hasil ini disokong oleh kajian Chalise et al. (2010), yang mendapati terdapat hubungkait antara hubungan sosial dan rasa kesunyian dikalangan warga emas. rasa kesunyian dapat dikurangkan apabila warga emas menghulurkan serta menerima sokongan sosial kepada jiran-jiran dan kawan-kawan. Kajian oleh Ma'arof Rizduan dan Asnarulkhadi Abu Samah (2006) juga menyatakan bahawahubungan sosial di komuniti iaitu di dalam kelompok rakan sebaya dapat mengoptimumkan kesejahteraan warga emas melalui campur tangan inovatif dan kreatif ahli-ahli komuniti tertentu dengan menjalani aktiviti yang berkaitan.

Warga emas yang berkeupayaan untuk menguruskan secara bebas hidup mereka mempunyai mental dan fizikal serta kesihatan yang baik, rasa selamat dan mempunyai sokongan ekonomi yang mencukupi membolehkan mereka menghadapi masalah dan memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesejahteraan hidup mereka (Nurizan Yahaya et al., 2010). Warga emas yang hadir ke PAWE adalah warga emas yang tinggal di dalam komuniti. Mereka mempunyai pilihan sama ada untuk tinggal di rumah atau hadir menjalani aktiviti di PAWE. Persekitaran yang selamat dan menyokong membuatkan warga emas datang ke PAWE dan ini menyokong dengan hasil dapatan yang diperolehi apabila sebanyak 56.4 peratus responden telah menyatakan tahap kesejahteraan mereka berada pada tahap yang tinggi dari dimensi berdikari, kebebasan serta kawalan terhadap kehidupan.

Warga emas lebih cenderung untuk mengalami rasa kesunyian kerana perubahan-perubahan hidup, kehilangan orang yang tersayang, dan kemerosotan fungsi fizikal serta kognitif yang dialami (Lopata, 1995). Perubahan persekitaran merupakan salah satu penyebab timbulnya rasa kesunyian dalam kalangan warga emas. Mengikut kajian oleh Berg et al. (1981), warga emas yang tinggal di institusi jarang-jarang dilawati oleh anak dan saudara akan mudah mengalami kesunyian berbanding warga emas yang tinggal bersama keluarga. Dalam situasi ini warga emas yang tinggal bersama keluarga di dalam komuniti dikatakan mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih baik. Maka hasil kajian ini telah menyokong kajian oleh Berg et al. (1981) apabila mendapati seramai 60.3 peratus responden telah menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi. Warga emas yang berkunjung ke PAWE menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi kerana mereka masih tinggal di rumah masing-masing serta masih dapat menjalani aktiviti

harian mereka di PAWE bersama rakan-rakan. Jadi dapat dirumuskan tahap kesejahteraan warga emas yang datang ke PAWE pada tahap yang tinggi dari aspek persekitaran mereka.

Kajian oleh Keyes, Dhingra, dan Simoes (2010), menyatakan penyakit tekanan perasan serta gangguan emosi menjadi suatu penyakit yang biasa di mana 20 hingga 30 peratus menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Tambahan pula mereka yang mengalami masalah psikologi, gangguan emosi akan hidup berseorangan serta kesunyian. Namun begitu di PAWE, warga emas rasa dihargai serta difahami dan menyumbang kepada tahap kesejahteraan yang baik. Pernyataan ini disokong dengan hasil kajian ini yang mendapati sebanyak 62.8 peratus responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi. Di PAWE warga emas telah mengikuti pelbagai aktiviti dan mereka diberikan pilihan untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti di dalam komuniti.

Keluarga terdekat juga merupakan pilihan warga emas untuk memohon bantuan selama tinggal di dalam komuniti (Khadijah Alavi et al., 2010). Menurut Merkin et al. (2007) Krop et al. (1999) Perneger, Whelton, dan Klag (1995) Rostand, Brown, Kirk, Rutsky, dan Dustan (1989) menyatakan fakta bahawa warga emas yang mempunyai status sosio ekonomi yang rendah mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat penyakit kronik. Mempunyai status ekonomi yang rendah bermakna seseorang individu mempunyai peluang yang lebih rendah untuk mendapat akses kepada rawatan perubatan. Tahap kesihatan lebih baik dapat diperolehi apabila dikaitkan dengan pendapatan yang lebih tinggi (Norris, Lane, Anderson, & Block, 2003). Hasil kajian mendapati responden menyatakan sebanyak 47.4 peratus tahap

kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi kerana mereka mempunyai latar belakang kewangan yang baik dan menyokong kajian yang dijalankan oleh Norris et al. (2003). Tambahan pula, program dan aktiviti yang dijalankan di PAWE adalah secara percuma termasuklah perkhidmatan kesihatan kepada warga emas yang hadir ke PAWE meliputi pemeriksaan, ceramah dan latihan amali berkaitan penjagaan kesihatan. Maka warga emas yang mempunyai tahap status ekonomi yang rendah masih berpeluang untuk mendapatkan akses kepada program, menjalani aktiviti termasuklah menerima rawatan perubatan di PAWE. Namun begitu dapatan juga mendapati sebanyak 1.3 peratus responden menyatakan kewangan mereka pada tahap yang rendah dan 51.3 peratus pada tahap yang sederhana. Ini menyokong dapatan kajian Liang dan Fairchild (1979) yang mendapati melalui kajiannya responden yang tidak berpuas hati terhadap tahap keadaan kewangan mereka, kerana merasakan kekurangan tersebut menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Hasil kajian Liang et al. (1980), juga mendapati status ekonomi sememangnya mempunyai pengaruh kepada tahap kesejahteraan warga emas secara subjektif. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh faktor warga emas yang tinggal bersendirian, dan bantuan kewangan hanya diterima daripada anak-anak bagi menampung keperluan makanan, pembelian barangan keperluan, kemudahan peralatan dan pengangkutan (Khadijah Alavi, 2007).

Warga emas yang sejahtera dan aktif adalah mereka yang melibatkan diri dalam sebarang aktiviti kemasyarakatan pada masa lapang (Walker, 1999). L.-H. Huang dan Lin (2002) pula melaporkan bahawa warga emas yang hidup di dalam komuniti dan kediaman sendiri memerlukan perkhidmatan perubatan, subsidi kewangan, dan susunan lapang aktiviti yang lebih tersusun. Kursus-kursus berkaitan kehidupan

persaraan, kesihatan, jaminan kewangan, sukarelawan serta penggunaan masa lapang amat diperlukan (Sim, 2002). Bagi dimensi masa lapang ini, hasil kajian mendapati sebanyak 53.8 peratus responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi apabila mereka mendapati keperluan kepada perkhidmatan tersebut ada disediakan di PAWE dan warga emas terlibat secara langsung dengan menjalani pelbagai aktiviti/program di PAWE dan ini menyokong kajian terdahulu mengenainya.

Kajian-kajian berkaitan komitmen agama warga emas banyak menggunakan pendekatan kekerapan mengunjungi tempat ibadah sebagai salah satu indikator komitmen seseorang kepada agama. Namun begitu, agama mempunyai banyak dimensi, dan kekerapan membaca kitab suci umpamanya, juga dianggap sebagai satu dimensi penting komitmen agama. Melalui pendekatan ini, kajian mengenai komitmen agama warga emas kini menunjukkan semakin tua usia seseorang itu bukan bererti akan semakin menurun komitmen agama mereka. Kajian oleh Sharifah Rosida Syed Ali (2012) mendapati kebanyakan responden menyatakan tahap kepatuhan kepada agama berada di tahap yang tinggi iaitu 76.9 peratus. Hasil kajian ini menyokong hasil kajian Sharifah Rosida Syed Ali (2012), di atas dimana responden kajian telah meletakkan tahap yang tinggi bagi menyatakan tahap kesejahteraan dari dimensi agama. Pelbagai aktiviti keagamaan dan kebudayaan dilaksanakan di PAWE seperti kelas fardu ain, kelas agama, sambutan hari-hari perayaan utama negara dan juga program bersama masyarakat setempat.

Kesimpulannya hasil kajian telah mendapati tahap kesejahteraan responden yang hadir ke PAWE adalah tinggi. Ini membuktikan kewujudan PAWE telah berjaya mencapai objektifnya selain dilihat sebagai satu program dalam komuniti yang telah

berjaya memberi kesan terhadap tahap kesejahteraan warga emas di Malaysia. Oleh itu, peranan komuniti yang sejahtera mampu menjadikan sesebuah negara aman sekaligus membantu kepada pencapaian cemerlang dalam bidang ekonomi, politik dan sosial (Amran Hassan et al., 2012).

6.3 Perbezaan Berdasarkan Faktor-Faktor Demografi dan Tahap Kesejahteraan Responden

Hasil kajian bagi menguji objektif kajian yang seterusnya iaitu perbezaan yang didapati di antara faktor-faktor demografi jantina, bangsa, agama, kumpulan umur, status perkahwinan, bilangan anak serta tahap akademik dengan tahap kesejahteraan responden mendapati, hanya faktor status perkahwinan didapati mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kesejahteraan responden. Ujian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi kesejahteraan berdasarkan faktor umur, jantina, bangsa, agama dan tahap akademik. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesejahteraan berdasarkan faktor status perkahwinan. Ujian *Post Hoc Scheffe* telah menunjukkan responden yang masih mempunyai pasangan/berkahwin mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih baik berbanding responden yang kematian pasangan/duda/balu. Hasil ini menyokong kajian oleh Hadi Kooshir et al. (2012) yang bersetuju bahawa warga emas yang tinggal bersendirian mempunyai kepuasan hidup lebih rendah berbanding warga emas yang tinggal bersama keluarga dan pasangan yang menunjukkan bahawa warga emas tersebut mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi.

Ini membuktikan pentingnya sebuah keluarga ke atas kesejahteraan warga emas dalam masyarakat di negara membangun. Ketiadaan pasangan kerap dialami oleh

golongan perempuan yang sudah berusia kerana mereka mempunyai jangka hayat yang lebih panjang berbanding golongan lelaki. Hal ini disebabkan kebanyakan janda/balu terutamanya bagi golongan warga emas lebih cenderung untuk tidak berkahwin lagi setelah bercerai atau kematian suami (Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000). Maka warga emas perempuan yang tinggal seorang diri dikatakan mampu untuk menguruskan kehidupan mereka sebagaimana warga emas yang tinggal dengan pasangan (Darvies, 1990).

6.4 Hubungan Antara Keberkesanan Program PAWE dan Tahap Kesejahteraan Responden

Hasil kajian mendapati apabila program PAWE dilihat berkesan, maka semakin baik tahap kesejahteraan yang akan dialami oleh warga emas. Kesimpulannya terdapat hubungan positif yang kuat di antara persepsi warga emas terhadap keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan warga emas dan menunjukkan semakin tinggi persepsi warga emas terhadap keberkesanan program di PAWE, semakin tinggi juga tahap kesejahteraan mereka. Ianya menyokong kajian-kajian yang berikut yang telah dibuat berkaitan warga emas yang sejahtera dan aktif adalah mereka yang melibatkan diri dalam sebarang aktiviti kemasyarakatan pada masa lapang (Walker, 1999). Seterusnya kajian oleh L.-H. Huang dan Lin (2002) menyatakan warga emas yang hidup di dalam komuniti dan kediaman sendiri memerlukan perkhidmatan perubatan, subsidi kewangan, dan susunan lapang aktiviti yang lebih tersusun dan kajian mengenai kursus-kursus berkaitan kehidupan persaraan, kesihatan, jaminan kewangan, sukarelawan serta penggunaan masa lapang amat diperlukan (Sim, 2002).

6.5 Peranan dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan PAWE

Faktor komitmen pihak pengurusan dalam memastikan perkhidmatan dapat diberikan kepada warga emas di PAWE adalah aspek yang ditekankan bagi mengkaji peranan PAWE ke atas kesejahteraan warga emas. Kajian yang dibuat oleh Asri Marsidi dan Hamrila Abdul Latip (2007) memfokus kepada komitmen pihak pengurusan terhadap organisasi, iaitu melihat pertalian di antara para pekerja dengan organisasi tempat bekerja. Hasil kajian mendapati bahawa pertalian (komitmen) yang kuat dalam diri pekerja kepada organisasinya akan menjurus kepada hasil yang diharapkan seperti mencapai matlamat bersama, nilai dan budaya kerja yang sehalu serta keinginan untuk melaksana misi organisasi. Apabila peningkatan produktiviti meningkat maka perkhidmatan yang diberikan mencapai sasaran serta tujuan. Ini bermaksud perkhidmatan di PAWE memberi pengaruh kepada kesejahteraan hidup warga emas. Oleh yang demikian kajian ini menyokong pernyataan kajian Asri Marsidi dan Hamrila Abdul Latip (2007) dan mendapati pihak pengurusan PAWE telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberikan mengikut garis panduan PAWE dan akhirnya memberi kesan yang baik kepada kesejahteraan hidup warga emas yang hadir ke PAWE. Kajian oleh Worrall, Cooper, dan Campbell-Jamison (2000) menyatakan sebuah organisasi akan menghargai pekerja yang mempunyai komitmen tinggi dan cenderung untuk dikaitkan dengan hasil kerja yang baik seperti peningkatan produktiviti, kepuasan kerja, kurangnya kadar ponteng kerja, kestabilan suasana kerja dan sebagainya.

Komitmen pihak pengurusan dilihat dari pelbagai perspektif yang merujuk kepada bermacam-macam kriteria, serta situasi. Pihak pengurusan juga memerlukan kebolehan, kecekapan, ketekunan dan kesetiaan petugas di sesuatu organisasi dan

dengan itu, pihak pengurusan akan melaksanakan tanggungjawab untuk memenuhi keperluan pihak atasan mereka, sekurang-kurangnya keperluan asas sebelum dapat memberikan komitmen (Lunjew, 1994). Oleh yang demikian dapat dinyatakan bahawa peranan utama pihak pengurusan PAWE ialah merancang program PAWE dalam menentukan PAWE mencapai matlamatnya untuk memberi manfaat kepada golongan warga emas dalam komuniti setempat setelah mengambil kira keperluan serta pandangan daripada ahli jawatankuasa PAWE. Namun begitu, garis panduan ini tidak pernah dikemaskini sejak tahun 2002 lagi. Beberapa perkara yang penting menurut responden seharusnya dimasukkan di dalam garis panduan terutama hal yang berkaitan dengan peraturan kewangan dan prosedur penjagaan warga emas.

Seterusnya adalah berkaitan pencapaian objektif PAWE, adalah menjadi peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan untuk memastikan objektif PAWE tercapai. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati PAWE akan berjaya meluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas bergantung kepada lokasi PAWE, serta keperluan warga emas setempat. Secara tidak langsung menyokong kajian oleh Nurizan Yahaya et al. (2010) yang menyatakan bahawa peratusan kesejahteraan hidup warga emas yang hidup berseorangan meningkat apabila tinggal berdekatan dengan lebih banyak perkhidmatan dan memudahkan hidup berdikari di dalam komuniti. Walaupun warga emas tinggal berseorangan di dalam komuniti, pelbagai perkhidmatan yang disediakan di PAWE dapat membantu memenuhi keperluan warga emas selain dapat memenuhi kesejahteraan hidup mereka.

Begitu juga objektif kedua PAWE iaitu sebagai kesinambungan kepada program-program pembangunan komuniti JKM apabila pihak pengurusan telah memainkan peranan mereka dengan melibatkan pelbagai kelompok masyarakat dan juga agensi

bagi menjayakan setiap program yang diadakan di PAWE. Respon yang baik daripada penglibatan agensi kerajaan, swasta, komuniti setempat serta ahli politik dilihat mampu menjadikan PAWE satu program komuniti JKM yang berjaya diwujudkan. Selari dengan cadangan kajian oleh Tollén, Fredriksson, dan Kamwendo (2007) yang mencadangkan agar penglibatan agensi-agensi berkaitan kesihatan di pusat-pusat komuniti untuk warga emas untuk memberikan perkhidmatan dan tidak ada bayaran yang dikenakan.

JKM telah mewujudkan kerjasama bersama diantara program komuniti seperti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti untuk OKU dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dalam pelaksanaan program di PAWE selaras dengan strategi kelima di dalam DWEN iaitu penglibatan dan kesepaduan antara generasi. Strategi ini memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat berlandaskan kepada penglibatan secara berterusan serta memfokus kepada usaha memupuk dan mengeratkan hubungan antara generasi melalui aktiviti/program yang dilaksanakan.

Responden kajian juga bersetuju dengan menyatakan perkhidmatan percuma yang disediakan di PAWE menjadikan PAWE sebagai satu alternatif kepada warga emas dari kategori keluarga berpendapatan rendah untuk mendapatkan perkhidmatan. Akhirnya PAWE telah berjaya memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran seterusnya membantu meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Selain itu, PAWE juga dapat meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif di dalam DWEN. Hasil kajian juga mendapati responden bersetuju bahawa warga emas yang aktif menjalani aktiviti serta program di PAWE, akan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Terdapat kajian yang menyokong pernyataan ini iaitu kajian oleh Sharifah Rosida Syed Ali (2012) yang mendapati

warga emas akan terus aktif apabila terlibat dalam pelbagai aktiviti kekeluargaan, serta kemasyarakatan. Ini adalah kerana mereka merasakan penyertaan dalam aktiviti kekeluargaan, kemasyarakatan atau pun bidang pekerjaan yang diceburi amat perlu agar tidak merasa sepi dan terpinggir daripada komuniti.

Kesimpulannya, pihak pengurusan PAWE telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberikan mengikut garis panduan PAWE, dan telah mencadangkan beberapa cadangan terhadap garis panduan tersebut. Cadangan tersebut dinyatakan di dalam subtopik cadangan di bawah.

6.6 Implikasi Kajian Terhadap Bidang Kerja Sosial

Selain melihat peranan PAWE ke atas kesejahteraan warga emas, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan implikasi terhadap bidang kerja sosial di Malaysia seperti berikut:

- i) Kajian ini memberikan implikasi terhadap bidang kerja sosial di Malaysia daripada aspek keperluan dasar serta polisi untuk menambahbaik perkhidmatan kepada warga emas sedia ada. Hasil kajian ini dapat mengukuhkan kenyataan bahawa PAWE merupakan satu program terbaik untuk warga emas dan memberi peranan ke atas kesejahteraan hidup warga emas. Kajian-kajian berkaitan PAWE hendaklah terus dijalankan, dan apabila kewujudan PAWE didapati memberi kesan yang baik, maka ianya secara langsung dapat mengurangkan kemasukan warga emas ke institusi penjagaan dan lantas akan mengurangkan kos. Keperluan yang berkaitan dengan PAWE harus disediakan terutamanya peruntukan kewangan dan latihan bagi memastikan program sedia ada diperkemaskan serta dapat diperkembangkan;

- ii) Selain itu, hasil dapatan kajian mendapati responden yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan dalam bidang kerja sosial mampu untuk memberikan pandangan yang luas terhadap isu berkaitan PAWE. Ini menunjukkan pengetahuan dan pengalaman berkaitan bidang sosial dilihat mampu untuk membantu mereka yang terlibat di PAWE untuk mengendalikan PAWE dengan lebih baik. Apabila pihak pengurusan mempunyai berpengetahuan dan latar belakang dalam bidang kerja sosial terlibat sebagai pihak pengurusan di PAWE, perancangan program di PAWE akan mengambil kira keperluan kepada warga emas seterusnya dapat memenuhi kesejahteraan hidup mereka. Sehubungan itu, kelayakan dalam bidang kerja sosial serta penyediaan latihan berkaitan perancangan program kepada warga emas kepada pihak pengurusan sedia ada dicadang sebagai penambahbaikan dalam peranan serta tanggungjawab pihak pengurusan PAWE; dan
- iii) Mengambil kira isu pertambahan warga emas serta cabaran berkaitan warga emas di Malaysia, maka kakitangan yang mempunyai latar belakang kerja sosial akan membantu perancangan aktiviti di PAWE dengan mengambil kira aspek sosial dan kesejahteraan warga emas di PAWE selain aspek kesihatan, kewangan, pendidikan dan lain-lain. Secara tidak langsung akan menjadikan kerja sosial dengan warga emas sebagai satu bidang yang diiktiraf dan berstatus professional di Malaysia yakni selaras dengan perkembangan kerja sosial di luar negara.

6.7 Cadangan Penambahbaikan Terhadap PAWE

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk melihat peranan PAWE terhadap kesejahteraan warga emas. Maka dengan itu, kajian ini mengutarakan beberapa cadangan sebagai penambahbaikan dalam menjadikan PAWE tempat yang terbaik kepada warga emas.

- i) Membuat penambahbaikan terhadap garis panduan PAWE sedia ada dengan memberikan perhatian terhadap kadar pemberian geran tahunan, pengurusan prosedur kewangan dan peraturan penjagaan atau pengendalian warga emas semasa mereka berada di PAWE;
- ii) Mengeluarkan garis panduan berkaitan peraturan atau prosedur mengenai pengurusan warga emas di PAWE sebagai panduan untuk memastikan warga emas terus hidup sejahtera setelah hadir dan mendapatkan perkhidmatan di PAWE;
- iii) Menyediakan satu garis panduan pelaksanaan program yang sesuai serta memberi manfaat kepada kesejahteraan warga emas;
- iv) Menambah bilangan atau menyediakan PAWE di kawasan kediaman yang berhampiran dengan komuniti setempat;
- v) Selain menjadikan PAWE tempat untuk menjalani aktiviti harian untuk warga emas, dicadangkan agar PAWE juga menjalankan program inter-generasi dengan penglibatan pelbagai peringkat umur dan agensi;

- vi) Mempromosikan PAWE pada tahap yang optimum agar PAWE sentiasa diberikan perhatian oleh masyarakat luar dan dilihat sebagai tempat yang terbaik bagi warga emas meningkatkan tahap kesejahteraan hidup mereka; dan
- vii) Menjadikan PAWE sebagai semua pusat yang menyediakan perkhidmatan *multi-service* iaitu pusat setempat bagi perkhidmatan lain yang bermanfaat kepada warga emas contohnya sebagai pusat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pembelian barangan, perkhidmatan bayaran bil, perkhidmatan kaunseling dan juga perkhidmatan berkaitan wasiat.

6.8 Cadangan Kajian Akan Datang

Limitasi kajian ini ialah kajian dijalankan hanya di PAWE di negeri Selangor dan melibatkan responden yang hadir pada hari soal selidik diedarkan. Maka penglibatan responden yang terlibat agak terhad. Kajian ini mencadangkan agar dibuat kajian susulan di masa akan datang dan mengambil kira serta membuat penambahan dalam perkara-perkara yang berikut:

- i) Skop kajian diperluaskan dengan mengambil kira kesemua lokasi PAWE yang ada sebagai lokasi kajian ataupun dikategorikan mengikut zon memandangkan kini bilangan PAWE telah bertambah menjadi 45 buah di seluruh negara;
- ii) Lokasi kajian melibatkan PAWE di Sabah dan Sarawak;
- iii) Kajian ini hanya melibatkan peranan PAWE dan kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE. Maka dicadangkan agar kajian akan datang untuk

melihat perbezaan kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE dengan warga emas yang tinggal di rumah;

- iv) Kajian ini telah menemubual pihak pengurusan PAWE, maka dicadangkan agar kajian akan datang mengadakan sesi temubual (kualitatif) bersama warga emas bagi mendapatkan data yang lebih menyeluruh; dan
- v) Membuat kajian perbandingan tahap kesejahteraan warga emas di antara PAWE bandar dengan PAWE luar bandar.

6.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, PAWE adalah satu program yang diwujudkan di bawah DWEN dan bermatlamat untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan kepada warga emas di Malaysia dalam usaha negara untuk menghadapi fenomena penuaan kelak. Kajian ini mendapati peranan pihak pengurusan PAWE dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Namun penambahbaikan terhadap garis panduan sedia ada amatlah perlu dilakukan mengikut keadaan serta keperluan situasi masa kini. Walaupun begitu, pihak pengurusan PAWE telah memberikan sepenuhnya komitmen terhadap PAWE dalam melaksanakan setiap program yang telah dirancang dalam usaha memastikan tahap kesejahteraan warga emas meningkat terutamanya warga emas di dalam komuniti. Pertambahan bilangan PAWE kelak akan menghilangkan keraguan pihak yang memantau program PAWE apabila mendapati PAWE berjaya sebagai satu program berteraskan komuniti kepada warga emas.

Hasil kajian yang dianalisis secara kuantitatif mendapati tahap kesejahteraan responden berada pada tahap yang tinggi. Ini sekaligus membuktikan apabila pihak pengurusan telah menjalankan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan, maka kesejahteraan warga emas yang hadir ke PAWE juga berada pada tahap yang tinggi. Kedua-dua aspek ini iaitu pihak pengurusan PAWE dan warga emas saling berkait dan memerlukan antara satu sama lain. Faktor demografi status perkahwinan dan dari kumpulan duda/balu dilihat mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kesejahteraan warga emas. Ini adalah kerana warga emas yang hidup tanpa pasangan adalah mereka yang memerlukan perkhidmatan di PAWE. PAWE adalah sebagai tempat untuk mereka meluangkan masa menjalani aktiviti, menemui rakan-rakan baru, mempelajari ilmu serta kemahiran yang akan berguna kepada mereka kelak. Hasil kajian seterusnya membuktikan terdapat hubungan yang kuat antara keberkesanan program melalui persepsi responden dengan kesejahteraan warga emas. Ini bermaksud apabila program yang dirancang di PAWE dilaksanakan dengan baik maka kesejahteraan warga emas juga pada tahap yang tinggi.

Akhirnya, keperluan dasar serta polisi untuk menambahbaik perkhidmatan kepada warga emas sedia ada sama ada secara langsung ataupun tidak langsung akan menjadikan kerja sosial dengan warga emas sebagai satu bidang yang diiktiraf dan berstatus professional di Malaysia dan selaras dengan perkembangan kerja sosial di luar negara.

RUJUKAN

- Abrams, M. (1973). Subjective social indicators. *Social Trends*, 4, 35-50.
- Adams, K. B., Sanders, S., & Auth, E. (2004). Loneliness and depression in independent living retirement communities: risk and resilience factors. *Aging & Mental Health*, 8(6), 475-485.
- Adi Fahrudin. (2012). Pengantar Kesejahteraan Sosial: Bandung: PT. Refika Aditama.
- Agate, J. R., Zabriskie, R. B., Agate, S. T., & Poff, R. (2009). Family leisure satisfaction and satisfaction with family life. *Journal of Leisure Research*, 41(2), 205-223.
- Agrawal, S. (2012). Effect of living arrangement on the health status of elderly in India: Findings from a national cross sectional survey. *Asian Population Studies*, 8(1), 87-101.
- Allardt, E. (1976). Dimensions of welfare in a comparative Scandinavian study. *Acta Sociologica*, 227-239.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoooff, & Khadijah Alavi. (2012). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healthy family generates prosperous community: An overview). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5), 51-63.
- Andrews, F. M. (1974). Social indicators of perceived life quality. *Social Indicators Research*, 1(3), 279-299.
- Annear, M., Keeling, S., Wilkinson, T., Cushman, G., Gidlow, B., & Hopkins, H. (2012). Environmental influences on healthy and active ageing: A systematic review. *Ageing and Society*, 1-33.
- Asri Marsidi, & Hamrila Abdul Latip. (2007). Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen pekerja di organisasi awam. *Jurnal Kemanusiaan*, 10.
- Bailey, K. (2008). *Methods of social research*: Simon and Schuster.
- Bedny, G. Z., & Karwowski, W. (2004). Activity theory as a basis for the study of work. *Ergonomics*, 47(2), 134-153.
- Berg, S., Mellström, D., Persson, G., & Svanborg, A. (1981). Loneliness in the Swedish aged. *Journal of Gerontology*, 36(3), 342-349.

- Bond, J., Coleman, P., & Peace, S. M. (1993). *Ageing in society: An introduction to social gerontology*: Sage.
- Bowling, A., & Dieppe, P. (2005). What is successful ageing and who should define it? *British Medical Journal*, 331(7531), 1548-1551.
- Bowling, A., Hankins, M., Windle, G., Bilotta, C., & Grant, R. (2013). A short measure of quality of life in older age: The performance of the brief Older People's Quality of Life questionnaire (OPQOL-brief). *Archives of gerontology and geriatrics*, 56(1), 181-187.
- Brajković, L., Gregurek, R., Kušević, Z., Strahinja Ratković, A., Braš, M., & Đorđević, V. (2011). Life satisfaction in persons of the third age after retirement. *Collegium antropologicum*, 35(3), 665-671.
- Bricker-Katz, G., Lincoln, M., & McCabe, P. (2009). A life-time of stuttering: How emotional reactions to stuttering impact activities and participation in older people. *Disability & Rehabilitation*, 31(21), 1742-1752.
- Buttel, F. H., Wilkening, E. A., & Martinson, O. B. (1977). Ideology and social indicators of the quality of life. *Social Indicators Research*, 4(1), 353-369.
- Bytheway, B. (2005). Ageism and age categorization. *Journal of Social Issues*, 61(2), 361-374.
- Cacioppo, J. T., Fowler, J. H., & Christakis, N. A. (2009). Alone in the crowd: the structure and spread of loneliness in a large social network. *Journal of Personality and Social Psychology*, 97(6), 977.
- Chalise, H. N., Kai, I., & Saito, T. (2010). Social support and its correlation with loneliness: A cross-cultural study of Nepalese older adults. *The International Journal of Aging and Human Development*, 71(2), 115-138.
- Chang, P.-J., Wray, L., & Lin, Y. (2014). Social relationships, leisure activity, and health in older adults. *Health Psychology*, 33(6), 516-523.
- Chen, A. J., Jones, G. W., & Domingo, L. J. (1989). *Ageing in ASEAN: Its socio-economic consequences*: Institute of Southeast Asian Studies.
- Chou, K.-L., Ho, A., & Chi, I. (2006). Living alone and depression in Chinese older adults. *Aging and Mental Health*, 10(6), 583-591.
- Clay, D. C., & Vander Haar, J. E. (1993). Patterns of intergenerational support and childbearing in the Third World. *Population Studies*, 47(1), 67-83.

- Creecy, R. F., Berg, W. E., & Wright, R. (1985). Loneliness among the elderly: a causal approach. *Journal of Gerontology*, 40(4), 487-493.
- Creswell, J. W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*: Sage publications.
- Daatland, S. O. (2005). Quality of life and ageing. *The Cambridge handbook of age and ageing*, 371-377.
- Dickens, A. P., Richards, S. H., Greaves, C. J., & Campbell, J. L. (2011). Interventions targeting social isolation in older people: a systematic review. *BMC public health*, 11(1), 647.
- Dolan, P., & Metcalfe, R. (2011). Measuring subjective wellbeing for public policy: Recommendations on measures.
- Donovan, N., Halpern, D., Sargeant, R., & Britain, G. (2002). *Life satisfaction: The state of knowledge and implications for government*: Cabinet Office, Strategy Unit.
- Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini Haji Idris, Norlaila Abu Bakar, & Norlida Hanim Mohd Salleh. (2008). *Institusi Penjagaan Warga Emas Di Malaysia, New Zealand Dan Australia: Satu Analisis Perbandingan*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III, , Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Drageset, J. (2004). The importance of activities of daily living and social contact for loneliness: a survey among residents in nursing homes. *Scandinavian Journal of Caring Sciences*, 18(1), 65-71.
- Elsawahli, H. M. H., Ahmad, F., & Ali, A. S. (2012). Neighbourhood design and the young elderly active lifestyle: A pilot survey.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd. Saifoul Zamzri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*: Universiti Utara Malaysia.
- Fellows, R. F., & Liu, A. M. (2009). *Research methods for construction*: John Wiley & Sons.
- Fengler, A. P., & Goodrich, N. (1979). Wives of elderly disabled men: The hidden patients. *The Gerontologist*, 19(2), 175-183.
- Fergusson, D. M., Horwood, L. J., & Beautrais, A. L. (1981). The measurement of family material well-being. *Journal of Marriage and the Family*, 715-725.

- Ferri, C., James, I., & Pruchno, R. (2009). Successful aging: Definitions and subjective assessment according to older adults. *Clinical Gerontologist*, 32(4), 379-388.
- Fielding, N., & Schreier, M. (2001). *Introduction: On the compatibility between qualitative and quantitative research methods*. Paper presented at the Forum Qualitative Sozialforschung/Forum: Qualitative Social Research.
- Franklin, N. C., & Tate, C. A. (2009). Lifestyle and successful aging: An overview. *American Journal of Lifestyle Medicine*, 3(1), 6-11.
- Gagliardi, C., Spazzafumo, L., Marcellini, F., Mollenkopf, H., Ruoppila, I., Tacken, M., & Szemann, Z. (2007). The outdoor mobility and leisure activities of older people in five European countries. *Ageing and Society*, 27(05), 683-700.
- Garfinkel, I., Haveman, R. H., & Betson, D. (1977). *Earnings capacity, poverty, and inequality*: Academic Press New York.
- Gobbens, R. J., Van Assen, M. A., Luijckx, K. G., & Schols, J. M. (2012). The predictive validity of the Tilburg Frailty Indicator: disability, health care utilization, and quality of life in a population at risk. *The Gerontologist*, 52(5), 619-631.
- Grabowski, D. C., Stevenson, D. G., & Cornell, P. Y. (2012). Assisted living expansion and the market for nursing home care. *Health services research*, 47(6), 2296-2315.
- Hadi Kooshiar, Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Hamid, Asnarulkhadi Abu Samah, & Vajiheh Sedaghat Jou. (2012). Living arrangement and life satisfaction in older Malaysians: the mediating role of social support function. *PloS one*, 7(8), e43125.
- Han, M. (2012). *Health care of the elderly in Myanmar*. Paper presented at the Regional Health Forum WHO South-East Asia Region.
- Havanon, N., Knodel, J., & Sittitrai, W. (1992). The impact of family size on wealth accumulation in rural Thailand. *Population Studies*, 46(1), 37-51.
- Heravi-Karimooi, M., Anoosheh, M., Foroughan, M., Sheykhi, M. T., & Hajizadeh, E. (2010). Understanding loneliness in the lived experiences of Iranian elders. *Scandinavian Journal of Caring Sciences*, 24(2), 274-280.
- Herzog, A., & House, J. S. (1991). Productive activities and aging well. *Generations: Journal of the American Society on Aging*.

- Holloway, I. (2005). Qualitative writing. *Qualitative research in health care*, 270-284.
- Holman, T. B., & Jacquart, M. (1988). Leisure-activity patterns and marital satisfaction: A further test. *Journal of Marriage and the Family*, 69-77.
- Horwitz, A. V. (1993). Adult siblings as sources of social support for the seriously mentally ill: A test of the serial model. *Journal of Marriage and the Family*, 623-632.
- Huang, H.-M., & Soong, J.-J. (2013). ASEAN Migrants: A Boon for Taiwan's Aging Populace. *Journal of ASEAN Studies*, 1(2), 161-172.
- Huang, L.-H., & Lin, Y.-C. (2002). The health status and needs of community elderly living alone. *Journal of Nursing Research*, 10(3), 227-236.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (1995). *Dasar Warga Tua Negara*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2002). *Garis Panduan Perlaksanaan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWT)*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). *Dasar Dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2012). *Laporan Tahunan : Perkhidmatan Bahagian Warga Tua dan Keluarga*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013). *Laporan Tahunan : Perkhidmatan Bahagian Warga Tua dan Keluarga*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1973). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am, Jilid 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1974). *Unjuran penduduk Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1983). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am banci penduduk 1980, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1995). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1990. Laporan am banci penduduk 1991, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Laporan banci penduduk dan perumahan. Kuala Lumpur. Jabatan Perangkaan Malaysia.*
- Jane, T. K. L., Tey, N. P., & Ng, S. T. (2014). Loneliness among older Malaysians/Jane Teh Kimm Lii, Assoc. Prof Tey Nai Peng and Dr. Ng Sor Tho.
- Jaremka, L. M., Fagundes, C. P., Glaser, R., Bennett, J. M., Malarkey, W. B., & Kiecolt-Glaser, J. K. (2013). Loneliness predicts pain, depression, and fatigue: Understanding the role of immune dysregulation. *Psychoneuroendocrinology*, 38(8), 1310-1317.
- Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron, & Gikonyo, L. W. (2008). Gender differences in income sources of the elderly in Peninsular Malaysia. *Journal of Family and Economic Issues*, 29(4), 623-633.
- Jarosz, E. (1999). Anthropometry of elderly women in Poland: dimensions for design. *International Journal of Industrial Ergonomics*, 25(2), 203-213.
- Jopp, D. S., & Hertzog, C. (2010). Assessing adult leisure activities: an extension of a self-report activity questionnaire. *Psychological Assessment*, 22(1), 108.
- Keyes, C. L., Dhingra, S. S., & Simoes, E. J. (2010). Change in level of positive mental health as a predictor of future risk of mental illness. *American Journal of Public Health*, 100(12), 2366.
- Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua : Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti. *Kajian Malaysia*, XXV(2), 55-71.
- Khadijah Alavi, Rahim M Sail, Khairuddin Idris, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2010). Pengalaman Penjagaan Ibu Bapa Tua oleh Anak Dewasa: Satu Kajian dalam Kalangan Penduduk Melayu Bandar Berpendapatan Rendah. *Akademika*, 78(1).
- Kozar-Westman, M., Troutman-Jordan, M., & Nies, M. A. (2013). Successful Aging Among Assisted Living Community Older Adults. *Journal of Nursing Scholarship*, 45(3), 238-246.
- Krop, J. S., Coresh, J., Chambless, L. E., Shahar, E., Watson, R. L., Szklo, M., & Brancati, F. L. (1999). A community-based study of explanatory factors for the excess risk for early renal function decline in blacks vs whites with diabetes: the Atherosclerosis Risk in Communities study. *Archives of Internal Medicine*, 159(15), 1777-1783.

- Kuzuya, M., Masuda, Y., Hirakawa, Y., Iwata, M., Enoki, H., Hasegawa, J., & Iguchi, A. (2006). Day Care Service Use Is Associated with Lower Mortality in Community-Dwelling Frail Older People. *Journal of the American Geriatrics Society*, 54(9), 1364-1371.
- Kwan, Y.-h. (2003). *Assessment, Validation, and Promotion for the Quality of Life and Continuum of Care of Elderly People in Hong Kong: Research Report*: Department of Applied Social Studies, City University of Hong Kong.
- Latifah, A. L. (2010). Jaga umur biologi. Retrieved from www.hmetro.com.mymymetroarticlesjagaumurbiologimy website:
- Lee, J. J. (2005). An exploratory study on the quality of life of older Chinese people living alone in Hong Kong *Quality-of-Life Research in Chinese, Western and Global Contexts* (pp. 335-361): Springer.
- Liang, J., Dvorkin, L., Kahana, E., & Mazian, F. (1980). Social integration and morale: A re-examination. *Journal of Gerontology*, 35(5), 746-757.
- Liang, J., & Fairchild, T. J. (1979). Relative deprivation and perception of financial adequacy among the aged. *Journal of Gerontology*, 34(5), 746-759.
- Litwak, E. (1985). *Helping the elderly: The complementary roles of informal networks and formal systems*: Guilford Press New York.
- Lopata, H. Z. (1995). Feminist perspectives on social gerontology. *Handbook of aging and the family*, 114-131.
- Lunjew, M. D. (1994). *Participation In Decision-Making Among Trainers And Relationships With Job Satisfaction And Performance*. Universiti Pertanian Malaysia.
- Luo, Y., Hawkey, L. C., Waite, L. J., & Cacioppo, J. T. (2012). Loneliness, health, and mortality in old age: A national longitudinal study. *Social Science & Medicine* 74(6), 907-914.
- Ma'arof Rizduan, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2006). *Hubungan latar belakang terpilih dengan kesejahteraan subjektif di kalangan orang tua*. Paper presented at the Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti, ISM- UKM.
- Masi, C. M., Chen, H.-Y., Hawkey, L. C., & Cacioppo, J. T. (2010). A meta-analysis of interventions to reduce loneliness. *Personality and Social Psychology Review*.
- McInnis, G. J., & White, J. H. (2001). A phenomenological exploration of loneliness in the older adult. *Archives of Psychiatric Nursing*, 15(3), 128-139.

- Merkin, S. S., Diez Roux, A. V., Coresh, J., Fried, L. F., Jackson, S. A., & Powe, N. R. (2007). Individual and neighborhood socioeconomic status and progressive chronic kidney disease in an elderly population: The Cardiovascular Health Study. *Social Science and Medicine*, 65(4), 809-821.
- Mohd Makzan Musa. (1992). Psikologi kesihatan : Satu pengenalan. *Jurnal Kabajikan Masyarakat*, 15(2), 30-39.
- Morgan, J. N. (1974). Five Thousand American Families--Patterns of Economic Progress. Volume I: An Analysis of the First Five Years of the Panel Study of Income Dynamics.
- Neugarten, B. L., Havighurst, R. J., & Tobin, S. S. (1996). Personality and patterns of aging. *Robert J. Havighurst und et al.(Hg.): The meanings of age. Chicago [ua]: Univ. of Chicago Pr*, 264-269.
- Neuman, W. L., & Wiegand, B. (2000). *Criminal justice research methods: Qualitative and quantitative approaches* Allyn and Bacon Needham Heights, MA.
- Ng, S. T., Tengku Aizan Hamid, & Tey, N. P. (2010). Perceived health status and daily activity participation of older Malaysians. *Asia-Pacific Journal of Public Health*.
- Ng, S. T., Tey, N. P., Yew, S. Y., Sia, B. K., & Long, B. S. (2012). Effects of Quality of Service and Activities on Life Satisfaction of Residents in Nursing Homes.
- Ngin, C. and J. DaVanzo. 1999. Parent-child coresidence and quasi-coresidence in Peninsular Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science* 27(2): 43-64.
- Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Hj. Idris, & Doris Padmini Selavaratnam. (2009). *Kesejahteraan Ekonomi Warga Emas Di Malaysia : Perbezaan Gender*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (Perkem IV) Kuantan Pahang.
- Norris, J. C., Lane, S., Anderson, J. N., & Block, G. (2003). Nonlinearity in demographic and behavioral determinants of morbidity. *Health services research*, 38(6p2), 1791-1818.
- Nurizan Yahaya, Siti Suhailah Abdullah, Yadollah Abolfathi Momtaz, & Tengku Aizan Hamid. (2010). Quality of life of older Malaysians living alone. *Educational Gerontology*, 36(10-11), 893-906.
- O'Hartaigh, B., Pahor, M., Buford, T. W., Dodson, J. A., Forman, D. E., Gill, T. M., & Group, L. S. (2014). Physical activity and resting pulse rate in older adults:

- Findings from a randomized controlled trial. *American Heart Journal*, 168(4), 597-604.
- Ofstedal, M. B., Reidy, E., & Knodel, J. (2004). Gender differences in economic support and well-being of older Asians. *Journal of Cross-Cultural Gerontology*, 19(3), 165-201.
- Orsega-Smith, E., Payne, L. L., & Godbey, G. (2003). Physical and psychosocial characteristics of older adults who participate in a community-based exercise program. *Journal of Aging and Physical Activity*, 11(4), 516-532.
- Painter, J. E., Borba, C. P., Hynes, M., Mays, D., & Glanz, K. (2008). The use of theory in health behavior research from 2000 to 2005: a systematic review. *Annals of Behavioral Medicine*, 35(3), 358-362.
- Penning, M. J., Liu, G., & Chou, P. H. B. (2014). Measuring loneliness among middle-aged and older adults: the UCLA and de Jong Gierveld Loneliness Scales. *Social Indicators Research*, 118(3), 1147-1166.
- Perneger, T. V., Whelton, P. K., & Klag, M. J. (1995). Race and end-stage renal disease: socioeconomic status and access to health care as mediating factors. *Archives of Internal Medicine*, 155(11), 1201-1208.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (1991). *Sex and age distribution of population*. New York: Department of International Economics and Social Affairs.
- Pettigrew, S., Donovan, R., Boldy, D., & Newton, R. (2014). Older people's perceived causes of and strategies for dealing with social isolation. *Aging & Mental Health*, 18(7), 914-920.
- Poi, P. J.-H., Forsyth, D. R., & Chan, D. K. (2004). Services for older people in Malaysia: issues and challenges. *Age and ageing*, 33(5), 444-446.
- Pordes, A. (1994). *Averting the old age crisis: Policies to protect the old and promote growth*: World Bank. New York: Oxford University Press
- Reynolds, P. D. (1979). Ethical dilemmas and social science research.
- Rostand, S. G., Brown, G., Kirk, K. A., Rutsky, E. A., & Dustan, H. P. (1989). Renal insufficiency in treated essential hypertension. *New England Journal of Medicine*, 320(11), 684-688.
- Rowe, J. W., & Kahn, R. L. (1997). Successful aging. *The Gerontologist*, 37(4), 433-440.

- Rudd, N. M., & Kline, K. L. (1976). Money value of consumption and income of rural families: Two measures of economic status. *Social Indicators Research*, 3(2), 217-236.
- Salma Ishak, & Fuziah Shaffie. (1998). Pondok sebagai satu pilihan tempat tinggal di kalangan orang tua.
- Sekaran, U. (2006). *Research methods for business: A skill building approach*: John Wiley & Sons.
- Shanas, E. (1980). Older people and their families: The new pioneers. *Journal of Marriage and the Family*, 9-15.
- Sharan B. Merriam, & Mazanah Mohamad. (2000). How cultural values shape learning in older adulthood: The case of Malaysia. *Adult Education Quarterly*, 51(1), 45-63.
- Sharifah Rosida Syed Ali. (2012). *Pengaruh Faktor Peribadi, Sokongan Sosial, Tahap Kesihatan dan Agama ke Atas Warga Tua Produktif*. Universiti Utara Malaysia.
- Shin, S., & Sok, S. (2012). A comparison of the factors influencing life satisfaction between Korean older people living with family and living alone. *International nursing review*, 59(2), 252-258.
- Shiovitz-Ezra, S., & Leitsch, S. A. (2010). The role of social relationships in predicting loneliness: The national social life, health, and aging project. *Social Work Research*, 34(3), 157-167.
- Silverstein, M., Cong, Z., & Li, S. (2006). Intergenerational transfers and living arrangements of older people in rural China: Consequences for psychological well-being. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 61(5), S256-S266.
- Sim, O. F. (2002). Ageing in Malaysia. *Ageing and long-term care: National policies in the Asia-Pacific*(26), 107.
- Siti Aisyah Saat, & Azlina Abu Bakar. (2009). Warga tua yang produktif: Meneliti penglibatan peniaga warga tua di Pantai Timur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Marziah Zakaria, Khadijah Alavi, & Nasrudin Subhi. (2013). Risiko kesunyian dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 1(1), 49-56.

- Stanley, M., Moyle, W., Ballantyne, A., Jaworski, K., Corlis, M., Oxlade, D., . . . Young, B. (2010). 'Nowadays you don't even see your neighbours': loneliness in the everyday lives of older Australians. *Health & social care in the community*, 18(4), 407-414.
- Syed Abdul Razak Syed Mahadi. (2000). Perubahan struktur umur penduduk: Impak cabaran kepada pembangunan negara. Retrieved from portalfsss.um.edu.my. website:
- Tinker, A. (2014). *Older people in modern society*: Routledge.
- Tuckman, B. (1999). Constructing research designs. *Conducting educational research*, 159-196.
- Tollén, A., Fredriksson, C., & Kamwendo, K. (2007). Elderly persons' expectations of day-care rehabilitation. *Scandinavian journal of occupational therapy*, 14(3), 173-182.
- Troutman, M., Nies, M. A., Small, S., & Bates, A. (2011). The development and testing of an instrument to measure successful aging. *Research in gerontological nursing*, 4(3), 221-232.
- VanderWeele, T. J., Hawkey, L. C., & Cacioppo, J. T. (2012). On the reciprocal association between loneliness and subjective well-being. *American journal of epidemiology*, 176(9), 777-784.
- Ward, E., Barnes, M., & Gahagan, B. (2012). Well-being in old age: findings from participatory research.
- Walker, A. (1999). *Managing an ageing workforce: A guide to good practice*: European Foundation for the Improvement of Living and Working Conditions Dublin.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2006). Fenomena ibu tunggal dan masa depan warga tua desa di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 9, 85-108.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2007). Perubahan demografi dan kajian mengenai warga tua di Malaysia: Sumbangan sarjana tempatan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23-49.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, & Zainab Ismail. (2010a). Mengenal warga tua desa di Malaysia: Profil sosial dan pengaturan tempat kediaman. *Journal of Governance and Development*, 6, 22-39.

- Wan Ibrahim Wan Ahmad, & Zainab Ismail. (2010b). Tahap Penghayatan Agama Warga Tua: Pengukuran dan Persoalan Metodologi. *The Journal of Al-Hikmah*, 2, 161-180.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad , & Zainab Ismail. (2011). Population ageing and religious participation among rural elderly in Terengganu, Malaysia. *Journal of US-China Public Administration*, 8(9), 968-977.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Zainab Ismail, & Che Yusoff Che Mamat. (2003). Penjagaan warga tua dalam budaya melayu di Malaysia: Kes masyarakat desa di Kelantan. *Malaysian Journal of Social Administration*, 2, 81-103.
- Weeks, D. J. (1994). A review of loneliness concepts, with particular reference to old age. *International Journal of Geriatric Psychiatry*, 9(5), 345-355.
- Wells, L., & Macdonald, G. (1981). Interpersonal networks and post-relocation adjustment of the institutionalized elderly. *The Gerontologist*, 21(2), 177-183.
- Worrall, L., Cooper, C. L., & Campbell-Jamison, F. (2000). The impact of organizational change on the work experiences and perceptions of public sector managers. *Personnel Review*, 29(5), 613-636.
- Yadollah Abolfathi Momtaz, Tengku Aizan Hamid, Suraya Yusoff, Rahimah Ibrahim, Chai Sen Tyng, Nurizan Yahaya, & Siti Suhailah Abdullah. (2012). Loneliness as a risk factor for hypertension in later life. *Journal of Aging and Health*, 24(4), 696-710.
- Yahaya Mahamood, & Zainon Jalani. (1991). Orang tua melayu (IV): Persepsi mereka terhadap kematian. *Majalah Psikologi*, 60-79.
- Zainab Ismail, & Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2008). *The role of Social Welfare Department of Malaysia towards a better life amongst older persons*. Paper presented at the Mediterranean Conference for Academic Disciplines., Malta: February, pp: 22-26.
- Zunzunegui, M. V., Beland, F., & Otero, A. (2001). Support from children, living arrangements, self-rated health and depressive symptoms of older people in Spain. *International Journal of Epidemiology*, 30(5), 1090-1099.

LAMPIRAN A : Dasar Warga Emas Negara

PENGENALAN

1. Penuaan penduduk adalah fenomena abad ke 21. Penuaan penduduk adalah realiti yang tidak dapat dinafikan. Impaknya terhadap negara bergantung kepada sejauh mana negara bersedia untuk menghadapinya.

2. Penuaan penduduk berlaku apabila peratusan penduduk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15% daripada jumlah penduduk. Penuaan penduduk menyentuh setiap aspek hidup individu, masyarakat dan negara. Situasi kehidupan di peringkat tua bergantung kepada perjalanan dan perancangan hidup di peringkat awal lagi.

3. Penuaan penduduk merupakan fenomena yang belum pernah dialami oleh tamadun manusia. Oleh itu beberapa persidangan di peringkat antarabangsa telah memberi fokus kepada isu berkaitan dengan penuaan penduduk dunia. Persidangan tersebut telah menghasilkan beberapa dokumen yang digunakan oleh Kerajaan untuk merancang dan merencanakan program mengenai isu penuaan penduduk. Dokumen-dokumen tersebut adalah:

- (i) *Vienna International Plan of Action, 1982;*
- (ii) *Principles for Older Persons, 1991;*
- (iii) *International Conference on Population and Development, 1994;*
- (iv) *The Copenhagen Declaration on Social Development, 1995;*
- (v) *Agenda for Action on Social Development in the ESCAP Region, revised 1997;*
- (vi) *Macao Declaration and Plan of Action on Ageing for Asia and the Pacific, 1999;*
- (vii) *Shanghai Implementation Strategy, 1999;*
- (viii) *Millennium Development Goals, 2000;*
- (ix) *Madrid International Plan of Action on Ageing (MIPAA), 2002;*
- (x) *WHO Active Ageing Framework, 2002;* dan
- (xi) *United Nations Guide to the National Implementation of the Madrid International Plan of Action on Ageing, 2008.*

4. Pada peringkat nasional, dokumen dan dasar yang dirujuk dalam penilaian semula Dasar Warga Tua Negara adalah:

- (i) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, 1990;
- (iii) Dasar Pembangunan Nasional, 1991;
- (iv) Dasar Sosial Negara, 2003;
- (v) Dasar Kesihatan Warga Emas, 2008; dan
- (vi) Wawasan 2020 serta Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.

5. Malaysia sebagai negara membangun akan merasai penuaan penduduk dalam masa terdekat. Kelajuan Malaysia mencapai status negara tua adalah lebih pesat berbanding negara maju. Ini adalah kerana transisi demografi kedua yang dialami berlaku dalam konteks perkembangan teknologi perubatan yang canggih. Warga emas di Malaysia akan berganda daripada 7% kepada 14% dalam masa 28 tahun sahaja berbanding negara Sweden yang telah mengambil masa selama 112 tahun untuk perubahan yang sama (Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB), 2007). Sehubungan itu, Malaysia tidak mampu berlengah untuk menangani isu-isu berkaitan penuaan penduduk.

6. Mengikut unjuran PBB (2009), Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk. Ini bermakna Malaysia akan menjadi negara tua menjelang Rancangan Malaysia ke-14. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk dengan penggubalan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995.

TAKRIFAN

Warga Emas

7. Merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna (PBB, 1982) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Penuaan Sihat

8. Penuaan sihat merujuk kepada usaha ke arah gaya hidup sihat dan membentuk sistem kesihatan yang lebih baik serta mewujudkan persekitaran dan komuniti yang mengutamakan kesihatan.

Penuaan Positif

9. Penuaan positif merujuk kepada pegangan kepercayaan dan nilai positif yang menjadi tunjang kehidupan dan jati diri warga emas sebagai panduan dalam kehidupan serta sikap dan pandangan positif terhadap penuaan.

Penuaan Aktif

10. Penuaan aktif merujuk kepada proses mengoptimumkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah mendayaupayakan warga emas untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Aspek ini merangkumi kuantiti, kualiti dan skop jaringan sosial, peranan timbal balik dan hubungan antara generasi yang wujud sepanjang hayat.

Penuaan Produktif

11. Penuaan produktif merujuk kepada kapasiti penglibatan warga emas untuk menyumbang dalam bentuk aktiviti kerja bergaji atau sukarela yang dapat memberi makna dan kepuasan.

Penuaan Menyokong

12. Penuaan menyokong merujuk kepada persekitaran dalaman dan luaran yang mesra warga emas bagi membolehkan warga emas berfungsi dengan baik. Persekitaran yang membolehkan dan membantu dapat mengurangkan ketidakupayaan yang dialami individu dan akan menggalakkan penglibatan warga emas dalam masyarakat. Aspek ini juga mengambil kira penggunaan teknologi bagi membantu warga emas hidup berdikari.

Kesejahteraan

13. Kesejahteraan dalam konteks dasar ini merangkumi 5 dimensi utama iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong). Warga emas akan hidup dengan sejahtera apabila dapat menikmati keseimbangan dalam kelima-lima dimensi ini.

FALSAFAH DASAR

14. Dasar Warga Emas Negara mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

NILAI DASAR

15. Dasar ini masih mengguna pakai nilai-nilai murni yang disenaraikan dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara (1998) iaitu:

- (i) baik hati;
- (ii) berdikari;
- (iii) berhemah tinggi;
- (iv) hormat;
- (v) kasih sayang;
- (vi) keadilan;
- (vii) kebebasan;
- (viii) keberanian;
- (ix) kebersihan fizikal dan mental;
- (x) kejujuran;
- (xi) kerajinan;
- (xii) kerjasama;
- (xiii) kesederhanaan;
- (xiv) kesyukuran;
- (xv) rasional; dan
- (xvi) semangat bermasyarakat.

PERNYATAAN DASAR

16. Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

PRINSIP DASAR

17. Prinsip yang diguna pakai dalam menggubal dasar ini adalah seperti berikut:

- (i) menggunakan pendekatan perkembangan sepanjang hayat;
- (ii) mengiktiraf hak untuk mendapat keperluan asas yang berkualiti;
- (iii) mengutamakan kesaksamaan peluang untuk mengakses pelbagai sumber;
- (iv) meningkatkan martabat diri dan berdikari;
- (v) mengeratkan hubungan antara generasi;
- (vi) meningkatkan penyertaan dan penglibatan; dan
- (vii) mengukuhkan kerjasama dan perkongsian tanggungjawab.

Prinsip ini diadaptasi daripada prinsip PBB ke atas warga emas dan *Madrid International Plan of Action on Ageing* (MIPAA).

MATLAMAT DASAR

18. Mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membolehkan dan membantu supaya warga emas hidup sejahtera.

OBJEKTIF DASAR

19. Objektif dasar adalah untuk:

- (i) membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua;
- (ii) memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat;

- (iii) menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi;
- (iv) membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu;
- (v) meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur; dan
- (vi) menggalakkan penggunaan hasil penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program warga emas.

STRATEGI

20. Sebanyak 6 strategi dibentuk sebagai pendekatan untuk mencapai objektif dasar seperti berikut:

Promosi dan Advokasi

21. Strategi ini memberi tumpuan kepada usaha berterusan untuk memupuk kesedaran mengenai isu dan cabaran penuaan dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Promosi mengenai penuaan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan sensitiviti dan keprihatinan orang ramai supaya melihat penuaan sebagai proses kumulatif yang berlaku sepanjang hayat.

22. Warga emas perlu dipromosi sebagai aset negara yang boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara. Aktiviti promosi juga merangkumi pembangunan keupayaan (*capacity building*) melalui latihan dan kemahiran mengenai warga emas dalam kalangan pelaksana dasar serta pembekal perkhidmatan. Pelaksana dasar perlu lebih proaktif manakala pembekal perkhidmatan pula perlu sedar tentang kesan penuaan pada komuniti setempat. Selain itu, advokasi untuk mengenengahkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga emas masa kini dan akan datang perlu dilaksanakan melalui gabungan golongan pakar dan kumpulan sokongan.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

23. Strategi ini memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat.

Strategi ini memfokuskan kepada pelaburan modal insan yang memberi tumpuan kepada persediaan awal dan tindakan pencegahan serta usaha untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas masa kini dan masa hadapan.

24. Semua program yang berkaitan dengan pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat perlu menekankan kepada penerapan nilai murni, keseimbangan ekonomi, kesihatan, sosial, persekitaran fizikal dan kerohanian. Selain itu, ruang dan peluang bagi warga emas untuk menyumbang dalam program pembelajaran dan pengajaran, perkongsian pengalaman dan penyampaian ilmu serta kemahiran perlu diutamakan supaya peranan dan status mereka dapat dikekalkan dalam masyarakat.

Keselamatan dan Perlindungan

25. Hak mendapatkan keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek diutamakan tanpa mengira latar belakang mereka. Akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan, serta penderaan perlu dijamin dalam peruntukan undang-undang.

Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab

